



PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM (*Programme Self-Review Report (PSRR)*)

PSRR 2.0 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

EDISI 2025

© Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Putra Malaysia 2025

Cetakan pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Putra Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e ISBN 978-629-97876-5-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Putra Malaysia

Bangunan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi),

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

03-97691508

cqa@upm.edu.my

<https://cqa.upm.edu.my>

PRAKATA

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Panduan Penyediaan Laporan Kendiri Program Pengajian (*Programme Self-Review Report – PSRR*) ini berjaya diterbitkan oleh Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai panduan kepada fakulti, jabatan dan pemilik program dalam menyediakan laporan kendiri bagi tujuan penilaian akreditasi program.

Panduan ini dibangunkan selaras dengan keperluan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) yang digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ia bertujuan membantu pihak berkepentingan di UPM menyediakan laporan kendiri secara sistematik, menyeluruh, berasaskan bukti dan berpandukan kepada standard jaminan kualiti yang ditetapkan.

Laporan kendiri bukan sahaja menjadi dokumen penting dalam proses penilaian akreditasi, malah berperanan sebagai cerminan dalaman terhadap kekuatan dan penambahbaikan berterusan sesebuah program pengajian. Diharapkan panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memastikan kualiti dan kebolehpercayaan program akademik yang ditawarkan di UPM sentiasa terpelihara.

Pusat Jaminan Kualiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen semua pihak yang terlibat dalam penyediaan panduan ini dan usaha berterusan ke arah kecemerlangan akademik UPM.

Prof. Madya Dr. Noor Syamilah Zakaria

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti,
Universiti Putra Malaysia

Editor

- | | | |
|----|---|-----------------------|
| 1. | Prof. Madya Dr. Noor Syamilah Zakaria, K.B., P.A. | Pusat Jaminan Kualiti |
| 2. | Puan Rahmawati Umar | Pusat Jaminan Kualiti |
| 3. | Cik Aidawati Ramali | Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | Pn. Shaerin Azlin Ab Rahman | Pusat Jaminan Kualiti |
| 5. | Pn. Anis Syahirah Abdullah | Pusat Jaminan Kualiti |
| 6. | Pn. Norliyani Anor | Pusat Jaminan Kualiti |
| 7. | Cik Nor Syazila Abdul Rahim | Pusat Jaminan Kualiti |

Pasukan Penulis

- | | | |
|-----|--|--|
| 1. | Prof. Madya Dr. Muskhazli Mustafa | Fakulti Sains |
| 2. | Prof. Madya Dr. John Keen Chubo | Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan |
| 3. | Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Farah Nora Aznieta Abd. Aziz | Fakulti Kejuruteraan |
| 4. | Prof. Madya Dr. Fazirulhisyam Hashim | Fakulti Kejuruteraan |
| 5. | Prof. Madya Dr. Farina Mustaffa Kamal | Fakulti Perubatan Veterinar |
| 6. | Prof. Madya Dr. Farah Adibah Che Ishak | Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 7. | Prof. Madya Dr. Juwaidah Sharifuddin | Fakulti Pertanian |
| 8. | Dr. Zufarzaana Zulkeflee | Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 11. | Pn. Nurhanisah Sadun | Fakulti Ekologi Manusia |

Entiti Penyumbang Input

Pasukan Program Bacheloer Akuakultur dengan Kepujian, Fakulti Pertanian
 Pasukan Program Bacheloer Sains Biologi dengan Kepujian, Fakulti Sains
 Pasukan Program Master Keusahawanan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi

Pereka Bentuk Kulit Buku

Puan Rahmawati Umar


Sekretariat

Jaminan Kualiti Akademik, Pusat Jaminan Kualiti UPM

Senarai Isi Kandungan

Muka Surat

Glosari -----	v
Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR) untuk Fakulti/Sekolah	
Tujuan Panduan -----	1
Apakah PSRR? -----	1
Apakah Tujuan PSRR? -----	1
Bilakah PSRR Perlu Disediakan? -----	2
Siapakah Yang Perlu Menyediakan PSRR? -----	3
Bagaimanakah Proses Penilaian Kendiri Program? -----	4
Apakah Format PSRR? -----	4
Apakah Kandungan PSRR? -----	5
Fokus dan Contoh Data/Maklumat Mengikut Bidang -----	6
Lampiran 1: Templat Penulisan PSRR -----	12
Lampiran 2: Contoh Penulisan PSRR Mengikut Bidang -----	
➤ Bidang 1 : Pembangunan dan Penyampaian Program -----	14
➤ Bidang 2 : Penilaian Pembelajaran Pelajar -----	20
➤ Bidang 3 : Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar -----	24
➤ Bidang 4 : Staf Akademik -----	28
➤ Bidang 5 : Sumber Pendidikan -----	33
➤ Bidang 6 : Pengurusan Program -----	40
➤ Bidang 7 : Pemantauan, Semakan Program dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan -----	50
Lampiran 3: Contoh Penulisan PSRR Tiga Program Rintis	
➤ 3.1 Bachelors Sains Akuakultur dengan Kepujian, Fakulti Pertanian -----	55
➤ 3.2 Bachelors Sains Biologi dengan Kepujian, Fakulti Sains -----	74
➤ 3.3 Master Keusahawanan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi -----	115
Sumber Rujukan -----	145



PANDUAN PENYEDIAAN

LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM

(Programme Self-Review Report (PSRR))

.....

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM (PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR))

1. Tujuan Panduan

- 1.1 Panduan ini disediakan untuk memberikan panduan umum kepada fakulti/sekolah dalam menyediakan Laporan Penilaian Kendiri Program (*Programme Self-Review Report (PSRR)*) bagi memenuhi keperluan akreditasi program.

2. Apakah PSRR?

- 2.1 PSRR merupakan **satu laporan** yang dihasilkan berdasarkan **penilaian sendiri secara dalaman** yang dilaksanakan oleh fakulti/sekolah ke atas sesuatu program dengan mengenal pasti **keadaan semasa program**, mengambil kira **kekuatan program, ruang penambahbaikan** termasuk **penyesuaian dengan keperluan dalaman atau luaran** sesebuah institusi.

(Rujuk Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (2014), 3.4.4, Muka surat 54)

- 2.2 **PSRR merupakan penilaian sendiri yang mesti difahami dan diterima oleh semua yang terlibat** dalam pelaksanaan program supaya hasil dan implikasinya dapat diambil tindakan dengan sewajarnya. Penilaian sendiri ini perlu **dilaksanakan secara berkala** bagi memastikan kualiti program sentiasa dipantau dan dipertingkatkan.

- 2.3 PSRR perlu disediakan sebagai satu keperluan untuk tujuan penilaian Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan bagi memastikan penambahbaikan berterusan dibuat di peringkat fakulti/sekolah yang menawarkan program.

(Rujuk COPPA Edisi Kedua (2017), 4.1. The Programme Self-Review, Muka surat 60)

- 2.4 PSRR merupakan sebahagian daripada keperluan dalam penyediaan dokumen program dan **WAJIB** diletakkan di akhir setiap tujuh bidang penilaian dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*).

3. Apakah Tujuan PSRR?


- 3.1 PSRR bertujuan untuk:

- a) **Memastikan suatu analisis dan penilaian dibuat** terhadap program serta **menyemak keberkesanan pelaksanaan perancangan tindakan** supaya program berjaya mencapai matlamat;

- b) **Mengenal pasti kekuatan program yang melebihi standard** dan aspek yang **memerlukan perhatian** bagi tujuan mengenal pasti ruang penambahbaikan; dan
- c) **Merancang langkah peningkatan kualiti** program semasa semakan semula kurikulum program.

4. Bilakah PSRR Perlu Disediakan ?

- 4.1 PSRR untuk tujuan **Akreditasi Penuh** perlu disiapkan dalam tempoh pelaksanaan Akreditasi Penuh, iaitu **selewat-lewatnya 12 bulan sebelum kohort pertama pelajar bergraduasi**.
- 4.2 PSRR untuk tujuan **Audit Pengkelan** perlu disiapkan pada suku keempat penawaran program, iaitu sekali dalam tempoh **lima tahun**.
- 4.3 Penyediaan PSRR melibatkan **proses pengumpulan dan analisis data**. Oleh itu, fakulti/sekolah **amat digalakkan** menyediakan PSRR seawal permulaan sukuan pertama penggunaan kurikulum baharu dengan menggunakan kaedah PDCA (*Plan, Do, Check, Act*).
- 4.4 Proses pengumpulan dan analisis data perlu dijalankan secara berterusan dan hendaklah didokumenkan dengan sistematik agar maklumat mudah diakses untuk penyediaan PSRR yang lengkap untuk penilaian akreditasi.
- 4.5 Berikut merupakan cadangan pelan tindakan untuk fakulti/sekolah dalam menyediakan PSRR program:



Nota:

- Tempoh sukuan berbeza mengikut program dan akan ditentukan berdasarkan tempoh pengajian bagi setiap program.

5. Siapakah Yang Perlu Menyediakan PSRR?

5.1 Program dicadangkan agar **membentuk atau menentukan jawatankuasa** khusus bagi menyediakan PSRR. Ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada **individu yang berkemampuan membuat penilaian objektif serta berupaya memberikan maklumat yang relevan dan berguna berkaitan program**. Keahlian boleh terdiri daripada Ketua Jabatan, Penyelaras Program, staf akademik kanan atau baharu, staf pentadbiran serta mana-mana pihak yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program.

(Rujuk COPPA Edisi Kedua (2017), 4.2 The Programme Self-Review Committee, Muka surat 61)

5.2 Jawatankuasa tersebut hendaklah diketuai oleh seorang **Pengerusi Jawatankuasa** yang bertanggungjawab menyelaras pengumpulan dan pemprosesan data secara sistematik, memantau isu semasa penyediaan pangkalan data, memastikan keseragaman versi akhir pangkalan data, serta menyelaras penyediaan laporan analisis sendiri dan penulisan laporan PSRR. Dicapadkan agar **setiap bidang mempunyai seorang ketua dalam kalangan ahli jawatankuasa** yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tersebut.

(Rujuk COPPA Edisi Kedua (2017), 4.2 The Programme Self-Review Committee, muka surat 61)

5.3 Jawatankuasa PSRR boleh dilantik dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Semakan Kurikulum Program atau individu lain yang berkecualan, asalkan mematuhi kriteria seperti dinyatakan dalam Perkara 5.1 dan 5.2.

5.4 Terma rujukan Jawatankuasa PSRR adalah seperti berikut:

- a) Mematuhi semua keperluan audit berkaitan;
- b) Merancang dan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dan cekap;
- c) Berkomunikasi serta menjelaskan keperluan penilaian akreditasi atau audit kepada pihak berkepentingan;
- d) Mendokumentasi setiap pemerhatian dengan tepat;
- e) Menganalisis serta menyediakan laporan berdasarkan dapatan;
- f) Menyimpan dan melindungi dokumen berkaitan audit dengan selamat;
- g) Memastikan kerahsiaan laporan dan mengendalikan maklumat dengan beretika;
- h) Mengumpulkan data yang relevan dan mencukupi;
- i) Menganalisis bukti sokongan secara sistematik;
- j) Berwaspada terhadap bukti yang mungkin mempengaruhi hasil audit dan memerlukan tindakan lanjut; dan
- k) Merumuskan kesimpulan secara objektif berdasarkan pemerhatian dan dapatan penilaian akreditasi atau audit.

6. Bagaimanakah Proses Penilaian Kendiri Program?

6.1 Dalam menyediakan PSRR, Jawatankuasa PSRR bertanggungjawab melaksanakan proses berikut:

- a) **Pengumpulan data**
 - Menyemak dokumen program sedia ada;
 - Mengumpul data daripada pelbagai sumber yang boleh memberikan deskripsi berfakta sebagai refleksi terhadap program;
 - Memastikan data yang dikumpul adalah tepat, terkini serta konsisten; dan
 - Menyertakan sumber data atau bukti sokongan sebagai rujukan.
- b) **Analisis data**
 - Melaksanakan analisis secara kritikal dan objektif berdasarkan data terkumpul; dan
 - Menilai kekuatan, kelemahan serta peluang penambahbaikan program selaras dengan standard kualiti semasa.
- c) **Penulisan laporan**
 - Laporan harus memberi fokus kepada dasar, proses, dokumentasi, kekuatan dan kelemahan program; dan
 - Rumusan laporan bagi setiap bidang perlu disediakan oleh Pengerusi jawatankuasa atau sesiapa yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi.

(Rujuk COPPA Edisi Kedua (2017), 4.2.1 The Programme Self-Review Process, Muka surat 62)

7. Apakah Format PSRR?

7.1 Dalam menyediakan PSRR, program perlu memastikan perkara berikut:

- a) PSRR hendaklah disediakan bagi **setiap tujuh bidang penilaian mengikut COPPA 2.0 (2017) dan dimasukkan di akhir setiap bidang dalam dokumen program bagi tujuan serahan untuk Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan.**
(Rujuk templat borang MQA-02 di dalam Portal ISO [<https://eiso.upm.edu.my/index.php>]);
- b) PSRR bagi setiap bidang penilaian hendaklah mengandungi:
 - i) **Kekuatan** program dalam bidang penilaian berkenaan.

*(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan **MELEBIHI** tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan **AMALAN TERBAIK**; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)*

- ii) **Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan** di perkara (i).
(Nyatakan *PELAN TINDAKAN* bagi memperkukuh kekuatan program)
- iii) **Perkara yang perlu diberi perhatian (isu/cabaran)** dalam bidang penilaian berkenaan.
(Nyatakan *isu/cabaran* yang diletakkan sebagai **SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU**; *isu /cabaran* yang **DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM**)
- iv) **Langkah yang telah diambil** untuk **mengatasi isu/cabaran** serta **impak pelaksanaan langkah** di perkara (iii).
(Nyatakan **TINDAKAN** yang diambil; nyatakan **JUSTIFIKASI TINDAKAN** yang diambil; nyatakan **LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN**; nyatakan **KESAN TINDAKAN**)
- v) **Cadangan untuk penambahbaikan** bagi mempertingkatkan kualiti bidang penilaian berkenaan.
(Nyatakan *cadangan penambahbaikan alternatif SELAIN* yang dinyatakan di item ii dan iv sebagai *langkah alternatif pada masa akan datang* untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program)
- vi) **Kesimpulan dengan menyatakan refleksi sendiri.**
(Nyatakan *refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekal kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program*)

(Rujuk COPPA Edisi Kedua (2017), 3.1.1 Part C, Muka Surat 30 dan 4.2.2. Guidelines to Writing the Programme Self-Review Report, Muka surat 63)

8. Apakah Kandungan PSRR?

- 8.1 Ciri-ciri utama penulisan PSRR mestilah bersifar **kritikal, analitikal, deskriptif dan reflektif**:
 - a) **Kritikal** iaitu penulisan yang menganalisis data dan maklumat secara objektif dengan menekankan pencapaian yang cemerlang mahupun yang tidak mencapai tahap yang diharapkan.
 - b) **Analitikal** iaitu penulisan yang menilai prestasi semasa dengan membuat perbandingan dengan pencapaian terdahulu bagi mengenal pasti trend kenaikan atau penurunan.

- c) **Deskriptif** iaitu penulisan yang menghuraikan situasi program akademik berdasarkan data dan pandangan pemegang taruh yang dirujuk.
- d) **Reflektif** iaitu penulisan yang menilai dan menganalisis pelaksanaan program serta mencadangkan penambahbaikan untuk tindakan seterusnya.

8.2 Kandungan PSRR juga hendaklah mengambil kira perkara berikut iaitu:

- a) Cadangan penambahbaikan harus **diberi keutamaan dan disampaikan secara ringkas tetapi jelas dan padat.**
- b) Setiap pernyataan perlu **disokong dengan bukti** pelaksanaan dan **analisis data** yang relevan dengan menggunakan pelbagai **sumber data** contohnya laporan penilai luar, alumni, majikan termasuk pelajar.
- c) **Sertakan pelan tindakan terdahulu dan semasa** bagi memastikan kesinambungan proses, keberkesanan dan impak penambahbaikan.
- d) Disarankan sentiasa **memikirkan soalan** berikut dalam menyediakan PSRR iaitu:
 - i) Adakah kesemua **maklumat dan dokumen** yang digunakan untuk menjelaskan hasil penilaian adalah **mencukupi** untuk menilai tahap kualiti program?
 - ii) Adakah segala maklumat dan dokumen sokongan tersebut **mudah diakses, difahami dan digunakan** dalam pelaksanaan program?
 - iii) Apakah **bukti** yang diperlukan bagi menyokong kenyataan atau penjelasan yang dilaporkan?
- e) **TIDAK** menyatakan pendapat terhadap individu tertentu, kes terpencil, atau andaian tidak berasas sama ada positif atau negatif.
- f) **TIDAK** perlu terlalu terperinci, seperti menerangkan semua kekuatan yang berpotensi atau menghuraikan implikasi yang belum pasti. Memadai dengan memberi **tumpuan kepada amalan terbaik program, pengiktirafan** berdasarkan standard, serta sumbangan program kepada pencapaian **matlamat strategik institusi.**

9. Fokus dan Contoh Data/Maklumat Mengikut Bidang

- 9.1 Dalam menyediakan PSRR, program dicadangkan untuk memberi fokus kepada keperluan utama yang ditetapkan dalam standard bagi setiap bidang penilaian. Program juga **amat digalakkan untuk mengemukakan perkara/isu lain yang relevan dan berpotensi** memberi impak positif kepada penambahbaikan program.

9.2 Berikut adalah beberapa **contoh** fokus dan data yang boleh dimasukkan ke dalam PSRR mengikut bidang penilaian:

Bidang Penilaian Dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
Bidang 1: Pembangunan dan Penyampaian Kurikulum	1. Huraikan proses pembangunan dan penilaian Objektif Pendidikan Program (PEO) termasuk dan tidak terhad kepada: (a) Penunjuk prestasi; (b) Instrumen penilaian; (c) Pencapaian pelajar; (d) Aktiviti CQI (penambahbaikan kualiti berterusan); dan (e) Penglibatan pihak berkepentingan. 2. Huraikan kaedah penilaian Hasil Pembelajaran Program (PLO) yang diguna pakai dengan menunjukkan perkara berikut: (a) Bilakah setiap PLO dinilai? (b) Bagaimanakah setiap PLO dinilai? (c) Apakah pencapaian dan langkah yang memuaskan untuk mengatasi sebarang kelemahan? 3. Huraikan strategi CQI yang telah dilaksanakan berhubung dengan PLO. 4. Terangkan pelaksanaan skim latihan industri dan kaitkan dengan pencapaian PLO menggunakan contoh yang sesuai. 5. Terangkan Projek Tahun Akhir (FYP) dengan PLO berkaitan, dan cara FYP memenuhi keperluan khusus yang ditetapkan dalam Standard. 6. Jelaskan tahap penglibatan pihak berkepentingan seperti industri, alumni, pelajar dan ahli akademik dalam proses pembangunan serta semakan semula kurikulum program. 7. Huraikan strategi CQI yang dirancang atau sedang dilaksanakan berhubung dengan kurikulum program akademik. 8. Terangkan bagaimana laporan penanda aras dan maklum balas daripada pihak berkepentingan (dalaman dan luaran) telah menambah baik kurikulum program.

Bidang Penilaian Dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	<u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Dapatan pencapaian PEO, PLO; serta pengukuran dan pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus (CLO). • Keputusan pelajar, kadar keciciran dan jumlah pelajar bergraduasi. • Data dan Laporan Kebolehpasaran Graduan, Penilai Luar, <i>Exit Survey</i>, Kajian Pasaran, <i>Employer Survey</i>, Alumni, penandaarasan dan keperluan semasa bidang. • Dapatan audit program terdahulu. • Polisi terkini (Senat, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)).
Bidang 2: Penilaian Pembelajaran Pelajar	1. Bincangkan pemantauan, semakan semula dan keberkesanan penilaian pelajar. 2. Huraikan strategi CQI yang akan dilaksanakan berhubung dengan penilaian pelajar. 3. Huraikan bagaimanakah Fakulti/Sekolah: (a) memastikan penilaian yang dilaksanakan dapat menilai PLO yang ditetapkan. (b) menganalisis pencapaian penilaian dan menggunakan analisis tersebut dalam merangka tindakan untuk masa hadapan. (c) merancang untuk meningkatkan kualiti kaedah dan kemahiran penilaian dalam kalangan tenaga akademik. <u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Prosedur berkaitan proses penilaian (moderasi dan pengendalian isu plagiat). • Maklumat pengiktirafan yang diberikan terhadap program. • Maklum balas penilaian pengajaran oleh pelajar.
Bidang 3: Pemilihan Pelajar dan Khidmat Sokongan	1. Bincangkan pematuan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh UPM mengikut standard berkaitan. 2. Huraikan trend saiz pengambilan tahunan pelajar dan faktor yang mempengaruhinya. 3. Nilaikan keberkesanan khidmat sokongan pelajar yang disediakan.

Bidang Penilaian Dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	4. Huraikan tindakan dan strategi untuk meningkatkan kecekapan khidmat sokongan bagi pelaksanaan program. 5. Analisis strategi yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengambilan pelajar berkualiti termasuk pelajar daripada kelompok T20, serta menilai kesesuaian syarat kelayakan masuk sedia ada dalam merencanakan kemasukan pelajar antarabangsa. <u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Syarat kelayakan masuk program. • Demografi pelajar. Data pelajar menerima anugerah/pengiktirafan.
Bidang 4: Staf Akademik	1. Huraikan mekanisme pengagihan beban kerja staf akademik yang menyokong keberkesanan pengajaran, interaksi dengan pelajar, penyediaan nasihat dan kaunseling, serta penglibatan dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional dan kolaborasi dengan industri. 2. Analisis perancangan pelan penggantian staf, demografi staf akademik, dan nisbah pelajar:staf bagi setiap tahun akademik sepanjang empat tahun yang lalu. 3. Nilai pencapaian staf akademik dalam bidang penyelidikan, pembangunan, penerbitan dan perundingan serta impaknya terhadap peningkatan kualiti program akademik. <u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Nisbah staf akademik kepada pelajar, peratusan staf akademik berkelulusan PhD, pelaksanaan pelan penggantian dan penyertaan dalam program pembangunan profesional. • Data pencapaian staf akademik yang menerima pengiktirafan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat.
Bidang 5: Sumber Pendidikan	1. Bincangkan tahap kecukupan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti bilik kuliah, kemudahan sokongan pembelajaran, sumber maklumat (perpustakaan), sistem teknologi maklumat, makmal,

Bidang Penilaian Dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	2. serta peruntukan kewangan yang disediakan bagi menyokong pelaksanaan program. 3. Huraikan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani sebarang kekurangan sumber pendidikan, sekiranya dikenal pasti. 4. Jelaskan perancangan masa hadapan untuk memastikan sumber pendidikan sentiasa mencukupi, relevan dan berdaya maju bagi menyokong pelaksanaan kurikulum yang bersifat dinamik dan berimpak tinggi. <u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Data fasiliti seperti bilik kuliah, makmal, dan kemudahan ICT bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan. • Peruntukan dan sumber kewangan berkaitan. • Maklumat atau pengiktirafan yang diterima terhadap fasiliti yang disediakan.
Bidang 6: Pengurusan Program	1. Huraikan strategi pengurusan sumber manusia dan infrastruktural yang menyokong pelaksanaan program. <u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Struktur pengurusan/jawatankuasa dan peranan. • Data staf pentadbiran dan program latihan staf. • Maklumat pengiktirafan terhadap pengurusan pentadbiran program/Pusat Tanggungjawab.
Bidang 7: Semakan, Pemantauan Program dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)	1. Bincangkan keberkesanan pemantauan dan semakan program. 2. Huraikan prestasi sistem PdP seperti PutraBlast, iGIMS, eSMP dan sebagainya. 3. Huraikan proses CQI yang khusus berkaitan program yang dilaksanakan oleh fakulti/sekolah. 4. Bincangkan keberkesanan strategi CQI dalam penambahbaikan pengurusan, keputusan, pengajaran dan kualiti graduan program.

	<u>CONTOH DATA/INPUT</u> • Data perancangan semakan dan pemantauan serta kaedah mekanisme semakan, pemantauan dan proses CQI berkala di peringkat jabatan dan fakulti/sekolah. • Data penilaian pengajaran oleh pelajar.
--	---

- 9.2 Keperluan data/input dan fokus yang dinyatakan adalah **TIDAK TERHAD** kepada contoh-contoh data/input yang disenaraikan dan juga **TIDAK TERHAD** kepada bidang yang dinyatakan.
- 9.3 Penulisan PSRR hendaklah disediakan berdasarkan fokus dan data yang dihuraikan dalam templat yang ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.
- 9.4 Program juga **WAJIB** membuat penilaian sendiri PSRR bagi setiap bidang dengan merujuk kepada skala penilaian seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**.
- 9.5 Contoh penulisan PSRR boleh dirujuk di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**. Lampiran 3 mengandungi penulisan PSRR daripada tiga program rintis yang telah menggunakan templat dan kaedah penulisan seperti yang diterangkan di dalam buku panduan ini.
- 9.6 Penjelasan mengenai kekuatan, cadangan penambahbaikan serta kelemahan penulisan bagi semua bidang di Lampiran 2 dan 3 turut disertakan sebagai **PANDUAN** untuk penulisan PSRR oleh program lain.

LAMPIRAN 1: Templat Penulisan dan Skala Penilaian PSRR

Bidang Penilaian Dalam COPPA (1 – 7)

Nama Program	:	
Fakulti/Sekolah	:	
Tempoh Penilaian Kendiri	:	

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian

3. Cadangan untuk penambahbaikan lain bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekal kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian kendiri program
1	Tidak mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

SKALA PENILAIAN KENDIRI PSRR MENGIKUT BIDANG

Arahan: Penilaian Kendiri ini WAJIB diisi oleh program bagi setiap bidang penilaian

Skala	Keterangan
1	Tidak mencukupi dan perlu penambahbaikan major - Amalan jaminan kualiti untuk memenuhi kriteria masih dalam perancangan - Terdapat dokumen sokongan tetapi tidak mencukupi - Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti sangat lemah
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor - Amalan jaminan kualiti untuk memenuhi kriteria telah dilaksanakan tetapi belum mencukupi - Terdapat dokumen sokongan tetapi tiada bukti pelaksanaan - Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti lemah dan tidak konsisten
3	Mencukupi - Amalan jaminan kualiti telah memenuhi kriteria - Dokumen sokongan lengkap dan ada bukti pelaksanaan - Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti baik dan konsisten
4	Lebih daripada mencukupi - Amalan jaminan kualiti cemerlang - Dokumen sokongan lengkap dan pelaksanaan efisien - Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti sangat baik
5	Contoh Amalan Terbaik - Amalan jaminan kualiti yang mencapai tahap amalan terbaik dalam bidang - Dokumen sokongan lengkap dan pelaksanaan yang berkesan - Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti cemerlang dan menunjukkan peningkatan berterusan



LAMPIRAN 2

CONTOH PENULISAN PSRR MENGIKUT BIDANG

.....

BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
i. Program Diploma Perhutanan (DPH) disemak semula setelah lengkap pusingan lima (5) tahun bagi memenuhi keperluan jaminan kualiti universiti, selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan Negara.	Penawaran kursus baharu dan penambahbaikan hasil pembelajaran serta kandungan kursus sedia ada berdasarkan keperluan semasa yang memfokuskan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perhutanan selari dengan perkembangan industri perhutanan terkini.	- Dokumen Semakan Semula Program Pengajian. - Minit Mesyuarat JKPP, JKPU, Senat dan LPU.
ii. Tempoh pengajian program telah dipendekkan dari 6 semester (3 tahun) ke 5 semester (2 tahun setengah) tetapi mengekalkan jumlah kredit bergraduasi yang mencukupi untuk pengajian peringkat Diploma. Tempoh pengajian diselaraskan dengan tempoh pengajian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) untuk menarik minat pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian terus ke peringkat Diploma.	Meningkatkan kesedaran tentang kelebihan menyambung pengajian ke peringkat Diploma setelah tamat SPM.	- Dokumen MQF Edisi Kedua. - Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Tinggi (JKPT) Bil. 1/2018. - Dokumen Semakan Semula Program Pengajian.

Commented [A1]: Kekuatan:

Tindakan yang dilaksanakan adalah keperluan semakan program dan bukan kekuatan program.

Dokumen Sokongan:

Labelkan dengan jelas nombor lampiran atau muka surat bagi memudahkan rujukan panel penilai.

Commented [A2]: Strategi Pengekalan/Peningkatan:

Strategi yang dikemukakan masih kurang jelas. Apakah tindakan khusus yang dirancang bagi menyerlahkan kelebihan program diploma berbanding STPM? Sila jelaskan keunikan kurikulum diploma yang membezakan ia daripada STPM, sama ada dari segi pendekatan pembelajaran, kemahiran yang ditawarkan, atau kebolehpasaran graduan. Strategi juga boleh diperincikan dengan mengenal pasti kelompok pelajar sasaran utama program ini. Setiap proses yang dirancang perlulah mampu menjana data yang mencukupi untuk dianalisis bagi menilai keberkesanan strategi yang dilaksanakan.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan lebih bersifat dokumen asas. Ia kurang membantu menunjukkan proses, personal dan analisis.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
iii. Program DPH adalah satu-satunya program dalam negara yang menawarkan pengkhususan dalam bidang perhutanan di peringkat Diploma di Malaysia. Pengukuran pencapaian Objektif Pendidikan Program (PEO) yang dilakukan setelah 3 ke 5 tahun pelajar bergraduasi mendapati kesemua tiga PEO yang ditetapkan dalam struktur kurikulum terdahulu telah dicapai melebihi sasaran yang ditetapkan.	Memastikan graduan Diploma Perhutanan sentiasa kompetitif dalam mendapatkan pekerjaan dalam bidang perhutanan dan bidang lain yang berkaitan. Pengukuran pencapaian PEO ke atas pelajar setelah 3 ke 5 tahun perlu terus dilaksanakan dan dipertingkatkan jumlah responden.	• Pengaktifan semula sistem PutraOBE 2.0. • Bengkel Pemerkasaan Pelaksanaan OBE UPM.
iv. Perubahan dalam program Diploma Perhutanan adalah selari dengan impian kerajaan bagi melengkapkan bakal graduan untuk lebih bersedia menjadi tenaga separuh mahir yang kompeten dalam pengurusan hutan dan bertanggungjawab kepada kelestarian hutan pada masa hadapan.	Memastikan semua CO dan PO yang ditetapkan telah dicapai oleh pelajar dan penilaian pencapaian CO-PO dilaksanakan setiap semester agar tindakan CQI boleh dilaksanakan jika perlu.	• Pengaktifan semula penggunaan sistem PutraOBE 2.0. • Bengkel Pemerkasaan Pelaksanaan OBE UPM.

Commented [A3]: Dokumen sokongan:

Sebagai penambahbaikan, adalah disarankan agar dilampirkan data dan analisis seperti berikut:

a. Kaedah cerapan data pencapaian PEO – Nyatakan dengan jelas kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data pencapaian PEO (contohnya soal selidik alumni, maklum balas majikan, kajian penjejakan graduan), bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan proses cerapan tersebut.

b. Perbandingan pencapaian PEO berbanding sasaran PEO – Sediakan analisis perbandingan antara pencapaian sebenar PEO dengan sasaran yang ditetapkan, bagi mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan program secara lebih objektif.

Maklumat ini penting bagi membuktikan keberkesanan pelaksanaan dan penilaian PEO yang dijalankan.

Commented [A4]: Kekuatan:

Sila nyatakan dengan jelas bentuk perubahan yang dikatakan telah menjadikan graduan lebih bersedia sebagai tenaga separuh mahir yang kompeten. Adakah perubahan tersebut melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran khusus yang dibangunkan, atau melibatkan pengiktirafan daripada badan profesional atau pihak industri luar?

Strategi Pengekalan/Peningkatan: Kenyataan lebih tertumpu kepada aktiviti dalaman Fakulti/Sekolah. Dicadangkan agar strategi turut merangkumi penglibatan aktif alumni, NGO, pihak industri swasta atau universiti luar dalam usaha meningkatkan keterlihatan program dan graduan, memperkukuh kurikulum, memperkaya kemahiran psikomotor serta memperluas pengalaman pembelajaran pelajar.

Dokumen Sokongan:

Dicadangkan untuk menyertakan contoh yang relevan; sekiranya terdapat sijil atau pengiktirafan bagi kemahiran khusus yang diperoleh pelajar, sila nyatakan dengan jelas.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
i. Semakan kurikulum dilaksanakan lewat iaitu menghampiri lima tahun tempoh kitaran semakan. Proses semakan yang terlalu lewat mengakibatkan kelewatan dalam menawarkan kurikulum yang baharu yang telah ditambah baik mengikut keperluan semasa.	Surat peringatan akan dikeluarkan oleh Pejabat Dekan kepada pihak jabatan untuk memaklumkan masa untuk memulakan proses semakan kurikulum program.	Buku Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian Akademik Prasiswazah Edisi 2025.
ii. Analisis CAM dan CAS tidak dilaksanakan dan mengakibatkan program tertinggal untuk menilai PLO7 Kemahiran Numerasi.	Pihak jabatan dan fakulti perlu memastikan semua dasar terkini telah dipenuhi dalam proses semakan kurikulum terkini. Pemetaan PLO7 Kemahiran Numerasi perlu dipetakan ke dalam kursus yang berkaitan numerasi dalam semakan kurikulum yang baharu.	- Buku Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian Akademik Prasiswazah Edisi 2025. - Dokumen Semakan Semula Program Pengajian. - Dokumen MQF Edisi Kedua (2017).

Commented [A5]: Langkah mengatasi:
Kenyataan tersebut bukan merupakan langkah pencegahan yang sebenar dan tidak menangani punca utama isu/cabaran.

Dokumen sokongan:
Dokumen sokongan yang disertakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan proses terperinci atau individu yang bertanggungjawab dalam memastikan isu/cabaran yang sama tidak berulang.

Commented [A6]: Langkah mengatasi:
Kenyataan tersebut tidak memperincikan proses serta individu yang bertanggungjawab dalam memastikan analisis CAM dan CAS dilaksanakan, penilaian PLO7 dilakukan, serta pengharmonian antara POs dicapai.

Dokumen sokongan
Dokumen sokongan yang disediakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan secara jelas proses serta individu yang bertanggungjawab dalam memastikan isu/cabaran yang timbul tidak berulang.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
iii. Tempoh pengajian yang pendek mengganggu pelaksanaan Latihan Industri pada cuti semester di tahun kedua kerana pensyarah mempunyai masa yang singkat untuk mendapatkan markah dari industri bagi tujuan memasukkan markah akhir untuk membolehkan pelajar bergraduasi serta mengisi borang UPU untuk menyambung pengajian ke peringkat bachelors.	Latihan Industri bagi program dilaksanakan di dua tempat dan dua semester yang berbeza bagi membolehkan markah pelajar dimasukkan dengan lengkap ke dalam sistem SMP sebelum tamat tempoh kemasukan markah.	• Dokumen MQF Edisi Kedua (2017). • Dokumen Semakan Semula Program Pengajian.
iv. Jumlah pelajar yang memberi maklum balas terlalu sedikit sehingga mengakibatkan analisis kurang tepat.	Pihak fakulti/sekolah akan mengingatkan jabatan untuk melaksanakan survei penilaian pencapaian PEO bermula 3 tahun setelah pelajar bergraduasi bagi membolehkan jumlah penglibatan graduan program yang lebih baik, menyeluruh dan analisis yang lebih tepat.	• Pengaktifan semula sistem PutraOBE 2.0. • Bengkel Pemerkasaan Pelaksanaan OBE UPM.

Commented [A7]: Langkah mengatasi

Bagaimanakah pengurusan dua lokasi dan dua semester dapat mengelakkan berulangnya isu/cabaran yang sama? Sila jelaskan.
Apakah tindakan yang lebih berkesan untuk diambil pada masa hadapan bagi menangani isu/cabaran ini?

Dokumen sokongan

Dicadangkan untuk melampirkan contoh seperti bukti pelaksanaan dua lokasi dan dua semester yang telah berjaya mengurangkan isu/cabaran pemarkahan.
Sertakan juga pelan pengajian sebagai dokumen sokongan.

Commented [A8]: Masalah:

Kenyataan mengenai isu/cabaran kurang jelas. Mohon jelaskan jenis maklum balas yang dimaksudkan serta nyatakan peratusan yang dianggap rendah.

Langkah mengatasi:

Kenyataan tersebut bukanlah tindakan pencegahan dan tidak menangani punca sebenar masalah (root cause).
Apakah proses fail-safe yang akan memastikan maklum balas yang mencukupi diterima? Apakah perancangan yang lebih baik untuk masa hadapan?

Dokumen sokongan:

Dokumen yang dikemukakan tidak membuktikan pelaksanaan tindakan. Dokumen sokongan seharusnya menunjukkan jumlah maklum balas yang sedikit sebagai bukti.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
v. Tiada perbincangan antara pensyarah yang mengajar kohort yang sama untuk menentukan kaedah dan bilangan penilaian yang diperlukan untuk pencapaian CLO-PLO. Analisis pencapaian CLO-PLO tidak dilaksanakan dan tiada tindakan CQI diambil untuk menambah baik pencapaian PLO.	Penggunaan sistem PutraOBE 2.0 akan membantu pihak fakulti/sekolah memantau pencapaian CLO-PLO pelajar dengan lebih berkesan. Pensyarah akan diberi latihan yang mencukupi untuk menganalisis data dari sistem PutraOBE 2.0. Penghantaran CAP bagi perlu dilaksanakan bagi membolehkan penilaian kursus yang lebih teratur dan memenuhi keperluan CO-PO tanpa membebankan pelajar.	● Pengaktifan semula sistem PutraOBE 2.0. ● Bengkel Pemerkasaan Pelaksanaan OBE UPM.

Commented [A9]: Langkah mengatasi:
 Kenyataan tersebut bukanlah satu tindakan pencegahan dan gagal menangani punca sebenar masalah (root cause). Sila nyatakan pihak atau jawatankuasa (JK) yang bertanggungjawab untuk menyelaras serta memastikan pelaksanaan tindakan yang dicadangkan secara berkesan. Aspek berkaitan 'Paper-People-Process' juga kurang jelas dan perlu diperincikan.

Dokumen sokongan:
 Dokumen yang dikemukakan tidak membuktikan keberkesanan strategi dan tindakan yang telah dilaksanakan.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan **CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN** pada masa hadapan bagi program; nyatakan **CADANGAN ALTERNATIF** sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan **KEBERKESANAN PELAKSANAAN**)

Pihak fakulti/sekolah dan jabatan hendaklah sentiasa peka kepada perubahan dasar yang berlaku dalam sistem pendidikan negara dan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan pantas agar tidak ketinggalan dalam melaksanakan dasar yang baharu tersebut. Penghantaran CAP dan pemantauan CAM, CAS serta pengukuran pencapaian CLO-PLO perlu dilaksanakan dan diterapkan dalam sanubari semua pensyarah di jabatan agar menjadi suatu amalan yang biasa untuk dilaksanakan dalam pengurusan program akademik. Pelaksanaan proses semakan kurikulum hendaklah dimulakan seawal tahun ketiga setelah program dilaksanakan bagi memastikan kurikulum yang baharu dapat ditawarkan dalam tempoh kitaran lima tahun.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Proses pembangunan dan penyampaian program boleh dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya segala semua sistem yang telah sedia ada dikuat kuasa dan diperluaskan penggunaannya. Kepekaan pihak terlibat terhadap perubahan dasar perlu dipertingkatkan bagi memastikan tindakan CQI dibuat semasa kurikulum sedang berjalan. Selain itu, kepentingan pemantauan perlu diwar-warkan dan dilaksanakan di semua peringkat yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum baik di peringkat universiti, fakulti/sekolah dan jabatan.

Commented [A10]: Fakulti/Sekolah dan jabatan disarankan untuk menilai keberkesanan organisasi atau jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam memastikan kesungguhan terhadap sebarang perubahan berkaitan strategi pencapaian, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta hala tuju akademik. Sila nyatakan pihak bertanggungjawab serta tindakan yang perlu diambil.

Commented [A11]: Kenyataan juga perlu menggambarkan pandangan Fakulti/Sekolah dan jabatan terhadap keseluruhan proses yang telah dilaksanakan serta pencapaian yang telah diperolehi. Sila jelaskan sama ada pencapaian semasa adalah memuaskan dan bagaimanakah hala tuju masa hadapan ingin dibentuk.

BIDANG 2: PENILAIAN PELAJAR

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian																		
Kaedah penilaian pelajar dilakukan secara formatif dan sumatif dengan nisbah 60:40. Penilaian formatif dijalankan sepanjang 14 minggu pengajian dalam bentuk pembentangan dalam kelas, kerja berkumpulan, tugas dan kuiz, manakala penilaian submatif diadakan pada minggu ke 6-7 dalam bentuk ujian pertengahan, dan penilaian akhir pengajian. Kaedah penilaian ini dilakukan untuk hampir kesemua kursus dalam program kecuali disertasi. Keberkesanan kaedah penilaian ini dapat dilihat dari jumlah pelajar gagal bergraduasi yang sangat rendah bagi tempoh 2019-2023 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1 dan data keseluruhan dalam Lampiran 2.1.	Bagi memastikan program terus mendapat sambutan dari dalam dan luar negara dan dapat mengekalkan jumlah gagal bergraduasi yang rendah, program telah melaksanakan beberapa tindakan seperti memastikan kaedah pengajaran interaktif yang berkesan, dan moderasi soalan peperiksaan akhir yang efektif bagi memastikan PO-CO program tercapai.	Apendix 2.1: Bukti jumlah graduan/kemasukan pelajar 2019, 2020, 2021, 2022, 2023. Apendix 2.2: contoh pembelajaran interaktif dan borang moderasi																		
Jadual 2.1: Jumlah pelajar gagal dalam tempoh 5 tahun bagi program master kejuruteraan <table><tr><th>Tahun</th><th>2019</th><th>2020</th><th>2021</th><th>2022</th><th>2023</th></tr><tr><td>Jumlah pelajar gagal</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td><td>1</td><td>2</td></tr><tr><td>Jumlah pelajar bergraduasi</td><td>20</td><td>21</td><td>20</td><td>25</td><td>30</td></tr></table>			Tahun	2019	2020	2021	2022	2023	Jumlah pelajar gagal	1	1	0	1	2	Jumlah pelajar bergraduasi	20	21	20	25	30
Tahun	2019	2020	2021	2022	2023															
Jumlah pelajar gagal	1	1	0	1	2															
Jumlah pelajar bergraduasi	20	21	20	25	30															

Commented [A1]: Kekuatan:

Kekuatan program terletak pada kadar kegagalan pelajar yang rendah. Namun, penulisan kurang bersifat deskriptif. Sila jelaskan bagaimana nisbah 60:40 dapat membantu mengurangkan kegagalan pelajar, memandangkan langkah-langkah lain yang dinyatakan adalah proses biasa sahaja.

Strategi Pengekalan/Peningkatan:

Strategi juga boleh diperkukuhkan dengan menumpukan kepada pembangunan pengalaman pembelajaran, peningkatan kompetensi pengajaran, reka bentuk kurikulum yang inovatif, serta kemahiran penilaian yang lebih efektif.

Dokumen Sokongan:

Dokumen hendaklah dilabel dengan jelas menggunakan nombor lampiran atau muka surat bagi memudahkan penilai program membuat rujukan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
Program mengambil langkah proaktif dengan melibatkan industri dalam penilaian disertasi. Kaedah penilaian disertasi yang melibatkan seorang pemeriksa dalaman dan seorang pemeriksa dari industri memberi impak positif kepada pelajar dan hasil penyelidikan. Penglibatan pemeriksa dari industri membolehkan pelajar mendapat input terus bagi menambah baik penyelidikan. Selain itu, situasi ini dapat membuka peluang untuk pengkomesialan hasil penyelidikan dan membolehkan pelajar membuat rangkaian sosial bersama industri secara terus. Contohnya pelajar telah mendapat pekerjaan dengan industri terlibat.	Bagi meneruskan penglibatan industri, program mengenal pasti lebih banyak syarikat/industri yang boleh dilibatkan dalam penilaian disertasi program dan menyediakan 'industry bank' bagi memudahkan penilaian disertasi dibuat. Di samping itu, industri yang terlibat dipaparkan di laman sesawang jabatan sebagai membantu mempromosi syarikat. Pemain industri juga dijemput untuk menghadiri <i>career job fair</i> di fakulti/sekolah untuk menemu duga langsung bakal graduan program.	Apendix 2.3: Jadual pembentangan beserta nama pemeriksa luar dan surat tawaran menyertai industri.

Commented [A2]: Kekuatan:
 Penulisan ini dengan jelas menggambarkan kekuatan program serta menonjolkan unsur positif daripada tindakan yang telah diambil.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Pemeriksa luar mendapati kualiti soalan peperiksaan akhir tidak menilai tahap taksonomi peringkat master.	Program menambah baik isu/cabaran kualiti soalan dengan mengadakan moderasi dan menyediakan borang moderasi yang menyertakan semakan tahap taksonomi oleh moderator dan disahkan oleh penyelaras program.	Appendix 2.4 Borang moderasi yang telah ditambah baik.
Sesi 2022/23 merupakan sesi pertama CO-PO program master yang perlu dinilai dan dilaporkan. Walau bagaimanapun, hanya 4 dari 10 kursus melaporkan pencapaian CO-PO, manakala yang lain melihat perkara ini kurang penting dan kurang memahami kaedah pelaporan pencapaian CO-PO.	Program telah melaksanakan beberapa siri penerangan dan latihan kaedah penilaian dan pelaporan CO-PO bagi membantu staf akademik. Maklum balas peserta direkodkan dan didapati 80% peserta merasakan lebih memahami kaedah penilaian CO-PO dan bersedia untuk melaksanakannya.	Appendix 2.5: Senarai sesi penerangan/ bengkel berkaitan CO-PO, senarai kehadiran dan maklum balas peserta.
Penilaian kemahiran praktikal yang dipetakan kepada PLO2 sukar dinilai melalui latihan praktikal kerana program master tiada amali makmal. Buat masa ini program menilai melalui laporan disertasi dan pembentangan projek yang mempunyai rubrik. Rubrik ini merujuk kepada output dari projek dan bukannya keupayaan kemahiran praktik.	Kesukaran menilai kemahiran praktikal ditambah baik dengan melihat memastikan rubrik penilaian yang memfokus kepada hasil analisis dan reka bentuk dari <i>software</i> atau <i>programming</i> yang digunakan. Fokus rubrik ini ditetapkan bagi kursus yang menggunakan pengaturcaraan komputer dan disertasi (bab methodology). Rubrik dan kaedah penilaian tidak dikomen oleh pemeriksa luar.	Appendix 2.5 Rubrik sebelum dan selepas ditambah baik.
Kaedah penilaian PLO5 yang dipetakan kepada kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan didapati tidak dinilai dengan tepat. Tiada tugas berkumpulan yang diberikan tetapi penilaian PLO5 dapat dibuat. Rubrik yang digunakan telah mendapat teguran dari penilai luar kerana kurang sesuai untuk menilai PLO5.	Program mengenal pasti beberapa kursus yang dapat menjalankan tugas secara berkumpulan dan mencadangkan kaedah penilaian <i>peer evaluation</i> dengan rubrik yang ditambah baik.	Appendix 2.5 Borang <i>peer-evaluation</i> beserta rubrik asal dan rubrik yang ditambah baik bagi penilaian PLO5.

Commented [A3]: Langkah mengatasi:
Moderasi soalan penilaian merupakan amalan biasa di UPM. Oleh itu, kenyataan tersebut bukanlah satu tindakan pencegahan dan tidak menangani punca sebenar masalah. Contoh aspek strategi yang perlu dipertimbangkan termasuk:
- Bagaimanakah memastikan taksonomi soalan selaras dengan perancangan pengajaran?
- Bagaimanakah memastikan kualiti soalan mencapai tahap taksonomi yang disasarkan?
- Apakah tahap kemahiran penilai soalan dalam menentukan kesesuaian soalan tersebut?

Dokumen sokongan:
Dokumen sokongan yang disediakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan proses atau individu bertanggungjawab yang dapat memastikan isu/cabaran tersebut tidak berulang.

Commented [A4]: Dokumen sokongan:
Dicadangkan agar disertakan dokumen sokongan seperti bukti pelaksanaan penilaian CO-PO bagi semua kursus untuk memperkuh laporan.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan **CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN** pada masa hadapan bagi program; nyatakan **CADANGAN ALTERNATIF** sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan **KEBERKESANAN PELAKSANAAN**)

Program mula melaksanakan penilaian CO-PO pada 2022/2023. Maka, program masih perlu menilai semula keberkesanan dan kesesuaian kaedah penilaian CO-PO yang digunakan. Oleh yang demikian, pada setiap hujung semester penyelarasan program akan membentangkan pencapaian penilaian, kaedah penilaian dan komen pelajar (jika ada) untuk melihat keberkesanan kaedah ini. Perbezaan pada keterampilan pelajar di harap akan dapat dilihat dan seterusnya dinilai oleh penilai luar kelak. Bagi meningkatkan keupayaan penilaian yang pelbagai, staf akademik juga digalakkan untuk menyertai seminar atau bengkel berkaitan penilaian.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Pengurusan penilaian pelajar program telah dilaksanakan mengikut dasar, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh UPM. Semakan oleh pemeriksa luar mengesahkan bahawa kaedah penilaian yang diamalkan oleh program adalah sesuai dan mempunyai standard antarabangsa di samping beberapa komen lain yang telah diberi maklum balas. Proses pengurusan dan semakan perlu diteruskan dan ditambah baik dengan mewujudkan sistem penilaian penajajaran konstruktif bagi memastikan PLO bagi program tercapai.

Commented [A5]: Fakulti/Sekolah dan jabatan disarankan untuk menilai keberkesanan organisasi atau jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam memastikan keadilan dan ketepatan penilaian sentiasa dipatuhi. Adakah tindakan analisis kecekapan serta kesesuaian proses penilaian telah dipertimbangkan? Bagaimanakah perancangan Fakulti/Sekolah dan jabatan untuk meningkatkan kualiti penilaian pada masa akan datang?

Commented [A6]: Kenyataan ini jelas menggambarkan pandangan Fakulti/Sekolah dan jabatan terhadap keseluruhan proses yang telah dilaksanakan serta pencapaian yang diperoleh. Adakah pencapaian semasa dianggap memuaskan, dan bagaimanakah sasaran kualiti penilaian untuk masa hadapan?

BIDANG 3: PEMILIHAN PELAJAR DAN KHIDMAT SOKONGAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Bilangan pelajar yang memohon ke program Doktor Perubatan Veterinar ialah 400 orang, yang mana 120 orang telah ditawarkan tempat dari saluran perdana dan 10 orang dari saluran T20. 100% pelajar yang menerima surat tawaran telah mendaftar ke program Doktor Perubatan Veterinar pada 2022/2023 sekaligus membuktikan program ini berdaya saing dan pelajar menunjukkan minat dan keyakinan terhadap reka bentuk dan kualiti program yang ditawarkan.	Pelantikan panel penemu duga tetap dan rubrik penilaian telah dapat memastikan kualiti dan set kemahiran pelajar yang sama akan diperolehi bagi setiap kohort. Pelajar juga perlu menjawab satu soalan esei pendek semasa sesi temu duga mengenai minat dan keterlibatan dalam aktiviti sukarelawan sebagai mekanisme untuk melihat pendedahan dan minat pelajar terhadap bidang veterinar.	- Rubrik penilaian pelajar. - Contoh soalan temu duga.
Seramai 120 orang pelajar telah mendapat anugerah dekan pada semester 1 2022/2023 dan 140 orang pada semester 2 2022/2023. Selain itu, seramai 108/110 orang pelajar Doktor Perubatan Veterinar tahun 5 lulus ujian komprehensif yang melayakkan untuk didaftarkan di bawah Akta Doktor Veterinar 1974.	Pelajar yang mendapat tawaran dan mendaftar adalah pelajar yang bukan sahaja memenuhi syarat khas program tetapi pelajar yang cemerlang. Semasa sesi temu duga calon, jabatan juga meneliti perkara berikut: 1) keputusan subjek Biologi (mendapat sekurang-kurangnya B+) dan 2) keputusan subjek Kimia (mendapat sekurang-kurangnya B) pada peringkat STPM.	- Syarat kelayakan masuk program. - Senarai penerima anugerah dekan sesi 2022-2023.
Pelajar dilatih untuk memahami PEO berdasarkan reka bentuk pengajian dan pelan pengajian, pemahaman objektif kurikulum berdasarkan maksud hasil pembelajaran kursus, merancang strategi pembelajaran berdasarkan peratusan penilaian kursus,	1. Program Minggu Orientasi dan 'Career Talk' dianjurkan bersama Persatuan Mahasiswa Doktor Perubatan Veterinar (Veternak) semasa minggu pertama	Minit kelulusan penganjuran program minggu orientasi dan 'career talk'.

Commented [A1]: Penulisan mengenai kekuatan serta strategi pengekal dan peningkatan adalah jelas, dengan penerangan yang terperinci mengenai proses dan individu yang terlibat.

Dokumen Sokongan:
Sila labelkan dengan jelas nombor lampiran atau muka surat bagi memudahkan rujukan oleh panel penilai.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
perkongsian pelajar senior dalam menghadapi proses pembelajaran program dan budaya pembelajaran di fakulti/sekolah dan universiti dan perkongsian alumni dalam merancang kerjaya.	pengajian telah membantu pelajar baharu bersedia untuk mengikuti program pengajian. 2. Libat sama alumni (<i>early career, mid-career</i> dan alumni terkenal) dan industri dalam program anjuran Veternak sebagai "Mentor Kerjaya".	• Senarai jemputan alumni untuk program 'career talk'.
'Exit survey' menunjukkan purata markah 3.8 untuk fasiliti, kemudahan dan khidmat sokongan yang terdapat di fakulti menunjukkan pelajar sangat berpuas hati dengan khidmat sokongan yang ditawarkan oleh fakulti/sekolah.	1. Sesi Bersama Kaunselor dibuat sekali setiap semester melibatkan pelajar dengan CGPA di bawah 2.5 untuk memastikan kesejahteraan mental pelajar terjaga. 2. Khidmat sokongan yang berterusan dari fakulti/sekolah melalui program bersama pelajar dan penasihat akademik diadakan dari semasa ke semasa seperti perjumpaan bersama pelajar dengan CGPA di bawah 2.5, perjumpaan dengan pelajar tahun 3 bagi memastikan kecukupan kredit untuk menduduki peperiksaan pra-komprehensif dan perjumpaan dengan pelajar yang akan mendaftar kursus projek akhir tahun untuk memberi penerangan mengenai penulisan proposal dan proses penyelidikan. 3. Wakil pelajar ialah salah seorang ahli tetap di dalam jawatankuasa kurikulum peringkat fakulti/sekolah yang berperanan untuk memberi input mengenai pembangunan dan semakan semula kurikulum.	• Data 'exit survey' • Emel jemputan sesi bersama kaunselor. • Surat lantikan wakil pelajar di dalam JK kurikulum.

Commented [A2]: Keseiringan kenyataan: Kenyataan mengenai strategi pengekal tidak selari dengan kekuatan yang dinyatakan. Sila jelaskan strategi khusus untuk meningkatkan kemudahan dan fasiliti.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/pembuktian
1. Pelajar antarabangsa tidak dapat menghadiri sesi temu duga secara bersemuka dan kebolehan berkomunikasi sukar dinilai.	Temu duga pelajar dijalankan secara dalam talian melalui platform Zoom secara individu. Ini dapat memastikan proses temu duga masih dapat dijalankan untuk menilai pemohon menggunakan rubrik penilaian yang sama untuk pelajar tempatan.	• Emel jemputan temu duga kepada pelajar antarabangsa.
2. Kekurangan dana untuk mengadakan aktiviti persatuan pelajar	Permohonan sumbangan dari alumni fakulti/sekolah telah membantu pelajar untuk menjayakan program di bawah persatuan.	• Bukti sumbangan alumni.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan **CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN** pada masa hadapan bagi program; nyatakan **CADANGAN ALTERNATIF** sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan **KEBERKESANAN PELAKSANAAN**)

Persatuan pelajar tidak mempunyai akaun amanah untuk memastikan tatakelola pengurusan kewangan berkaitan aktiviti pelajar dapat diselia dengan baik. Penubuhan akaun amanah persatuan pelajar dapat membantu pelajar mengumpul dana untuk aktiviti mereka melalui 'fundraising'.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Fakulti/sekolah tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam penentuan bilangan pengambilan pelajar kerana hal ini bergantung kepada agihan oleh UPM. Oleh itu, sekiranya ada pertambahan kuota pelajar di masa hadapan, ia perlu seiring dengan peningkatan bilangan fasiliti dan peralatan, tenaga pengajar serta staf sokongan. Dengan kumpulan pegawai akademik yang sangat berdedikasi dalam membimbing pelajar melalui pelbagai program, fakulti/sekolah merasakan semua pelajar di dalam program ini mempunyai kefahaman yang signifikan tentang kehendak dan cabaran pengajian dalam memastikan program veterinar di Malaysia adalah selari dengan kehendak industri.

Perhubungan yang aktif antara pelajar, pemegang taruh terutamanya agensi kerajaan, industri, korporat dan juga alumni memberikan pendedahan sebenar alam pekerjaan dapat memberi motivasi kepada kecemerlangan pelajar. Secara keseluruhan, aspek pemilihan dan pengurusan pelajar serta perkhidmatan sokongan untuk peningkatan pembelajaran pelajar Fakulti Perubatan Veterinar berada pada tahap yang lebih baik berbanding di awal penawaran program.

Commented [A3]: Kenyataan ini dengan jelas menggambarkan pandangan fakulti/sekolah dan jabatan terhadap keseluruhan proses yang telah dilaksanakan, pencapaian yang diraih serta langkah-langkah pengatasi masalah yang diambil.

BIDANG 4: STAF AKADEMIK

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Fakulti/Sekolah meningkatkan usaha dan dasar pengambilan staf dengan mengenakan syarat penerbitan jurnal sebagai kriteria tambahan untuk pengambilan baharu pegawai akademik. Fakulti/Sekolah sentiasa mengambil staf akademik berdasarkan kepada kemahiran pengajaran, kepakaran dan kelayakan yang diperlukan untuk menyampaikan program akademik yang ditawarkan.	Melantik mentor untuk setiap staf akademik baharu yang menyertai fakulti/sekolah. Mentor akan bertanggungjawab untuk memberi panduan dalam tatacara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, permohonan serta pelaksanaan projek penyelidikan, pelaksanaan projek berkaitan industri dan masyarakat, dan juga pelaksanaan tanggungjawab sebagai Penasihat Akademik yang berkesan.	• Iklan pengambilan staf akademik. • Borang pemarkahan sesi temubual calon staf akademik. (sekiranya ada) • Senarai mentor/mentee.
2. Calon yang dipilih akan dipanggil bagi sesi 'mock teaching' bagi melihat kompetensi calon dari segi pengajaran sebelum dijemput menghadiri temu duga di peringkat fakulti dan seterusnya ke peringkat Universiti.	Setiap staf akademik dikehendaki menghadiri kursus yang dilaksanakan oleh CADe-Lead setiap tahun bagi memantapkan kemahiran PdP dari semasa ke semasa. 'Peer assessment' juga dijalankan setiap 2 tahun sekali untuk menilai dan memperbaiki kemahiran mengajar dalam kalangan pensyarah.	• Sijil kehadiran kursus CADe-Lead. • Borang rubrik pemarkahan 'peer assessment'.

Commented [A1]: Keseiringan kenyataan: Kenyataan kekuatan lebih menumpukan kepada pengambilan pengajar, manakala strategi memberi fokus kepada peningkatan kualiti pengajar yang dilantik. Strategi yang dicadangkan boleh merangkumi contoh seperti: bagaimanakah untuk mendapatkan lebih ramai pengajar berkualiti tanpa hanya bergantung kepada penerbitan jurnal; bagaimanakah memastikan penggantian bagi pengajar yang bakal bersara dilakukan sebelum persaraan berlaku; dan lain-lain lagi.

Dokumen Sokongan:
Sila nyatakan nombor lampiran atau muka surat dokumen bagi memudahkan rujukan. Selain itu, disarankan untuk sertakan contoh bukti seperti perancangan pengambilan pengajar berbanding jadual persaraan.

Commented [A2]: Strategi Pengekalan/Peningkatan: Kenyataan ini adalah jelas dan tepat.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
3. Kekuatan pegawai akademik seramai xx orang, xx orang pegawai tadbir dan xx orang staf pelaksana yang terdapat di fakulti/sekolah berupaya untuk mengendalikan penawaran program. Daripada jumlah pegawai akademik berkenaan, terdapat xx pegawai akademik dalam bidang xxxx. Tenaga akademik muda yang mempunyai pengkhususan dalam bidang berkenaan juga dilatih bagi memenuhi keperluan menambah dan mengganti tenaga akademik yang sedia ada.	Melihat serta menambah baik padanan bidang pegawai akademik kepada kursus yang diajar setiap tahun.	• Minit mesyuarat jabatan.
4. Pengiktirafan diberikan kepada staf akademik dan bukan akademik setiap enam bulan sekali melalui Majlis Perhimpunan Staf Fakulti. Anugerah melibatkan pengiktirafan terhadap kecemerlangan staf akademik dalam pengajaran, penyelidikan, serta jaringan industri dan masyarakat. Untuk staf bukan akademik juga, pengiktirafan diberikan berdasarkan sumbangan kepada fakulti/sekolah dalam tugas masing-masing. Penerima diberikan Sijil Penghargaan dan Ruang Letak Kereta Khas.	Pembahagian tugas di kalangan staf akademik dipantau secara berterusan supaya seimbang dan adil. Keanggotaan bagi jawatankuasa di peringkat fakulti (Contoh: JK Semakan Kurikulum, JK Siswazah, JK Mobiliti Pelajar) dilakukan secara <i>rotation</i> untuk meningkatkan kemahiran serta mengelakkan tekanan melampau dalam kalangan staf akademik.	• Surat lantikan dalam jawatankuasa. • Senarai pemenang anugerah.

Commented [A3]: Kekuatan:
Kenyataan tersebut tidak menggambarkan kekuatan program.

Strategi Pengkekal/ Peningkatan:
Kenyataan ini tidak selari dengan pernyataan kekuatan yang diberikan.

Dokumen Sokongan:
Dokumen sokongan ini kurang selari dengan aspek kekuatan yang telah dinyatakan.

Commented [A4]: Keseirisan kenyataan:
Kenyataan kekuatan kelihatan bertumpu pada klausa 4.2.1, tetapi strategi pengkekal lebih menumpukan kepada peningkatan di bawah klausa 4.2.2.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Fakulti/sekolah mengambil masa yang lama untuk menggantikan staf akademik yang bersara.	Pelan Penggantian diteliti setiap tahun bagi memastikan setiap staf akademik yang akan bersara atau berhenti dapat diganti secepat mungkin.	• Pelan Penggantian staf akademik.
2. Bidang kepakaran staf akademik berbeza daripada kursus yang diajar dalam program.	Pensyarah sedia ada akan menjadi mentor kepada pensyarah baharu untuk kursus yang akan diambil alih.	• Lampiran Minit Mesyuarat. • Jadual waktu dan senarai pensyarah.

Commented [A5]: Langkah mengatasi:

Kenyataan perlu lebih terperinci. Nyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan tindakan yang diambil untuk mengatasi kekurangan pengajar. Jelaskan bagaimanakah beban kerja pengajar sedia ada dapat dikawal agar tidak terjejas. Sertakan juga tindakan lain yang boleh mengurangkan impak kekurangan pengajar terhadap program.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan yang disediakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan proses atau pihak bertanggungjawab yang akan memastikan isu/cabaran tidak berulang.

Commented [A6]: Langkah mengatasi:

Kenyataan ini bukan tindakan pencegahan dan tidak menangani punca sebenar masalah (root cause). Disarankan untuk menilai strategi dari aspek keberkesanan proses pemilihan pengajar, latihan pengajar bukan bidang, keberhasilan pembelajaran pelajar, serta penambahbaikan struktur kurikulum dan lain-lain.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan yang disediakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan proses atau pihak bertanggungjawab yang akan memastikan isu/cabaran tidak berulang.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
3. Nisbah pensyarah:pelajar yang tinggi iaitu 1:12 serta kekurangan kakitangan pelaksana untuk membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk program Bachelo xxxxx.	Penambahan pegawai akademik akan dilakukan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan nisbah pensyarah:pelajar iaitu 1:7 dan pengagihan staf pelaksana yang lebih efisien bagi membantu aktiviti PdP.	● Minit Mesyuarat JK Pengurusan Fakulti/Sekolah. ● Jadual waktu dan senarai pensyarah dan staf pelaksana.

Commented [A7]: Langkah mengatasi:

Kenyataan tindakan yang diberikan adalah amalan biasa. Namun, apakah strategi khusus untuk mengurangkan impak terhadap keberkesanan pengajaran, menangani beban tugas pengajar, serta meningkatkan nisbah tenaga pengajar dalam jangka masa terdekat selain menunggu penambahan pengajar tetap? Saranan adalah untuk mempertimbangkan tindakan pencegahan sementara dan berterusan secara menyeluruh.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan yang disertakan lebih bersifat sebagai dokumen asas sahaja.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkat kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN pada masa hadapan bagi program; nyatakan CADANGAN ALTERNATIF sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan KEBERKESANAN PELAKSANAAN)

Mengenal pasti calon pelapis dalam kalangan pelajar pascasiswazah (dalam atau luar negara). Iklan pengambilan staf akademik diwar-warkan secara lebih meluas untuk menarik minat calon berkelayakan untuk menyertai fakulti/sekolah. Setiap Staf Akademik perlu menghadiri bengkel pemantapan yang dianjurkan oleh fakulti/sekolah setiap tahun. Meningkatkan sesi perkongsian di antara staf akademik setiap akhir semester sebagai satu langkah *trouble-shooting* bagi mengelak isu/masalah berulang.

Commented [A8]: Penulisan perlu lebih deskriptif.

Fakulti/Sekolah disarankan untuk menilai keberkesanan organisasi atau jawatankuasa yang bertanggungjawab memastikan kualiti bidang terjaga. Apakah tindakan analisis kecekapan serta kesesuaian langkah pembetulan dan pencegahan telah dipertimbangkan? Bagaimanakah perancangan fakulti/sekolah untuk terus meningkatkan kualiti bidang tersebut?

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Fakulti/Sekolah menghadapi masalah untuk mengambil pensyarah baharu dalam jangka masa yang singkat kerana tertakluk kepada peraturan Universiti dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, kekerapan melihat kembali pelan penggantian telah dapat meminimumkan masalah ketidakcukupan tenaga pengajar semasa semester berjalan. Walaupun staf akademik perlu menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh CADe-Lead, RMC, atau pihak luar untuk memantapkan kemahiran, masih terdapat staf yang mempunyai isu dalam menjalankan projek penyelidikan, atau kurang mahir menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, program mentor-mentee perlu dipantau secara berkala dengan melihat kepada permasalahan spesifik mentee dan padanan dengan mentor yang bersesuaian.

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 5: SUMBER PENDIDIKAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
SUMBER FIZIKAL		
Fakulti mempunyai pelbagai sumber fasiliti fizikal yang boleh digunakan bagi menyokong aktiviti PdP dengan adanya lima bangunan utama iaitu dua yang terletak di Kampus Serdang, tiga bangunan di SISFEC, Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong dan satu Stesen Luar di Pulau Banding, Perak.	Mewujudkan sebuah jawatankuasa di peringkat jabatan iaitu yang akan membuat semakan ke atas kondisi bilik kuliah dan makmal serta fasiliti lain yang berkaitan dengan PdP secara berkala dan melaporkan hasil pemantauan ke Mesyuarat Jabatan bagi perbincangan lanjutan.	• Minit Mesyuarat Jabatan.

Commented [A1]: Kekuatan:

Kenyataan tersebut kurang jelas dan tidak menunjukkan secara konkrit bagaimana elemen yang dinyatakan boleh dianggap sebagai satu kekuatan program.

Dokumen sokongan:

Labelkan dengan jelas nombor lampiran atau muka surat bagi memudahkan rujukan APP.

Dokumen sokongan yang dikemukakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan elemen proses, penglibatan personel serta analisis CQI secara menyeluruh.

Adalah dicadangkan agar turut disertakan:

- Analisis keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP),
- Perancangan masa hadapan berkaitan penambahbaikan, dan
- Analisis kesesuaian kemudahan sedia ada dengan keperluan program.

Langkah ini akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan menyokong keberkesanan tindakan yang telah atau bakal diambil.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
Fakulti mempunyai sistem semakan berkala dan pemantauan serta aduan kerosakan fasiliti yang efektif.	i. Penggunaan sistem kod QR yang ditampal di kebanyakan kawasan bagi sebarang aduan kerosakan atau keperluan penyelenggaraan fasiliti oleh semua ahli fakulti termasuk staf dan pelajar. ii. Permohonan gantian alatan usang, penyelenggaraan dan tentu ukur alatan secara kolektif oleh Pegawai Sains.	• Kod QR dan senarai aduan yang pernah diterima. • Jadual semakan berkala fasiliti. • Bukti permohonan penggantian alatan usang, penyelenggaraan dan tentu ukur alatan.
Fakulti mempunyai sebuah bilik kuliah yang telah dinaik taraf menjadi <i>smart classroom</i> bagi menyokong aktiviti PdP abad ke-21.	Penyelenggaraan berkala serta perancangan menaiktaraf satu bilik kuliah kepada <i>smart classroom</i>.	• Pelan perancangan dan tindakan taktika fakulti.

Commented [A2]: Dokumen sokongan:

Bukti yang dikemukakan lebih bersifat dokumen asas dan kurang menunjukkan pelaksanaan proses CQI secara menyeluruh.

Dicadangkan agar dimasukkan elemen yang lebih analitik dan menyokong tindakan penambahbaikan seperti:

- Analisis keberkesanan penyelenggaraan,
- Perbandingan jumlah aduan yang telah diselesaikan dan yang masih belum diselesaikan,
- Langkah pencegahan kerosakan yang telah dilaksanakan, dan
- Pihak atau jawatankuasa pemantau yang bertanggungjawab terhadap keberkesanan penyelenggaraan.

Pendekatan ini akan memperkukuh bukti dan menunjukkan penilaian serta tindakan berterusan ke arah penambahbaikan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
SUMBER KEWANGAN Jabatan mempunyai empat Tabung Amanah di fakulti yang boleh digunakan bagi menampung aktiviti PdP program termasuk baik pulih infrastruktur PdP yang tidak dapat menggunakan peruntukan mengurus fakulti.	i. Penggunaan dibincangkan dan diputuskan penggunaannya tertakluk kepada kelulusan bersama ahli jabatan melalui Mesyuarat Jabatan. ii. Sebarang penggunaan peruntukan dari Tabung Amanah perlu digantikan melalui aktiviti penajaan pendapatan seperti penganjuran bengkel, seminar, jualan tapak, jualan produk, pemeteraian MoA bagi kemasukan pelajar antarabangsa/mobiliti dan lain-lain.	• Minit mesyuarat Jabatan. • Contoh TOR Tabung amanah. • Contoh aktiviti penajaan yang telah dilaksanakan beserta dokumen sokongan.

Commented [A3]: Strategi Pengkalan/Peningkatan:
 Strategi yang dikemukakan lebih tertumpu kepada usaha menambah jumlah tabung, namun kurang menyentuh aspek keberkesanan dan kemampunan perbelanjaan.

Dicadangkan agar turut diperincikan:

- Mekanisme kawalan dan pemantauan keberkesanan perbelanjaan;
- Struktur tadbir urus dan pemantauan akaun amanah yang jelas;
- Langkah memastikan setiap perbelanjaan memberi impak maksimum kepada program/aktiviti; dan
- Strategi jangka panjang bagi menjamin kemampunan sumber kewangan.

Pendekatan ini akan memastikan strategi kewangan yang lebih holistik dan lestari.

Dokumen sokongan:

Dicadangkan supaya melampirkan dokumen sokongan contoh seperti:

- Perancangan terperinci penggunaan tabung amanah mengikut keutamaan program/aktiviti;
- Mekanisme pengurusan tabung amanah yang sistematik, termasuk struktur kawalan dalaman dan pelaporan berkala.

Contoh ini dapat membantu menunjukkan keberkesanan tadbir urus kewangan serta memastikan ketelusan dan kemampunan penggunaan tabung.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
SUMBER MANUSIA Jabatan mempunyai sokongan sumber manusia yang mencukupi untuk membantu pelaksanaan program terutamanya kursus melibatkan aktiviti amali dan kerja lapangan. Program dibantu oleh seorang Pegawai Sains dan 19 orang Penolong Pegawai Sains (PPS) yang berpengalaman dan terlatih dengan kemahiran berkaitan bidang dengan nisbah staf sokongan amali kepada pelajar adalah 1:11.	i. PPS diagihkan kepada semua kursus dengan bilangan sekurang-kurangnya dua orang bagi setiap kursus beramali dengan maksimum sembilan jam kontrak pada satu semester. Semua PPS program akan dilibatkan bagi kursus rentas bidang seperti kursus kerja lapangan dan Disertasi Bachelor. ii. Perancangan melalui pelan penggantian bagi staf berpencen dan permohonan bagi keperluan mengikut bidang.	• Jadual agihan PPS. • Pelan penggantian staf dan bukti pengambilan.

Commented [A4]: Strategi Pengekalan/Peningkatan:
Sila jelaskan strategi yang dimaksudkan dengan lebih terperinci termasuk proses pelaksanaan, dokumen sokongan yang digunakan serta individu atau jawatankuasa yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan strategi tersebut berjalan dengan berkesan.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
SUMBER FIZIKAL Perkara yang dibangkitkan dalam audit pengekal program terdahulu adalah berkisar tentang kemerosotan keadaan fasiliti fizikal, kekurangan peralatan makmal kerana berlaku kerosakan atau perlukan penyelenggaraan serta isu kekurangan peruntukan bagi penyelesaian masalah sumber fizikal.	i. Pembangunan Pelan Taktikal Fakulti bagi meningkatkan aktiviti pendanaan fakulti.	• Pelan Taktikal Fakulti
SUMBER KEWANGAN Kekurangan atau penurunan agihan peruntukan bagi pelaksanaan aktiviti PdP saban tahun.	i. Penambahbaikan sistem pemantauan, penyelenggaraan dan penggantian alatan dan fasiliti. ii. Penubuhan Tabung Amanah jabatan dan merencanakan aktiviti penajaan pendapatan bagi jabatan untuk menampung kos pelaksanaan aktiviti PdP selain dari sumber peruntukan dari pengurusan fakulti selaras dengan keperluan sasaran kerja tahunan pegawai akademik yang kini memerlukan komponen penajaan pendapatan bagi membantu status kewangan universiti. iii. Pembangunan Pelan Taktikal Fakulti bagi meningkatkan aktiviti pendanaan fakulti.	• Maklumat amalan sistem di fakulti beserta bukti. • Maklumat Tabung Amanah dan bukti aktiviti penajaan. • Pelan Taktikal Fakulti

Commented [A5]: Langkah mengatasi:

Kenyataan tersebut bukanlah merupakan tindakan pencegahan yang efektif dan tidak menyentuh penyelesaian kepada punca sebenar masalah (root cause), iaitu isu berkaitan kekurangan dari segi kualiti prasarana. Diperlukan strategi yang lebih tuntas dan berfokus dalam menangani aspek ini secara menyeluruh.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan yang disertakan lebih bersifat asas dan tidak memberikan gambaran jelas tentang proses serta pihak yang terlibat dalam memastikan isu yang dikenal pasti tidak berulang. Diperlukan dokumen yang lebih menyeluruh yang menunjukkan pelaksanaan, pemantauan serta penglibatan personel berkaitan dalam tindakan penambahbaikan.

Commented [A6]: Langkah mengatasi:

Adakah tiada langkah alternatif selain bergantung sepenuhnya kepada tabung akaun amanah? Adakah wujud sebarang usaha telah dilakukan untuk mendapatkan tajaan luar bagi keperluan tertentu? Pernahkah Fakulti/Jabatan merancang strategi permohonan peruntukan tambahan, seperti peruntukan penyelenggaraan sekali sahaja (one-off) atau melalui dana di bawah Rancangan Malaysia?

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan yang disertakan lebih bersifat asas dan kurang menunjukkan dengan jelas proses, pihak bertanggungjawab serta mekanisme yang dapat memastikan masalah tidak berulang. Dicadangkan supaya melampirkan bukti seperti: permohonan peruntukan tambahan, usaha mendapatkan tajaan luar, serta inisiatif kerjasama strategik dengan pihak luar bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan program.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Caj perkhidmatan 25% (15% + 10%) ke atas pendapatan semasa bagi tabung amanah penjana pendapatan PTJ oleh pihak universiti dan fakulti.	i. Penggunaan Tabung Amanah jabatan juga dipastikan bergerak aktif bagi mengurangkan kesan pemotongan caj perkhidmatan dari pihak fakulti dan universiti.	• Maklumat Tabung Amanah.
SUMBER MANUSIA		
i. Kekurangan sumber manusia terlatih dalam bidang.	i. Menghantar staf mengikuti siri latihan atau penganjuran latihan dalaman di jabatan.	• Bukti latihan staf.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan **CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN** pada masa hadapan bagi program; nyatakan **CADANGAN ALTERNATIF** sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan **KEBERKESANAN PELAKSANAAN**)

Hubungan bersama alumni program dilihat sebagai peluang yang perlu diterokai oleh program melalui jabatan dalam menggalakkan alumni program untuk menyumbang semula kepada program, jabatan, fakulti dan UPM sama ada melalui pemberian *in kind* fasiliti fizikal mahupun sumbangan tunai bagi tujuan kegunaan PdP program. Cadangan lain juga adalah meneroka peluang mencari endowment kepada program daripada pihak industri atau orang perseorangan yang berminat untuk menyumbang ke atas pembentukan modal insan dalam bidang program. Selain itu, bagi merencanakan aktiviti PdP dan memastikan kualiti perkhidmatan yang disampaikan terjamin, PPS yang membantu program boleh dihantar bagi mengikuti program latihan kemahiran secara berkala untuk urusan penggunaan peralatan, analisis sampel dan penyelenggaraan dan tentu ukur sendiri.

Commented [A7]: Langkah mengatasi:

Langkah ini lebih tertumpu kepada penjana kewangan melalui tabung amanah. Adakah terdapat strategi khusus untuk memperbaiki pengurusan perbelanjaan bagi mengatasi kehilangan 25% pendapatan? Bagaimanakah fakulti/jabatan memastikan 10% daripada jumlah yang dikembalikan digunakan secara optimum dan berkesan?

Commented [A8]: Langkah mengatasi:

Langkah yang diambil hanya tertumpu kepada pemberian latihan kepada staf. Adakah wujud perancangan untuk mendapatkan tenaga sambilan? Bagaimanakah strategi jangka panjang Fakulti/Jabatan dalam perkara ini? Sila sertakan bukti dokumen jika ada.

Commented [A9]: Penulisan yang bersifat deskriptif, menyeluruh dan menggambarkan strategi yang jelas untuk mengatasi sebarang kelemahan.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Buat masa ini aktiviti PdP program dapat dijalankan secara kondusif dengan kemudahan fizikal sedia ada yang mencukupi dan sebarang keperluan mendesak masih boleh ditampung dengan inisiatif dalaman jabatan dari aspek sumber kewangannya. Namun, di masa hadapan perlu difikirkan sumber kewangan mampan yang lain yang tidak membebankan pegawai akademik untuk aktiviti penajaan. Peranan fakulti dalam merealisasikan perancangan taktikal fakulti dipandang sebagai aktiviti utama bagi menjamin kelangsungan penawaran program agar program kekal relevan, berkualiti dan kompetitif menerusi penyediaan suasana dan kemudahan infrastruktur yang kondusif bagi aktiviti PdP bagi semua program pengajian di fakulti.

Commented [A10]: Boleh membincangkan rumusan berkaitan sumber manusia di Jabatan, termasuk pelan penggantian (*succession plan*) serta perancangan pengambilan tenaga akademik dan bukan akademik untuk menyokong pengembangan program, jabatan dan fakulti.

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 6: PENGURUSAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Pengurusan Program a. Program mempunyai struktur pentadbiran dan pengurusan yang sangat baik dan teratur. Peranan dan tanggungjawab setiap entiti mahupun individu yang terlibat dalam pengurusan program diperincikan dengan jelas bagi memastikan operasi program dapat berjalan dengan lancar. b. Penglibatan yang kerap dan secara berkala dengan pemegang taruh dan pihak berkepentingan termasuk pelajar, fakulti dan rakan industri, membolehkan Jabatan mendapatkan input secara langsung bagi membolehkan proses CQI dijalankan serta merta bagi meningkatkan kualiti program dan memastikan ia kekal relevan.	1. Pengurusan Program a) Pihak Jabatan dan Fakulti menawarkan pelbagai sesi latihan yang berterusan kepada mereka yang terlibat di dalam pengurusan dan pentadbiran program. Ini bagi memastikan pentadbir program sentiasa dapat mengemas kini pengetahuan mereka dengan amalan pengurusan terkini. b) Selain itu, satu medium/mekanisme maklum balas yang kukuh dan penggunaan perisian pengurusan dapat memperkemas tugas pentadbiran dan meningkatkan kecekapan.	1. Struktur organisasi pentadbiran program dan yang berkaitan. 2. Minit mesyuarat berkaitan di pelbagai peringkat (jabatan, fakulti, JKPP, atau kelab pelajar). 3. Senarai latihan yang ditawarkan kepada pentadbir program (dan dokumen berkaitan). 4. Medium maklum balas program (contoh: borang, dalam talian, dsb). 5. Perisian (selain ditawarkan UPM) yang digunakan di dalam pentadbiran program.

Commented [A1]: Kekuatan:

Kenyataan tersebut tidak menerangkan kekuatan dengan jelas. Sila nyatakan dengan spesifik aspek yang dianggap sebagai kekuatan serta jelaskan perbezaan berbanding sistem biasa.

Dokumen sokongan:

Dokumen perlu dilabel dengan jelas menggunakan nombor atau muka surat. Dicadangkan untuk melampirkan bukti seperti perbezaan pengurusan, kekuatan pengurusan, serta bukti kejayaan, impak atau analisis strategi pengekal.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
2. Kepimpinan Program a) Individu utama yang mengisi struktur pentadbiran program mempunyai rekod cemerlang dalam bidang masing-masing dan berpengalaman luas di dalam pengurusan dan kepimpinan di fakulti. b) Individu yang terlibat dalam pentadbiran program mempamerkan visi yang jelas dan cekap dalam merangka perancangan strategik program bagi memastikan ia selaras dengan matlamat UPM dan keperluan industri. c) Selain itu, Jabatan/Fakulti turut melaksanakan program bimbingan (<i>mentorship</i>) yang berkesan dalam membentuk pemimpin masa hadapan bagi program ini.	2. Kepimpinan Program a) Bagi mengekalkan dan meningkatkan prestasi program, peluang pembangunan profesional berterusan dan strategi perancangan penggantian (<i>succession plan</i>) yang baik sentiasa menjadi keutamaan pihak Jabatan/Fakulti. Selain itu, pendekatan di Jabatan yang mana penglibatan staf dan pemimpin pelajar dalam proses membuat keputusan strategik dapat memupuk persekitaran yang lebih inklusif dan harmoni. b) Jabatan mengambil langkah proaktif dengan memastikan pentadbir program untuk menyediakan perancangan strategik tahunan (atau setiap semester) dan dibentangkan di dalam mesyuarat jabatan (atau yang berkaitan). c) Program bimbingan (<i>mentorship</i>) yang berkesan akan terus ditawarkan kepada staf di Jabatan, bagi membentuk pemimpin masa depan dari dalam organisasi.	1. Struktur organisasi pentadbiran program dan yang berkaitan, CV staf. 2. Kerangka pelan strategik program. 3. Senarai program mentorship ditawarkan Jabatan/Fakulti. 4. Perancangan penggantian (<i>succession plan</i>) Jabatan.

Commented [A2]: Kekuatan:

Kenyataan tidak menjelaskan kekuatan yang dimaksudkan. Sila nyatakan program pembentukan pemimpin masa hadapan yang dijalankan serta keberkesanannya. Jelaskan juga bagaimanakah program mentorship memberi impak positif dan memperkukuh kekuatan kepimpinan.

Strategi Pengekal/ Peningkatan:

Kenyataan (a) tidak menggambarkan proses CQI dengan jelas. Manakala kenyataan (c) boleh diperincikan lagi untuk menjelaskan dengan tepat jenis penambahbaikan yang akan dilaksanakan.

Dokumen sokongan:

Dokumen sokongan lebih bersifat asas dan kurang memaparkan proses, peranan personel, serta analisis mendalam. Disarankan untuk menyertakan bukti seperti analisis keberkesanan program *mentorship* bagi memperkukuh dokumen tersebut.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
3. Staf Pentadbiran a) Staf pentadbiran yang dilantik bagi program ini berkemahiran tinggi dan cekap dalam memastikan tugas berkaitan program dijalankan dengan berkesan. b) Nilai kebersamaan dan kerja berpasukan yang ampuh dipupuk di peringkat Jabatan dan Fakulti, dan ini menyumbang kepada kelancaran dalam proses pentadbiran program.	3. Staf Pentadbiran a) Bagi mengekalkan dan meningkatkan prestasi staf pentadbiran program, pembangunan profesional berterusan dan pelbagai peluang latihan ditawarkan secara berkala. Jabatan dan fakulti turut mengamalkan program pengiktirafan pekerja. Program seperti ini mampu meningkatkan motivasi staf dan seterusnya mengekalkan bakat terbaik (<i>best talent</i>) bagi program. Sebagai individu yang bertanggungjawab mentadbir program, pihak Jabatan sentiasa mengumpul maklum balas secara berkala daripada staf pentadbiran bagi membantu Jabatan mengenal pasti ruang penambahbaikan yang perlu diambil. b) Pelbagai aktiviti sosial dianjurkan di peringkat Jabatan/Fakulti yang melibatkan staf pentadbiran (bukan akademik) dan pelajar. Ini bagi memastikan keutuhan nilai kebersamaan dan kerja berpasukan sesama ahli Jabatan/Fakulti terutamanya yang terlibat dalam pengendalian program.	1. Senarai staf pentadbir (bukan akademik) dan CV. 2. Senarai program pembangunan profesional dan latihan yang dihadiri staf pentadbir. 3. Senarai program atau anugerah pengiktirafan pekerja di Jabatan/Fakulti. 4. Senarai aktiviti sosial yang melibatkan staf dan pelajar program.
4. Rekod Akademik a) Sistem pengurusan rekod akademik program melalui proses penyelenggaraan yang teliti bagi memastikan ketepatan (<i>accuracy</i>) dan kebolehpercayaan (<i>reliability</i>) data. Selain	4. Rekod Akademik a) Audit sendiri secara berkala dan penambahbaikan berterusan sistem secara dalam talian sedia ada adalah	1. Senarai audit yang berkaitan dengan data program. 2. Senarai latihan berkenaan dengan

Commented [A3]: Kekuatan:
 Kenyataan tidak menjelaskan dengan jelas apakah aspek kekuatan staf pentadbiran yang dimaksudkan.

Dokumen sokongan:
 Dokumen sokongan yang disertakan lebih bersifat dokumen asas dan kurang menunjukkan proses, peranan individu, serta analisis mendalam. Disarankan untuk melampirkan dengan bukti atau maklum balas yang relevan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
itu, pematuhan kepada peraturan UPM dan standard yang relevan dipatuhi dengan ketat. b) Rekod akademik program juga mudah diakses oleh kakitangan yang terlibat (samada pentadbir program mahupun pensyarah kursus program), memastikan akses kepada maklumat adalah cepat dan tepat.	di antara strategi untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi program ini. b) Manakala latihan berterusan kepada staf mengenai amalan terbaik di dalam pengurusan rekod dan keselamatan data juga menjadi keutamaan di Jabatan.	pengurusan rekod dan keselamatan data. 3. Dokumen audit pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).

Commented [A4]: Kekuatan:

Kenyataan (a) adalah amalan biasa dan bukan kekuatan. Sila nyatakan dengan jelas sama ada kenyataan (b) merujuk kepada sistem biasa atau sistem khas yang diwujudkan untuk memperbaiki sistem sedia ada. Jika ya, terangkan dengan terperinci kelainan serta kelebihan sistem tersebut.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Pengurusan Program a) Pelbagai proses berkaitan program (seperti pembentukan, semakan semula, audit pengekal dsb) melibatkan proses yang teliti dan ketat (<i>rigorous</i>). Meskipun membawa kebaikan, ia mampu memberi kesan kepada perjalanan program secara keseluruhan. Sebagai contoh, proses semakan semula program yang perlu melalui pelbagai jawatankuasa di peringkat Jabatan, Fakulti sebelum di bawa ke peringkat	1. Pengurusan Program a) Jabatan sentiasa memastikan proses berkaitan program dijalankan mengikut masa dan tempoh yang ditetapkan UPM. Ini dilakukan dengan menjejaki dan memantau semua tarikh yang berkaitan untuk memastikan jabatan tidak melepasi tarikh akhir yang diberikan. Walaupun memenatkan, pendekatan konvensional ini adalah yang terbaik yang mampu dilakukan setakat ini. Bagi memastikan bidang sentiasa 'up to date', proses CQI perlu dilaksanakan	1. Senarai aktiviti Jabatan/Fakulti yang menjana kewangan. 2. Minit mesyuarat atau senarai aktiviti interaksi bersama jabatan/fakulti lain.

Commented [A5]: Langkah mengatasi:

Tindakan pencegahan dan pembetulan perlu dinyatakan dengan jelas bagi membolehkan proses CQI dipantau dan dianalisis dengan berkesan. Sila jelaskan tindakan atau proses unik yang dilaksanakan oleh Fakulti/Jabatan untuk mengatasi impak negatif berkaitan program. Bagaimanakah Fakulti/Jabatan memastikan impak negatif tersebut diminimalkan? Selain mesyuarat, apakah mekanisme lain yang digunakan untuk mengurangkan komunikasi selaian?

Bukti sokongan:

Dicadangkan untuk melampirkan bukti pelaksanaan proses CQI yang selaras dengan langkah penyelesaian isu yang telah dinyatakan.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
Universiti sebelum akhirnya dapat ditawarkan. Bagi sesuatu program/bidang yang bersifat dinamik, kesannya adalah lebih signifikan memandangkan proses di pelbagai peringkat ini akan mengambil masa yang agak lama, dan ketika ia dapat ditawarkan, telah terdapat pembaharuan di dalam bidang berkenaan mahupun standard program yang memberi kesan kepada silibus kursus dan kurikulum program. b) Selain itu, kekangan sumber sama ada sumber manusia dan kewangan menimbulkan cabaran besar kepada pelaksanaan program, seterusnya menghalang (atau sekurang-kurangnya mengganggu pelaksanaan) inisiatif baharu. c) Jurang komunikasi di antara entiti yang terlibat dengan program juga boleh menimbulkan salah faham dan kelewatan. Entiti yang terlibat merangkumi pelbagai entiti (contoh, jawatankuasa) di peringkat jabatan, fakulti mahupun universiti.	sehingga tempoh kitaran semakin seterusnya. b) Jabatan/Fakulti sentiasa mengutamakan peruntukan sumber sama ada sumber manusia dan kewangan, selain turut meneroka sumber pembiayaan alternatif melalui penganjuran aktiviti yang mampu menjana kewangan kepada program. Jabatan/Fakulti turut mengamalkan pendekatan yang mampu mengoptimumkan sumber sedia ada, dan mempertimbangkan kerjasama dengan program lain di bawah jabatan, mahupun jabatan lain di fakulti untuk berkongsi beban kerja dan kewangan. c) Mengadakan mesyuarat (atau interaksi) secara berkala di antara jabatan yang berbeza bagi meneliti potensi kerjasama yang mungkin, dan mengamalkan sistem penyampaian maklumat yang berkesan.	
2. Kepimpinan Program a) Cabaran utama dalam kepimpinan program adalah kadar pusing ganti (<i>turnover</i>) yang tinggi dalam jawatan kepimpinan, yang seterusnya mengganggu kestabilan dalam pelaksanaan program.	2. Kepimpinan Program a) Strategi pengkalan seperti imbuhan yang kompetitif dan/atau menarik (berbentuk kewangan mahupun bukan), mempromosikan pengagihan tugas, dan menyediakan sokongan pentadbiran yang mencukupi.	1. Imbuhan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung (jika ada).

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
b) Proses membuat keputusan (<i>decision making</i>) yang berpusat juga sering menyebabkan kesesakan (<i>bottleneck</i>) dan respon yang perlahan. c) Kesukaran dalam mengimbangi tugas pentadbiran dengan tanggungjawab akademik lain juga boleh membawa kepada keletihan (<i>burnout</i>) kepada pentadbir program. Ini boleh dilihat yang mana individu yang dilantik untuk mentadbir program adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang dan berpengalaman serta mempunyai rekod yang baik di dalam kerjaya.	b) Mengadakan mesyuarat berkala, di samping sentiasa memastikan menjejaki dan memantau semua tarikh yang berkaitan untuk memastikan jabatan tidak melepasi tarikh akhir yang diberikan. c) Jabatan/Fakulti turut menjayakan program bimbingan (<i>mentorship</i>) yang berkesan dalam membentuk pemimpin masa hadapan bagi program ini. Program seperti ini dijangka mampu menghasilkan individu berkecakapan tinggi, dan mampu mengurangkan pemberian beban kerja kepada individu yang sama.	2. Senarai aktiviti <i>mentorship</i>.
3. Staf Pentadbiran a) Kekurangan staf pentadbiran (bukan akademik) di Jabatan mengakibatkan beban kerja yang tinggi. Ia boleh membawa kepada isu tekanan, terutamanya apabila melibatkan isu pengekalan (<i>retention</i>) kalangan staf pentadbiran (bukan akademik) lantikan kontrak.	3. Staf Pentadbiran a) Antara pendekatan yang diambil adalah melalui pengagihan beban kerja yang lebih adil dan sama rata dalam kalangan staf sedia ada, dan mengupah staf tambahan (melalui lantikan pegawai eksekutif). Jabatan/Fakulti turut mengoptimumkan sumber tenaga manusia sedia ada melalui kerjasama dengan program lain di bawah jabatan, mahupun jabatan lain di fakulti untuk berkongsi beban kerja dan kewangan.	1. TOR staf pentadbiran program (merentas program mahupun Jabatan).

Commented [A6]: Langkah mengatasi:
Langkah penyelesaian yang dinyatakan tidak sejajar dengan isu utama yang dikemukakan iaitu
(a) kadar pusing ganti staf yang tinggi;
(b) kelewatan dalam proses pengambilan keputusan; dan
(c) ketidakseimbangan antara tugas pentadbiran dan akademik.

Bukti sokongan:
Dicadangkan untuk melampirkan bukti pelaksanaan proses yang relevan dan sejajar dengan masalah yang dikenal pasti sebagai contoh.

Commented [A7]: Menepati ciri pelaporan.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
4. Rekod Akademik a) Antara cabaran utama adalah melindungi rekod akademik daripada ancaman siber dan akses tanpa kebenaran. Pautan kepada “<i>not secure connection</i>” di laman web juga perlu diperbaiki dan dikemas kini secara berkala. b) Kebanyakan proses dalam pengurusan program adalah melibatkan tenaga manusia dan satu cabaran utama adalah untuk meminimumkan kesilapan manusia dalam penyimpanan rekod.	4. Rekod Akademik a) Jabatan/Fakulti melaksanakan langkah keselamatan yang terbaik dalam memastikan keselamatan rekod akademik. Ini dicapai melalui sokongan padu Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) UPM. Sebagai contoh, bagi setiap pautan “<i>not secure connection</i>” yang dijumpai, laporan akan dibuat secara terus kepada iDEC melalui sistem maklum balas secara dalam talian. b) Selain itu, Jabatan/Fakulti turut mewujudkan proses kawalan kualiti terutamanya yang melibatkan ICT.	1. Aduan kepada iDEC berkenaan isu rekod akademik, atau sebarang bentuk kerjasama melibatkan ICT. 2. Proses kawalan kualiti (dalaman).

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN pada masa hadapan bagi program; nyatakan CADANGAN ALTERNATIF sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan KEBERKESANAN PELAKSANAAN)

- a) Untuk memastikan kejayaan dan kelestarian program, adalah penting bagi jabatan untuk mempergiatkan usaha pendanaan melalui promosi strategik dan *outreach*. Ini melibatkan proses mengenal pasti pasaran yang berpotensi untuk membekalkan pelajar mahupun organisasi luar yang dapat membekal pelajar secara pukal (contohnya melalui MoU dengan organisasi luar), merangka naratif dan kerangka strategik yang menekankan impak dan nilai program, serta memanfaatkan pelbagai saluran media untuk mencapai liputan yang lebih luas.
- b) UPM dicadangkan untuk melaksanakan platform komunikasi berpusat yang mana maklumat dapat disalurkan dengan tepat, dan memastikan pihak berkepentingan berada di landasan yang sama dan dapat menyumbang dengan lebih efisien.
- c) Jabatan/fakulti juga dicadang untuk memperkenalkan program yang menawarkan insentif atau pengiktirafan yang memberi ganjaran kepada penyelesaian kreatif dan pencapaian cemerlang. Pengiktirafan kepada program Bachelor (UG) dan MSKK (PG) terbaik bukan sahaja dapat memotivasikan staf dan pelajar tetapi juga membantu menetapkan piawaian kecemerlangan di UPM.

- d) Pelbagai sesi bengkel, seminar dan sesi perbincangan idea secara berkala yang merentasi program, sama ada di peringkat jabatan/fakulti/universiti juga perlu ditingkatkan bagi menggalakkan pemikiran inovatif dan perkongsian kaedah terbaik dalam penyelesaian masalah.
- e) UPM perlu membangunkan program pembangunan kepimpinan yang lebih komprehensif kepada bakat baharu (*new talent*). Program ini perlu merangkumi gabungan pengetahuan teori dan kemahiran praktikal, merangkumi bidang seperti perancangan strategik, pengurusan kewangan, pembinaan pasukan dan penyelesaian konflik. Memasukkan elemen *mentorship* ke dalam program pembangunan kepimpinan ini juga merupakan satu langkah yang wajar diberi perhatian. Mentor yang dilantik boleh dijadikan sumber rujukan dan mampu memberi sokongan peribadi kepada bakat baru.
- f) UPM perlu melihat semula kaedah membuat keputusan dalam pengurusan program, seperti pembentukan dan semakan semula program. Antara cadangan ataupun kaedah yang mungkin adalah dengan mengamalkan pendekatan desentralisasi (*decentralized*) dalam membuat keputusan. Dengan memperkasakan pelbagai pasukan/entiti di setiap peringkat untuk membuat keputusan, UPM boleh memupuk rasa memiliki dan akauntabiliti, membawa kepada penyelesaian yang lebih responsif dan inovatif.
- g) Jabatan juga disaran untuk membudayakan strategi pengurusan seperti LEAN yang dapat menyempurnakan proses, mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan secara menyeluruh.
- h) Jabatan juga perlu meneliti dan seterusnya mengenal pasti laluan kerjaya yang jelas bagi staf pentadbiran (bukan akademik) yang berstatus kontrak. Dengan menyediakan laluan kerjaya yang jelas, jabatan dapat memotivasikan staf ke arah menggalas peranan dan tanggungjawab yang lebih luas.
- i) Jabatan/fakulti/UPM disaran untuk melaksanakan sistem berautomatik (*automated system*) yang dapat mengurangkan beban kerja mahupun kesilapan dalam kalangan staf (contoh, terlepas pandang tarikh semakan program dsb). Notifikasi dan peringatan secara automatik akan dapat memastikan penyelesaian tugas secara tepat pada masanya dan meningkatkan pematuhan terhadap tarikh akhir (*deadline*). Oleh yang demikian, penggunaan teknologi seperti pengurusan dokumen elektronik, penjadualan automatik dan *data analytics* dapat menyempurnakan operasi seharian program di samping meningkatkan kecekapan.
- j) Mengintegrasikan pelbagai sistem dan pangkalan data yang berkaitan dengan program ke arah satu platform bersatu (*unified*). Platform ini boleh menggabungkan pelbagai fungsi sedia ada seperti pengurusan rekod akademik, mempercepatkan proses data *entry* dan *retrieval*, dan pelaporan data. Ini dapat meningkatkan ketepatan data, mengurangkan pertindihan data dan meningkatkan kecekapan pengurusan rekod secara keseluruhan. Selain itu, sistem terintegrasi (*integrated*) akan dapat memudahkan analisis dan pelaporan data yang lebih baik, seterusnya membantu jabatan/fakulti/UPM dalam membuat keputusan secara berasaskan data (*data-driven*).

Commented [A8]: Penulisan yang komprehensif dan memenuhi keperluan dengan tepat.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

Secara keseluruhan, program telah diurus dan ditadbir dengan baik. Ini termasuk struktur pentadbiran yang teratur dan jelas, yang mana peranan dan tanggungjawab setiap entiti dan individu diperincikan dengan jelas untuk memastikan operasi program berjalan lancar. Meskipun demikian, pengurusan program menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan pendekatan yang teliti dan kerjasama menyeluruh samada di peringkat jabatan, fakulti mahupun UPM.

Proses seperti pembentukan, semakan semula dan audit pengekalan melibatkan pelbagai peringkat yang boleh mengambil masa yang lama, terutamanya apabila melibatkan pelbagai jawatankuasa di peringkat Jabatan, Fakulti, dan Universiti. Meskipun rumit, proses ini penting untuk memastikan program mematuhi standard program, piawaian semasa dan perubahan terkini dalam bidang. Selain itu, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi penghalang utama yang boleh mengganggu atau menghalang inisiatif baharu daripada dilaksanakan dengan sepenuhnya. Untuk mengatasi, Jabatan sentiasa mengutamakan peruntukan sumber dan meneroka pembiayaan alternatif melalui aktiviti yang menjana kewangan untuk program.

Kepimpinan program turut menghadapi cabaran dalam menguruskan kadar pusing ganti yang tinggi dalam jawatan kepimpinan dan proses membuat keputusan yang kadang-kadang menyebabkan kesesakan (*bottleneck*) dan respon yang perlahan. Namun demikian, individu utama dalam struktur pentadbiran program mempunyai rekod cemerlang dan pengalaman luas dalam kepimpinan di fakulti. Strategi untuk mengatasi cabaran ini termasuk imbuhan yang kompetitif dan/atau menarik, pengagihan tugas yang lebih adil, serta sokongan yang mencukupi kepada pentadbiran. Meskipun begitu, pengimbangan antara tugas pentadbiran dengan tanggungjawab akademik adalah penting untuk mengelakkan keletihan emosi dan upaya dalam kalangan pentadbir program. Program bimbingan (*mentorship*) yang berkesan dijalankan bagi membentuk pemimpin masa hadapan dalam program ini, memastikan kelancaran pengurusan dan penyediaan perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti akademik dan industri.

Staf pentadbiran program pula menghadapi cabaran dalam menangani beban kerja yang tinggi disebabkan kekurangan jumlah kakitangan, terutamanya dalam isu pengekalan staf lantikan kontrak. Langkah-langkah seperti pengagihan beban kerja yang lebih adil dan mengupah staf tambahan telah diperkenalkan untuk mengurangkan tekanan ini. Kebersamaan dan kerja berpasukan yang diperkukuh di peringkat jabatan dan fakulti menyumbang kepada kelancaran proses pentadbiran program. Pengurusan yang teliti terhadap rekod akademik melibatkan langkah-langkah untuk memastikan keselamatan data dan pematuhan kepada standard keselamatan ICT. Langkah-langkah ini termasuk melaksanakan

sistem keselamatan yang terbaik dan melaporkan sebarang ketidakselamatan kepada Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) UPM untuk tindakan selanjutnya.

Secara keseluruhannya, jabatan ini berusaha untuk mengatasi cabaran dengan strategi yang berkesan dalam pengurusan, kepimpinan yang cemerlang, sokongan kepada staf pentadbiran dan pemeliharaan rekod akademik yang selamat. Dengan usaha berterusan untuk meningkatkan operasi dan memenuhi matlamat pendidikan dan perkhidmatan kepada komuniti akademik dan industri, jabatan ini bertekad untuk kecemerlangan yang berterusan dalam menyediakan program berkualiti tinggi kepada pelajar dan rakan industri.

Skala	Keterangan	Tandakan (√) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

Commented [A9]: Penulisan refleksi bidang yang sangat baik. Refleksi yang mendalam yang merangkumi aspek analitikal dan strategi penambahbaikan proses.

BIDANG 7: SEMAKAN, PEMANTAUAN PROGRAM DAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
i. Program disemak semula sekurang-kurangnya lima tahun sekali sejajar dengan keperluan yang ditetapkan oleh MQA dan Standard Program XX terkini. Satu jawatankuasa khas berstruktur iaitu Jawatankuasa Semakan Program dibentuk bagi menjalankan kajian semakan semula di jabatan yang diketuai oleh penyelarar yang dilantik oleh pihak fakulti (sila rujuk Lampiran Surat Lantikan Jawatankuasa Semakan Program). Maklumat dan pandangan dari pihak berkepentingan seperti Penilai Luar, Jawatankuasa Pengajian Program (JKPP), wakil industri, wakil kerajaan, alumni, pegawai akademik dan pelajar tahun akhir diambil kira sewaktu proses semakan program.	Memperkemas proses pemantauan dalam pelaksanaan pengajaran dengan mempertingkatkan kefahaman pensyarah terutamanya pensyarah baharu melalui latihan berkaitan berkala (sila rujuk Lampiran Takwim Latihan Pensyarah).	• Surat Lantikan Jawatankuasa Semakan Program. • Takwim Latihan Pensyarah.
ii. Jabatan mempunyai pasukan yang mantap dan berpengetahuan dalam memastikan proses pemantauan, penilaian dan penambahbaikan program dilakukan sepanjang masa. Peranan aktif dimainkan oleh Tadbir Urus Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah dan Siswazah.	Memastikan pensyarah baharu dilantik sebagai ahli jawatankuasa semakan program dan bertindak sebagai pelapis bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan dalam pemantapan reka bentuk program.	• Surat Lantikan Jawatankuasa Semakan Program.

Commented [A1]: Kekuatan:

Kenyataan tersebut menggambarkan amalan biasa semakan kurikulum dan bukan satu kekuatan. Kekuatan sepatutnya boleh ditonjolkan melalui aspek seperti kecekapan proses, kepantasan sela masa pelaksanaan, kaedah analisis maklum balas, serta pendekatan menilai keberkesanan tindakan pembetulan atau pencegahan yang diambil.

Strategi Pengekalan/Peningkatan:

Kenyataan mengenai kekuatan dan strategi pengekalan kurang fokus kerana tidak menumpukan pada isu yang sama. Sila jelaskan sama ada ia merujuk kepada proses pemantauan pengajaran atau pembangunan dan semakan kurikulum untuk memastikan keselarasan.

Dokumen sokongan:

Dokumen perlu dilabel dengan nombor lampiran atau muka surat yang jelas bagi memudahkan rujukan panel penilai. Dicapangkan untuk melampirkan seperti terma rujukan (TOR), jadual garis masa kajian pasaran dan analisis keperluan mengikut pemegang taruh.

Commented [A2]: Kekuatan:

Perjelaskan bagaimanakah pasukan Tadbir Urus Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah dan Siswazah ini berperanan dan memberikan kekuatan kepada program.

Strategi Pengekalan/Peningkatan:

Kenyataan mengenai kekuatan pasukan Tadbir Urus dan strategi pengekalan keanggotaan ahli baharu kurang selari kerana tidak menumpukan pada isu yang sama.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
iii. Jabatan sentiasa melaksanakan langkah proaktif dalam memantau dan menambah baik reka bentuk program. Selain langkah penambahbaikan proses sebelum dan semasa program dijalankan, penambahbaikan program bagi pelaksanaan lima tahun akan datang telah dirangka berdasarkan data semasa. Perubahan yang dicadangkan ialah dengan membina reka bentuk program yang lebih mantap serta diiktiraf. Antara perubahan yang dicadangkan ialah mempertingkatkan skil yang diperlukan secara berterusan sepanjang pengajian, termasuklah mendapatkan pengiktirafan program dari badan berkaitan (sila rujuk Lampiran Mesyuarat JK Semakan Program).	Mendapatkan nasihat dan pandangan pihak yang telah mendapat pengiktirafan program dari badan berkaitan bagi memastikan persiapan rapi dilakukan oleh Jabatan kerana yuran proses pengiktirafan adalah tinggi.	• Mesyuarat JK Semakan Program.
iv. Jabatan mempunyai beberapa mekanisme pemantauan lengkap melibatkan pelbagai pihak (sila rujuk Lampiran Minit Mesyuarat JKPKK). Pemantauan terperinci dalam pelaksanaan kursus dilakukan pada pelbagai aras di dalam pelaksanaan kursus oleh kumpulan Tadbir Urus Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah serta Ketua Jabatan. Pemantauan pelaksanaan kursus dilakukan dengan memastikan rancangan pengajaran yang adil dan saksama, Jumlah Jam Pembelajaran yang sesuai dengan tahap pengajian dan PLO yang dirancang, aktiviti penilaian yang bersesuaian dengan PLO, pembentukan soalan yang mencapai aras kognitif yang disasarkan, skema jawapan yang adil, penilaian pencapaian kursus dan maklum balas latihan industri.	Meneruskan amalan sedia ada dengan penglibatan pemegang taruh berkaitan serta pihak berkepentingan dalam proses semakan semula program bagi memastikan kelestarian dan keterkinian kurikulum.	• Minit Mesyuarat JKPKK).

Commented [A4]: Kekuatan:
Jabatan telah mengambil inisiatif memohon pengiktirafan program. Jika pengiktirafan tersebut merupakan akreditasi, sila nyatakan dengan jelas perkataan "akreditasi" beserta nama badan pengiktiraf.

Strategi Pengekalan/ Peningkatan:
Isu yuran boleh nyatakan di bahagian cabaran.

Commented [A3]: Kekuatan:
Kenyataan ini lebih bersifat strategi peningkatan kualiti program dan bukan kekuatan, kerana masih berada dalam peringkat perancangan.

Dokumen sokongan:
Pertimbangkan untuk menyertakan contoh seperti analisis pulangan atas pelaburan (ROI) bagi program peniktirafan, jawatankuasa yang bertanggungjawab, serta proses dan bukti pelaksanaan yang jelas.

Kenyataan ini lebih sesuai dimasukkan dalam Bidang 1, manakala Bidang 7 lebih memfokuskan kepada proses, individu dan pemantauan CQI.

Commented [A5]: Dokumen sokongan:
Pertimbangkan untuk sertakan contohnya: Bukti pelaksanaan pemantauan pelaksanaan kursus? Carta alir mekanisme pemantauan lengkap?

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
v. Kepelbagaian aspek prestasi dan kemajuan pelajar dianalisis secara komprehensif bagi melihat secara keseluruhan pencapaian objektif kursus, penyampaian kurikulum serta hasil pembelajaran program. Maklumat ini dibentang dan dibincangkan melalui mesyuarat jabatan, mesyuarat fakulti serta mesyuarat JK Kurikulum Fakulti (sila rujuk Lampiran Minit Mesyuarat xx).	Analisa dan penambahbaikan berterusan dilakukan melalui pemantauan berkala Bahagian Akademik Fakulti dan Ketua Jabatan dalam memastikan kualiti dan prestasi pelajar adalah di tahap tertinggi.	Lampiran Minit Mesyuarat xx.

Commented [A6]: Dokumen sokongan:
Pertimbangkan untuk sertakan contohnya: Carta alir atau maklumat keahlian Bahagian Akademik Fakulti beserta TOR? Kekerapan analisis dibuat/ mesyuarat? Bukti analisis pencapaian pelajar?

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan / pembuktian
i. Kaedah pengumpulan maklumat bagi memastikan pemantauan pencapaian komponen di dalam program seperti hasil pembelajaran (LO), hasil pembelajaran program (PLO) dan objektif pendidikan program (PEO) bagi memastikan keberkesanan pemantauan dan penambahbaikan berterusan program.	Penilaian dan pencapaian Hasil Pembelajaran kursus (CLO) oleh setiap pensyarah bagi kursus masing-masing di akhir setiap semester melalui <i>Course Assessment Summary</i> (CAS), Hasil Pembelajaran Program (PLO) oleh Ketua Jabatan dan Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) serta Dekan melalui laporan <i>Programme Outcome Summative Evaluation</i> (POSE) menggunakan aplikasi dalam talian PutraOBE dapat memastikan program berada di	- Catatan Bengkel PEOPOLKI. - Contoh Laporan CAS, CAM, POSE. - Laporan refleksi sendiri kursus.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
	landasan yang betul dalam membentuk modal insan berprestasi tinggi. Pencapaian PLO bagi kursus menjadi salah 1 agenda di dalam bengkel PEOPOLOKI Jabatan (sila rujuk Lampiran Catatan Bengkel PEOPOLOKI). Jabatan menggunakan input keputusan penilaian kursus untuk menilai pencapaian CLO; data CAM dan maklum balas untuk pencapaian PLO dan tinjauan graduan untuk menilai pencapaian PEO. Pensyarah juga digalakkan untuk melaksanakan refleksi sendiri bagi kursus yang diajar dan membincangkan laporan refleksi dalam mesyuarat yang sama.	
ii. Jabatan memastikan pelaksanaan kurikulum program selaras dengan keperluan industri. Penekanan telah diberikan terhadap teori dan prinsip yang sesuai dalam menyelesaikan masalah dan cabaran semasa industri dan perkara ini diterapkan di dalam PdP dan juga proses semakan kurikulum.	Menguatkan hubungan dengan industri melalui kepelbagaian aktiviti aktif yang melibatkan industri agar pelajar dan pensyarah sentiasa didedahkan dengan isu, trend dan teknologi terkini di bidang berkaitan. Komen dan cadangan dari pihak industri, adjunct fakulti penilai luar juga diambil kira sebagai usaha menambah baik program ini (sila rujuk Lampiran Minit Mesyuarat xx).	● Lampiran Minit Mesyuarat.

Commented [A7]: Masalah:

Kenyataan tidak menjelaskan apakah masalah sebenar yang dihadapi dalam kaedah pengumpulan maklumat.

Langkah mengatasi:

Penulisan perlu diperkemas seiring dengan yang masalah sebenar. Apabila masalah sebenar tidak jelas maka semua langkah mengatasi masalah menjadi seolah-olah tidak berkaitan. Penulisan menyatakan jenis data yang dikumpulkan.

Commented [A8]: Kenyataan masalah dan langkah mengatasi ini lebih sesuai dinyatakan di dalam bidang 1 dan bukannya bidang 7 yang lebih memfokus kepada proses, personel dan pemantau CQI.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan **CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN** pada masa hadapan bagi program; nyatakan **CADANGAN ALTERNATIF** sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan **KEBERKESANAN PELAKSANAAN**)

- Latihan kepada semua pensyarah akan dirancang untuk membantu Jabatan memantau pencapaian PLO pada setiap kohort melalui tafsiran *Course Assessment Summary* (CAS).
- Fakulti sedang membina soalan bagi melaksanakan tinjauan kepada semua graduan program yang telah bergraduasi untuk menilai pencapaian PEO program.
- Cadangan daripada majikan alumni dengan menambah baik kandungan kursus untuk memenuhi keperluan semasa, kehendak industri dan mengikut perubahan teknologi dalam bidang berkaitan akan diambil kira.
- Menjemput penceramah luar dari industri untuk menyampaikan kuliah/ceramah supaya dapat input dan perspektif baharu/berbeza dari segi pemantauan program, semakan kurikulum dan penambahbaikan berterusan.
- Menggalakkan pensyarah dan staf pelaksana mendaftar sebagai ahli bersekutu di xx yang mengeluarkan pengiktirafan akreditasi xx. Seterusnya pelajar boleh memohon untuk ditauliahkan sebagai xx dan badan pengiktirafan kepakaran yang lain sebagai nilai tambah pelajar sebelum bergraduasi.

4. Rumusan dan refleksi sendiri


Proses penambahbaikan dan pemantauan hal ehwal berkaitan secara langsung dan tidak langsung terhadap program telah dilaksanakan dengan baik oleh Jabatan dengan bantuan semua pensyarah di dalam ruang lingkup bidang tadbir urus yang khusus. Namun begitu, isu bagaimanakah penyelarasan terhadap kualiti pelaksanaan program boleh ditambah baik dan kesinambungan hasil pemantauan di peringkat Jabatan atau Fakulti boleh diterjemahkan dan difahami dengan baik di peringkat pengurusan Universiti berdasarkan had keupayaan di Jabatan atau Fakulti. Dengan adanya pemantauan, semakan dan peningkatan kualiti berterusan terhadap kursus, kurikulum program diyakini dapat memberi nilai tambah dalam menghasilkan graduan yang lebih berdaya saing dan berkualiti serta dapat memenuhi keperluan dan jangkaan pihak industri.

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

Commented [A9]: Tiga poin ini lebih sesuai sebagai strategi pengkalan kekuatan ATAU cara mengatasi cabaran - yg dua poin di bawah okay sebagai cadangan tambahan bagi penambahbaikan bidang 7 bagi program.

Commented [A10]: Fakulti/Jabatan disaran untuk melihat keberkesanan organisasi atau JK yang bertanggungjawab dalam memastikan kecaknaan terhadap proses CQI dalam merencana strategi, pencapaian, keberkesanan proses CQI. Nyatakan siapa/tindakan apa yang perlu. (People, process, paper)

Commented [A11]: Kenyataan juga haruslah menunjukkan bagaimanakah pandangan Fakulti/Jabatan terhadap semua proses yang telah dilaksanakan dan pencapaian yang telah diperolehi. Apakah pencapaian semasa memuaskan dan bagaimanakah masa hadapan ingin dicorakkan?



LAMPIRAN 3

CONTOH PENULISAN PSRR TIGA PROGRAM RINTIS
.....

LAMPIRAN 3.1

**CONTOH PENULISAN PSRR TIGA PROGRAM RINTIS:
BACELOR SAINS AKUAKULTUR DENGAN KEPUJIAN
(FAKULTI PERTANIAN)**

.....



IMBAS UNTUK RUJUK
DOKUMEN
SOKONGAN/PEMBUKTIAN

BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Portal <i>Graduates Reference Hub for Employment and Training</i> (GREaT) menunjukkan bahawa graduan BSA bagi tahun 2022 dan 2023 telah mencatatkan 100% kebolehpasaran graduan (<i>graduate employability</i>). Hasil Tinjauan Alumni yang dijalankan pada Ogos 2024 (antara 2015 sehingga 2022), 81% daripada responden kini berkhidmat dalam industri akuakultur dan perikanan, manakala manakala baki 19% bekerja dalam sektor lain dalam kumpulan pengurusan dan professional.	Beberapa langkah diambil bagi mengekal dan meningkatkan bidang pembangunan dan penyampaian program termasuklah: - kajian kebolehpasaran dilakukan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM terhadap kelompok terkini graduan program BSA. - kajian pasaran alumni dijalankan berhubung kerjaya dan status alumni program BSA dan bagi mendapatkan maklum balas berhubung kurikulum program BSA sedia ada.	- Exit survey, CEM. - Kajian pasaran alumni.

Commented [A3]: Perlu dikemas kini agar selaras dengan pembetulan pada pernyataan kekuatan program.

Commented [A1]: Kekuatan program seharusnya tertumpu kepada Bidang 1, khususnya aspek seperti keunikan kurikulum, kaedah penyampaian yang inovatif serta pengiktirafan profesional atau antarabangsa yang dimiliki.

Laporan kekuatan tidak sepatutnya terlalu menumpukan kepada data kajian pasaran seperti kebolehpasaran graduan semata-mata, kerana ia lebih bersifat sokongan berbanding kekuatan utama program.

Contoh kekuatan yang relevan termasuklah:

- Akreditasi daripada badan profesional atau antarabangsa.
- Hasil penandaarasan yang menunjukkan kelebihan berbanding program lain.
- Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang unik atau terbukti berkesan.

Commented [A2]: Perlu dikemas kini agar selaras dengan pembetulan pada pernyataan kekuatan program, supaya ia lebih mencerminkan keunikan kurikulum, kaedah penyampaian yang inovatif serta pencapaian atau pengiktirafan yang relevan selaras dengan fokus Bidang 1.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Meningkatkan keterlihatan elemen akuakultur yang menjurus kepada produksi secara ekstensif, insentif dan semi-intensif dengan tumpuan bukan sahaja kepada industri <i>upstream</i> (ladang, pusat semaian dan ternakan) tetapi juga <i>downstream</i> (hiliran).	Program BSA telah disemak dengan menambah baik beberapa kursus <i>hands-on</i> sebagai contoh: a) Teras • AKU3210 Kultur Ikan [3 (1+2)]. • PPT3702 Keusahawanan Pertanian [3(2+1)]. b) Elektif • AKU4203 Sistem Pengeluaran Akuakultur [3 (2+1)]. • AKU4221 Kultur Krustasea [3 (1+2)].	• Sinopsis kursus.

Commented [A6]: Perlu buktikan juga terdapat keperluan bagi menambahbaik program dengan menambah elemen keterlihatan seperti yang dinyatakan.

Contoh: Komen pemegang taruh (alumni, JKPP, Penilai Luar).

Commented [A4]: 1. Perlu menyemak laporan audit terdahulu bagi mengenal pasti sekiranya terdapat isu atau cabaran yang telah dikenal pasti sebagai syarat atau peluang penambahbaikan, dan pastikan tindakan susulan serta pelaksanaan CQI telah diambil terhadap perkara tersebut.

2. Isu dan cabaran lain dalam Bidang 1 boleh merangkumi aspek seperti:

- Ketidakselarasan CLO dengan PLO.
- Kekangan sumber manusia.
- Kurangnya inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- Kelemahan dalam mendapatkan maklum balas sistematik daripada pemegang taruh.
- Kurikulum yang tidak responsif terhadap perubahan industri atau keperluan semasa.

Commented [A5]: Strategi ini perlu menjelaskan mekanisme keterlihatan (*visibility*) program dengan lebih terperinci bagi menunjukkan keberkesanannya dalam menarik calon pelajar.

Penting untuk menunjukkan bukti atau data sokongan bagi meyakinkan bahawa strategi ini benar-benar meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan program.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Program BSA akan diperkukuh melalui kerjasama dengan industri, agensi kerajaan dan swasta. Sebagai permulaan, kursus AKU3200 Prospek Akuakultur akan ditawarkan pada Semester 1 2025/2026. Kursus ini melibatkan sumbangan langsung daripada agensi kerajaan dan swasta dalam berkongsi pengetahuan serta pengalaman dalam industri akuakultur.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program BSA sentiasa diperkasakan dari segi pembangunan dan penyampaian bagi menyokong Misi dan Visi UPM. Program dirancang untuk melahirkan graduan berpengetahuan dalam bidang akuakultur, selaras dengan keperluan tenaga kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan pematuhan terhadap standard akreditasi yang ditetapkan, program ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengurusan akuakultur dan perikanan yang berkualiti tinggi serta setanding dengan kepakaran antarabangsa.

Commented [A7]: Maklumat yang diberikan perlu diperincikan bagi menunjukkan kerelevanan strategi tersebut dalam konteks penambahbaikan Bidang 1.

Dicadangkan agar disertakan:

- Senarai penceramah jemputan.
- Topik yang dibentangkan.
- Jadual atau bukti pelaksanaan.
- Analisis keberkesanan.

Perincian ini dapat mengukuhkan hujahan bahawa strategi melibatkan penceramah luar bukan hanya aktiviti sampingan, tetapi sebahagian daripada pendekatan holistik dalam pembangunan dan penyampaian program.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

Commented [A8]: Kenyataan yang diberikan masih terlalu umum dan tidak menunjukkan fokus spesifik terhadap program BSA dalam konteks Bidang 1 dengan merujuk semula kepada kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan.

BIDANG 2: PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
10 Hasil Pembelajaran Program atau <i>Program Learning Outcomes</i> (PLO) kohort pelajar BSAambilan Semester Pertama 2020/2021 yang kini telah bergraduattelah mencapai 100% bagi kesemua PLO yang diukur.	Memastikan kursus-kursus yang ditawarkan merangkumi Pemetaan Kluster Hasil Pembelajaran Program MQF dengan Hasil Pembelajaran Program Bachelorsains Akuakultur dengan Kepujian.	• Laporan POSE.

Commented [A11]: Lampiran yang disertakan bukanlah laporan POSE.

Commented [A10]: Kenyataan yang diberikan masih bersifat umum dan boleh terpakai kepada mana-mana program. Ia perlu diperincikan supaya lebih mengkhusus kepada kekuatan sebenar program dan strategi pengendalian yang spesifik.

Cadangan bukti sokongan:

- Lampiran jadual pemetaan PLO dengan kursus-kursus teras.
- Penilaian PLO secara longitudinal.
- Contoh laporan pemantauan PLO tahunan.

Langkah ini bukan sahaja menunjukkan pengendalian kekuatan dengan jelas, malah membezakan pendekatan program ini dengan program lain.

Commented [A9]: Boleh diulas lebih lanjut agihan PLO mengikut kursus dan kaedah PdP dan penilaian yang dijalankan bagi menyokong kenyataan ini.

Bukti yang diperlukan adalah analisis CAM, CAS, ACAS dan POSE.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Terdapat kemungkinan beberapa kursus tidak mencapai aras penilaian domain yang akan menjejaskan Hasil Pembelajaran Program (PLO).	Untuk memastikan setiap kursus mencapai aras penilaian yang ditetapkan, bengkel moderasi penyediaan kertas peperiksaan akhir diadakan pada minggu ke-12 setiap semester. Semua pensyarah terlibat untuk menilai kertas peperiksaan setiap kursus.	Emel bengkel moderasi penyediaan kertas peperiksaan akhir dan borang moderasi.

Commented [A12]: Adakah perkara ini benar-benar telah berlaku atau sekadar jangkaan semata-mata?

1. Sila semak semula laporan audit terdahulu bagi memastikan sama ada terdapat komen yang telah dikemukakan sebagai Syarat atau Peluang Penambahbaikan berkaitan isu ini.

2. Perlu dikenal pasti dan diketengahkan dengan jelas isu atau cabaran semasa yang sedang dihadapi dalam pelaksanaan kurikulum, supaya strategi penambahbaikan yang dirancang adalah berdasarkan realiti dan keperluan semasa program.

Penulisan ini menekankan keperluan kepada semakan bukti terdahulu dan situasi semasa, supaya tindakan CQI yang dirancang adalah tepat dan relevan.

Commented [A14]: Emel panggilan tidak cukup sebagai bukti proses tersebut berlaku. Sila lampirkan minit atau catatan bengkel serta bukti tindakan yang diambil berdasarkan keputusan mesyuarat atau bengkel.

Commented [A13]: Moderasi kertas solan seharusnya dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dilantik. Langkah mengatasinya juga perlu dikemaskini bergantung kepada pembedaan pada isu dan cabaran yang dinyatakan.

Commented [A15]: Borang moderasi yang dilampirkan adalah borang ISO, yang tidak sesuai digunakan untuk menilai aras pencapaian domain PLO.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Jadual penyediaan soalan yang lebih fleksibel kepada pensyarah membuat persediaan peperiksaan untuk memastikan setiap kursus mencapai aras penilaian yang ditetapkan.

Commented [A16]: Ayat tidak lengkap. Adakah cadangan ini akan dilaksanakan untuk program BSA? Jika ya, bagaimana ia dapat menyokong jaminan kualiti dalam Bidang 2r?

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Fakulti memastikan penilaian pelajar diselaraskan dengan hasil pembelajaran program BSA, dengan menyelaraskan semua hasil pembelajaran (PLO) untuk memenuhi CLO dan masa pembelajaran pelajar. Kaedah pembelajaran dan penilaian yang sesuai dibangunkan bagi setiap kursus dan PLO. Penilaian kerja kursus dan soalan peperiksaan direka mengikut tahap yang sesuai.

Commented [A17]: Penulisan ini bersifat umum dan tidak khusus kepada Bidang 2 bagi program BSA. Disarankan untuk merujuk kembali kepada kekuatan program, strategi mengekalkan kekuatan tersebut, cabaran dan isu yang dihadapi, serta strategi menangani cabaran dan cadangan penambahbaikan yang relevan khusus untuk program BSA.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	✓
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 3: PEMILIHAN PELAJAR DAN KHIDMAT SOKONGAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Fakulti, melalui Jawatankuasa Pilih bekerjasama dengan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik Universiti memastikan proses pemilihan pelajar dijalankan dengan telus. Program BSA, yang berasaskan sains, memerlukan pelajar memperoleh sekurang-kurangnya gred C+ dalam mata pelajaran Sains untuk kemasukan lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi. Fakulti juga mempertimbangkan calon berkecayaan setara yang dianggap sesuai oleh Jawatankuasa Pilih.	Mengadakan <i>road tour</i> mengenai program BSA, untuk membangkitkan minat pemohon. Ini bertujuan agar pada masa depan, fakulti dapat menerima permohonan daripada pelajar cemerlang yang benar-benar berminat dengan program BSA, seterusnya memastikan kualiti pelajar yang diterima.	Surat jemputan menyertai <i>road tour</i> program Fakulti Pertanian.

Commented [A20]: Tiada dalam lampiran.

Sila lampirkan bukti statistik latar belakang pelajar BSA, rekod pelaksanaan *road tour*, maklum balas peserta, serta bukti pelajar yang berjaya diterima hasil promosi *road tour*.

Commented [A19]: Strategi ini sesuai, namun kekuatan perlu dikemas kini dengan data konkrit yang menunjukkan pelajar yang diterima oleh BSA benar-benar cemerlang dan berminat dengan program.

Commented [A18]: Penulisan terlalu umum dan tidak khusus kepada kekuatan BSA dalam Bidang 3.

Cadangan: Fokus kepada kepelbagaian latar belakang pelajar yang diterima serta proses pemilihan yang melibatkan syarat tertentu, contohnya temu duga.

Untuk khidmat sokongan pula, tonjolkan khidmat sokongan khas atau unik yang disediakan program kepada pelajar bagi meningkatkan pengalaman dan kejayaan mereka.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Pengambilan pelajar BSA mendapat saingan daripada kampus UPM Sarawak yang menawarkan program sama.	Program Bachelar Sains Akuakultur tidak akan ditawarkan di UPM Sarawak bermula Semester 1 2025/2026 untuk mengelakkan persaingan pengambilan pelajar baharu	Minit mesyuarat (pihak Pej TDA masih menyemak minit mesyuarat lepas, akan dilampirkan kemudian).

Commented [A21]: Sila berikan penerangan lanjut mengenai status program di UPM Sarawak. Dicapadangkan supaya diperjelaskan program BSA yang ditawarkan di sana merupakan program duplikasi secara konvensional, atau ia ditawarkan melalui kaedah Pembelajaran Jarak Jauh (ODL)?

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Menubuhkan jawatankuasa di peringkat Jabatan untuk membuat pemilihan pelajar agar pemilihan dapat dilaksanakan dengan lebih telus.

Commented [A22]: Perlu ulasan lebih lanjut. Perlu juga memberi ulasan berkaitan khidmat sokongan selain pemilihan pelajar.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program BSA memberi peluang kepada calon dari pelbagai latar belakang untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang akuakultur. Penambahbaikan syarat kemasukan pelajar selaras dengan keperluan MQA bagi memastikan graduan yang dihasilkan melalui program ini adalah kompeten, berdaya saing dan mampu menyumbang kepakaran mereka untuk kemajuan negara.

Commented [A23]: Boleh ditambah baik dengan maklumat yang lebih terperinci dari bahagian di atas.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	✓
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 4: STAF AKADEMIK

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Bilangan pensyarah mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa program BSA, sementara keperluan masa depan turut dipertimbangkan melalui pelan penggantian staf akademik. Nisbah staf akademik kepada pelajar, yang memenuhi standard MQF bagi memastikan interaksi yang optimum serta menyokong perkembangan pelajar sepanjang pengajian mereka dalam program BSA.	Pelan penggantian staf akademik sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa untuk menggantikan pensyarah dalam bidang kepakaran tertentu yang bakal bersara.	• Pelan penggantian staf -surat tawaran staf akademik baharu.

Commented [A25]: Perlu dikemas kini selaras dengan kekuatan program. Contohnya, galakkan pensyarah mengikuti kursus berkala atau penganjuran kursus dalaman secara tetap untuk meningkatkan kemahiran mereka, serta pemberian insentif sebagai motivasi tambahan.

Commented [A26]: Perlu dikemas kini selaras dengan kekuatan dan strategi pengekal kekuatan program.

Commented [A24]: Penulisan masih terlalu umum. Sila fokuskan kelebihan staf akademik BSA dalam Bidang 4, contohnya: kepelbagaian kepakaran, pensyarah yang mempunyai nilai tambah kompetensi, dan yang berdaftar dengan badan profesional. Semua ini menyumbang kepada tenaga pengajar yang mahir dan berwibawa.

Selain itu, pengiktirafan khusus pensyarah seperti penunjukajar CADe-Lead, penerima anugerah inovasi pengajaran, pemenang AFNC dan seumpamanya juga boleh diketengahkan sebagai nilai tambah dalam penyampaian program.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/pembuktian
Kuota staf akademik yang sangat terhad menyukarkan pihak jabatan mengambil staf akademik yang berpotensi tinggi untuk bidang tertentu.	Memastikan penggantian staf dilakukan lebih awal, sebelum staf akademik bersara.	Pelan penggantian staf -minit mesyuarat jabatan.

Commented [A28]: Jika terdapat pengambilan pensyarah sambilan, profesor pelawat dan sebagainya, perkara ini juga boleh diuraikan sebagai langkah memenuhi keperluan kepakaran yang belum mencukupi.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Mengenal pasti calon pelapis daripada kalangan pelajar pascasiswazah (dalam atau luar negara). Iklan pengambilan staf akademik diwar-warkan secara lebih meluas untuk menarik minat calon berkelayakan untuk menyertai Fakulti. Setiap staf akademik perlu menghadiri bengkel pemantapan yang dianjurkan oleh Fakulti/Universiti setiap tahun.

Commented [A27]: 1. Perlu menyemak sebarang SYARAT atau PELUANG PENAMBAHBAIKAN dari audit terdahulu. 2. Perlu mengulas kekurangan dalam bidang berkaitan sebagai asas untuk menjustifikasi keperluan penambahan waran bagi bidang tersebut.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Proses penilaian pensyarah oleh pelajar merupakan salah satu mekanisme yang berkesan dalam menilai kaedah PdP pensyarah serta menunjukkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi setiap kuliah pada setiap semester. Ini memberi peluang kepada pensyarah untuk melihat kekuatan serta kelemahan kaedah pengajaran secara subjektif melalui penerimaan pelajar, selain penilaian objektif melalui keputusan dan pencapaian pelajar dalam semester tersebut.

Commented [A29]: Perlu dikemaskini selaras dengan pengemaskinian maklumat terkini.

Commented [A30]: Lebih sesuai dimasukkan dalam strategi pengkalan dan strategi mengatasi isu/cabaran. Bahagian ini seharusnya memberi cadangan penambahbaikan kualiti bagi Bidang 4.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (√) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	√
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

Commented [A31]: Perkara ini tidak dibincangkan dalam bahagian sebelumnya. Refleksi perlu diperluas dengan mengulas kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, isu atau cabaran yang dihadapi serta strategi untuk mengatasinya.

BIDANG 5: SUMBER PENDIDIKAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
Fakulti mempunyai pelbagai sumber fasiliti fizikal yang boleh digunakan bagi menyokong aktiviti PdP dengan adanya lima bangunan utama dilengkapi sembilan bilik kuliah, dua dewan kuliah, ladang dan hatceri (Ladang 10, Ladang 15 dan Pusat Penyelidikan Puchong) dan makmal pengajaran bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran.	Kemudahan dan prasarana pendidikan sentiasa ditambah baik dan dinaik taraf supaya pelajar dapat belajar dengan selesa dan seiring dengan teknologi terkini akuakultur.	Minit mesyuarat pembaikan dan belian alat-alat pengajaran.

Commented [A33]: Bersifat umum, perlu disertakan strategi yang lebih spesifik untuk mengekalkan sumber sedia ada serta langkah-langkah penambahan sumber apabila diperlukan.

Commented [A34]: Minit tidak mencukupi sebagai bukti tindakan; perlu disertakan dokumen tambahan yang menunjukkan proses naik taraf sedang atau telah dilaksanakan.

Commented [A32]: Boleh ditambah baik dengan memperincikan bagaimana fasiliti tersebut digunakan secara optimum oleh program. Selain itu, maklumat mengenai sumber kewangan dan sumber manusia sokongan juga perlu dimasukkan bagi memberi gambaran menyeluruh tentang sokongan yang tersedia.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/pembuktian
Kekurangan peruntukan untuk pembaikan dan belian peralatan makmal jika berlaku kerosakan atau keperluan penyelenggaraan.	Penubuhan Tabung Amanah dan penganjuran aktiviti tambahan (bengkel, sewaan, dll) untuk penjanaaan pendapatan Jabatan.	• Penjanaaan pendapatan JAQ.

Commented [A37]: Perlukan ulasan lebih lanjut berkenaan bukti ini.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Peluang mencari endowmen kepada program daripada pihak industri atau orang perseorangan yang berminat untuk menyumbang ke atas pembentukan modal insan dalam bidang program. Selain itu, bagi merencanakan aktiviti PdP dan memastikan kualiti perkhidmatan yang disampaikan terjamin, PPS yang membantu program boleh dihantar bagi mengikuti program latihan kemahiran secara berkala untuk urusan penggunaan peralatan, analisis sampel dan penyelenggaraan dan tentu ukur sendiri.

Commented [A35]: 1. Perlu nyatakan isu atau cabaran dari audit terdahulu yang telah dikenalpasti sebagai SYARAT atau PELUANG PENAMBAHBAIKAN.

2. Seterusnya, huraikan secara terperinci sumber yang kurang atau diperlukan, termasuk sumber fizikal, kewangan dan sumber manusia sokongan.

Commented [A36]: Penubuhan tabung amanah sahaja tidak cukup untuk menjamin penjanaaan dana yang berterusan. Oleh itu, strategi mengatasi isu ini perlu diperincikan dengan jelas.

Perincian strategi ini penting untuk memastikan tabung amanah dapat berfungsi secara efektif dan berdaya maju.

Commented [A38]: Ayat tersebut diambil terus dari buku panduan PSRR tetapi tidak menepati keperluan khusus BSA seperti yang telah dibincangkan sebelumnya.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Pada masa ini, aktiviti PdP program berjalan dengan baik menggunakan kemudahan fizikal yang mencukupi, sementara keperluan mendesak dapat ditampung melalui inisiatif dalaman jabatan. Namun pada masa hadapan, perlu ada sumber kewangan mampan yang tidak membebankan pegawai akademik.

Commented [A39]: Ayat ini juga diambil terus dari buku panduan. Program perlu melakukan refleksi khusus bagi BSA dengan membincangkan kekuatan program, strategi pengekalan, isu dan cabaran serta langkah mengatasinya, selain cadangan penambahbaikan yang sesuai.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	✓
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 6: PENGURUSAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
Pengukuhan struktur pengurusan program di peringkat fakulti dan jabatan yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan HEPA, Jawatankuasa Akademik Fakulti, Jawatankuasa Akreditasi Program Pengajian Prasiswazah, Ketua-Ketua Jabatan, Penyelaras Program, Jawatankuasa Kecil Semakan Kurikulum Program dan Penasihat Akademik Program.	Beberapa penyelaras dilantik untuk menguruskan program BSA bagi memastikan kualiti program memenuhi piawaian MQF.	• Surat lantikan Penyelaras BSA. • Surat lantikan Penyelaras COPPA. • Surat lantikan Penyelaras OBE.

Commented [A41]: Perlukan perincian jelas mengenai skop tugas setiap penyelaras, termasuk tanggungjawab dan peranan khusus dalam memastikan kelancaran operasi program. Jelaskan bagaimanakah setiap penyelaras menyumbang kepada pengekal kualiti pengurusan program, misalnya melalui pemantauan pelaksanaan kurikulum, penyalarsan aktiviti akademik, pengurusan sumber dan komunikasi antara pihak berkepentingan. Hubungkan peranan ini dengan usaha memperkukuh sistem pengurusan dan meningkatkan keberkesanan program secara keseluruhan.

Commented [A40]: Perkara umum bagi semua program tidak sesuai diletakkan sebagai kekuatan BSA. Sebaliknya, perlu dinyatakan secara khusus proses tatakelola BSA itu sendiri, termasuk acuan tersendiri seperti punca kuasa, agihan kuasa, hubungan antara entiti, tempoh memegang jawatan, syarat kelayakan dan aspek lain yang menyumbang kepada kualiti dalam Bidang 6.

Selain itu, latar belakang pemegang jawatan juga penting untuk diketengahkan, terutama jika individu tersebut terlatih, kompeten sebagai pemimpin dan memiliki kepakaran dalam bidang kurikulum, yang mana semua ini memberi nilai tambah kepada pengurusan program.

Commented [A42]: Surat lantikan tidak cukup membuktikan proses jaminan kualiti yang diamalkan. TOR, ajk lain berkaitan, kekerapan bermesyuarat bukti tindakan hasil dari keputusan mesyuarat perlu dilampirkan.

Pembuktian juga perlu bersesuaian dengan kekuatan dan strategi pengekal kekuatan yang diberikan.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Kekangan sumber samada sumber manusia dan kewangan menimbulkan cabaran besar kepada pelaksanaan program ini, seterusnya menghalang (atau sekurang-kurangnya mengganggu pelaksanaan) inisiatif baharu.	Jabatan/Fakulti turut mengamalkan pendekatan yang mampu mengoptimumkan sumber sedia ada, dan mempertimbangkan kerjasama dengan program lain di bawah jabatan, mahupun jabatan lain di fakulti untuk berkongsi beban kerja dan kewangan.	- Sinopsis kursus: EPT3104 Ekonomi Pertanian, TKP3206 Pengembangan Akuakultur.

Commented [A43]: 1. Perlu nyatakan isu atau cabaran dari audit terdahulu yang telah dikenalpasti sebagai SYARAT atau PELUANG PENAMBAHBAIKAN.

2. Seterusnya, huraikan secara terperinci tindakan untuk mengatasi dalam isu berkaitan bidang 6.

Commented [A44]: Ayat umum ini tidak menjelaskan strategi yang dijalankan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi.

Commented [A45]: Bukti yang dikemukakan tidak berkaitan dengan isu dan strategi yang dibincangkan.

Commented [A46]: Tidak relevan dengan Bidang 6 yang sedang dinilai.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Untuk memastikan kejayaan dan kelestarian program, adalah penting bagi jabatan untuk mempergiatkan usaha pendanaan melalui promosi strategik dan *outreach*. Ini melibatkan proses mengenal pasti pasaran yang berpotensi untuk membekalkan pelajar mahupun organisasi luar yang dapat membekal pelajar secara pukal (contohnya melalui MoU dengan organisasi luar), merangka naratif dan kerangka strategik yang menekankan impak dan nilai program, serta memanfaatkan pelbagai saluran media untuk mencapai liputan yang lebih luas.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Jabatan berusaha untuk mengatasi cabaran dengan strategi yang berkesan dalam pengurusan, kepimpinan yang cemerlang, sokongan kepada staf pentadbiran dan pemeliharaan rekod akademik yang teratur dan selamat. Dengan usaha berterusan untuk meningkatkan operasi dan memenuhi matlamat pendidikan dan perkhidmatan kepada komuniti akademik dan industri, jabatan ini bertekad untuk kecemerlangan yang berterusan dalam menyediakan program berkualiti tinggi kepada pelajar dan rakan industri.

Commented [A47]: Relevan dengan Bidang 6, namun masih perlu penambahbaikan dalam refleksi sendiri dengan merangkumi semua aspek yang dibincangkan, iaitu Kekuatan, Strategi Pengekalan Kekuatan, Isu/Cabaran, Strategi Mengatasinya, serta cadangan penambahbaikan kualiti bagi Bidang 6.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

Bidang 7: Pemantauan, Semakan Program, dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Dengan penekanan aspek penyelidikan yang kuat oleh pensyarah dan sistem sokongan, semakan semula BSA mengintegrasikan <i>Research Infused Experiential Learning</i> (REAL) dalam melaksanakan kerangka <i>Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape</i> .	Konsep holistik program BSA merangkumi elemen pengukuhan ilmu asas, penguasaan kemahiran aspek teknikal, pendedahan dan implementasi kemahiran serta pembangunan insaniah. Ia menunjukkan ringkasan keseluruhan destinasi atau matlamat dan perkaitannya dengan kemahiran mengikut kursus.	- Lampiran REAL. - Rajah Konsep holistik matlamat program Bachelar Sains Akuakultur dengan Kepujian.

Commented [A48]: Lebih sesuai untuk dimasukkan di bawah Bidang 1 – Pembangunan dan Penyampaian Program.

Commented [A49]: Pernyataan masih bersifat umum. Dicadangkan agar kekuatan bagi Bidang 7 ditambah baik dengan memperincikan amalan pemantauan yang dilaksanakan, kekerapan semakan kurikulum, penglibatan pihak berkepentingan, serta keberkesanan tindakan penambahbaikan yang diambil. Seterusnya, strategi yang dibentangkan perlulah disesuaikan dan disokong oleh kekuatan yang telah dikenal pasti.

Commented [A50]: Dokumen sokongan yang dilampirkan didapati tidak berkaitan secara langsung dengan Bidang 7. Disarankan agar dokumen yang dikemukakan disemak semula dan digantikan dengan bukti yang lebih relevan seperti laporan semakan kurikulum, minit mesyuarat jawatankuasa penambahbaikan program, atau pelan tindakan hasil audit kualiti terdahulu.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/pembuktian
Meningkatkan keterlihatan elemen akuakultur yang menjurus kepada produksi secara ekstensif, semi-intensif dan intensif dengan tumpuan bukan sahaja kepada industri <i>upstream</i> (ladang, pusat semaian dan ternakan) tetapi juga <i>downstream</i> (hiliran).	Skema pengajian telah disusun atur semula, dan satu kursus baharu iaitu AKU3200 Prospek Akuakultur akan ditawarkan dalam semakan semula program ini.	Pelan pengajian terkini BSA.

Commented [A53]: Pernyataan tersebut perlu disemak semula kerana tidak berkaitan secara langsung dengan Bidang 7.

Commented [A52]: Perlu dikemas kini selaras dengan isu dan cabaran yang telah dikenal pasti.

Commented [A51]: 1. Perlu nyatakan isu atau cabaran dari audit terdahulu yang telah dikenalpasti sebagai SYARAT atau PELUANG PENAMBAHBAIKAN.

2. Seterusnya, huraikan secara terperinci tindakan untuk mengatasi dalam isu berkaitan bidang 7.

Commented [A54]: Perkara berkaitan pembangunan program dan struktur kurikulum adalah di bawah Bidang 1. Bidang 7 sepatutnya mengulas proses jaminan kualiti meliputi pemantauan, semakan kurikulum dan penambahbaikan kualiti berterusan program.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Penggubalan kursus ekonomi akuakultur yang lebih spesifik dengan program pengajian berbanding ekonomi pertanian: Penyampaian contoh dan penilaian dengan elemen yang spesifik kepada akuakultur dari aspek ekonomi akan ditambah dalam kursus teras sedia ada (EPT3104 Ekonomi Pertanian).

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program Bachelior Sains Akuakultur dengan Kepujian ini sentiasa ditambah baik dalam bidang pembangunan dan penyampaian programnya bagi menyokong Misi dan Visi UPM. Dengan kumpulan pegawai akademik yang sangat dedikasi dalam membimbing pelajar melalui pelbagai program, Fakulti merasakan semua pelajar dalam program mempunyai kefahaman yang signifikan tentang kehendak dan cabaran pengajian dalam memastikan program akuakultur di Malaysia adalah selari dengan kehendak industri. Perhubungan yang aktif antara pelajar, pemegang taruh terutamanya agensi kerajaan, industri, korporat dan juga alumni memberikan pendedahan sebenar alam pekerjaan dapat memberi motivasi kepada kecemerlangan pelajar.

Commented [A55]: Perkara ini lebih sesuai dimasukkan di bawah Bidang 1. Bagi Bidang 7, penulisan PSRR perlu ditambah baik dengan memberi fokus kepada mekanisme pemantauan berterusan, kekerapan semakan kurikulum, penglibatan pihak berkepentingan serta bukti tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	✓
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	

LAMPIRAN 3.2

**CONTOH PENULISAN PSRR TIGA PROGRAM RINTIS:
BACELOR SAINS BIOLOGI DENGAN KEPUJIAN
(FAKULTI SAINS)**

.....



IMBAS UNTUK RUJUK
DOKUMEN
SOKONGAN/PEMBUKTIAN

BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Penekanan terhadap pengetahuan biologi secara fundamental dan menyeluruh melalui penawaran kursus yang merangkumi pelbagai domain biologi telah berjaya melahirkan graduan dengan nilai kebolehpasaran yang tinggi, yang mana 70% alumni kini berkhidmat dalam industri dan agensi berasaskan biologi.	1. Memastikan lebih 90% kursus teras dan elektif mewajibkan kelas amali bagi memberikan pelajar pendedahan terhadap <i>experiential learning</i> dan kemahiran praktikal yang relevan dengan keperluan semasa industri. 2. Memperluaskan rangkaian tempat latihan industri merentasi pelbagai bidang biologi seperti bioteknologi, pertanian, perubatan, konservasi dan ekopelancongan. 3. Menggalakkan ahli akademik memohon geran penyelidikan berasaskan biologi fundamental. 4. Menyediakan program pembangunan kerjaya dan jaringan industri (<i>Biocareer Empowerment</i>) serta mentor industri (Felo@Sci) kepada pelajar secara berterusan daripada peringkat awal pengajian. 5. Melantik Profesor Pelawat Kehormat, iaitu Profesor Emeritus Dr. Matthew Dickinson dari University of Nottingham, UK (2023) bagi memperkukuh kepakaran akademik dalam biologi fundamental.	Laporan Kajian Kebolehpasaran Graduan (Lampiran 1, ms 1-9, Volume 2). Pemetaan PLO dengan Kursus (Lampiran 17, ms 137-140, Volume 2). Senarai Penempatan Latihan Industri (Lampiran 46, ms 298-301, Volume 2). Senarai Permohonan FRGS Jabatan Biologi (Lampiran 47, ms 302-304, Volume 2). Laporan Program Pemerkasaan Kerjaya <i>Bio-Career Empowerment</i> (Lampiran 10, ms 74-

Commented [A1]: Kekuatan bagi Bidang 1 seharusnya digambarkan secara menyeluruh meliputi aspek pembangunan dan penyampaian kurikulum. Ia tidak boleh hanya tertumpu kepada kaedah penyampaian program semata-mata.

Contoh kekuatan yang boleh diketengahkan:

- Keterlibatan pelbagai pemegang taruh (industri, alumni, pelajar, badan profesional) dalam pembangunan kurikulum bagi memastikan program kekal relevan dengan kehendak semasa pasaran kerja.
- Aktiviti penandaarasan dengan program dalam dan luar negara sebagai asas penambahbaikan.
- Keunikan atau kelebihan kurikulum berbanding program lain seperti integrasi kemahiran insaniah, komponen praktikal, atau elemen pengiktirafan profesional.

Penerangan ini akan menunjukkan kekuatan yang lebih menyeluruh dan berfokus kepada kualiti pembangunan kurikulum.

Commented [A2]: Usaha ini baik, namun perlu dijelaskan bagaimana inisiatif tersebut memberi impak nyata kepada kekuatan yang telah dinyatakan.

Fakulti telah menyenaraikan permohonan FRGS, tetapi disarankan juga untuk menyertakan maklumat tentang geran yang berjaya diperolehi. Ini penting supaya ia dapat menunjukkan keselarasan dan sumbangan langsung kepada strategi yang sedang dijalankan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
		95, Volume 2). Laporan Aktiviti Felo@Sci (Lampiran 9, ms 66-73, Volume 2). Surat Lantikan Dan Aktiviti Profesor Pelawat Kehormat (Lampiran 48, ms 305-309, Volume 2).
2. Pengukuhan pengalaman pembelajaran (<i>experiential learning</i>) dan kemahiran insaniah melalui penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti/program STEM bersama komuniti dan industri.	1. Aktiviti STEM dan khidmat komuniti diterapkan di dalam beberapa Kursus Teras seperti BGY3003, BGY3100, BGY3104, BGY3302 dan BGY3402. 2. Aktiviti STEM di peringkat tempatan dan antarabangsa dilaksanakan melalui aktiviti persatuan pelajar di peringkat Fakulti (FASSA) dan Jabatan (KMB), seperti program Kem Profesor Cilik, Biochallenge, Sci-Tizen, BioGreen Week, Biology Awareness Program, Let's Listen to Nature dan Future Biologist Caliphs.	Kursus Biologi Mengajukan Program Berunsur Kokurikulum Dan KI (Jadual 1.20, ms 68, Volume 1). Aktiviti Kokurikulum Anjuran Kelab Mahasiswa Biologi (Jadual 1.19, ms 67, Volume 1). Contoh Laporan Aktiviti Pelajar anjuran KMB (https://bit.ly/3X317m0).

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
		Aktiviti/Program Pelajar di Bawah Kursus (Lampiran 32, ms 212-214, Volume 2). Dokumen AKRI Bioheartware (Lampiran 32, ms 482-685, Volume 2).

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Dapatan kaji selidik terhadap pihak industri dan alumni menunjukkan bahawa pelajar program perlu diberikan pendedahan awal bagi meningkatkan ketersediaan untuk menceburi dunia kerjaya dan industri.	Tindakan dan Pelaksanaan: Mengurangkan jumlah kredit minimum bergraduasi daripada 123 kepada 120 kredit bagi memberi pelajar lebih masa untuk menyertai aktiviti yang memberi pendedahan mengenai kerjaya dan industri berasaskan Biologi seperti program “Bio-Career Empowerment” dan aktiviti bersama mentor industri “Felo@Sci”. Kesan Tindakan: Hasil tinjauan mendapati 98.6% pelajar bersetuju program “Bio-Career Empowerment” telah menyediakan platform jaringan dengan industri, membantu mereka mengenal pasti potensi kerjaya, serta meningkatkan pengetahuan tentang aplikasi biologi dalam industri. Melalui program “Felo@Sci” bersama Perbadanan Taman Negeri Perak, pelbagai aktiviti seperti Webinar Pemerkasaan Kerjaya Biologi dan Seminar Biologi dan Konservasi berjaya dilaksanakan. Pihak industri turut menyediakan penempatan latihan industri bagi pelajar.	Cadangan penambahbaikan dari pelajar semasa dan alumni (Jadual 1.7, ms 43, Volume 1). Cadangan penambahbaikan dari Latihan Industri (Jadual 1.8, ms 44, Volume 1). Laporan <i>Bio-Career Empowerment</i> (Lampiran 10, ms 74-95, Volume 2). Laporan Aktiviti Felo@Sci (Lampiran 9, ms 66-73, Volume 2).
2. Kekangan dalam kuantiti dan kualiti penunjuk ajar (demonstrator) untuk membantu pengendalian kelas amali.	Tindakan dan Pelaksanaan: Mengoptimalkan penggunaan pelajar pascasiswazah di bawah skim GRF dan pelajar prasiswazah tahun akhir sebagai penunjuk ajar melalui proses tapisan yang ketat berdasarkan kriteria yang ditetapkan:	Senarai Nama Penunjuk Ajar Amali dan Penjadualan (Lampiran 49, ms 310-312, Volume 2).

Commented [A3]: Boleh diterangkan dengan lebih jelas tentang pendedahan awal yang diperlukan supaya ia sejajar dan menyokong tindakan yang telah diambil.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
	• Pernah mengambil kursus tersebut atau yang setara dengannya, dan mendapat gred sekurang-kurangnya B+, atau/dan • Dengan rekomendasi daripada pensyarah kursus. Kesan Tindakan: Tiada penangguhan kelas amali sepanjang semester pengajian akibat ketiadaan penunjuk ajar. Selain itu, penilaian penunjuk ajar bagi semua kursus secara keseluruhan menunjukkan skor yang memuaskan.	Penilaian Penunjuk Ajar Amali (Lampiran 50, ms 313-318, Volume 2).

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

- I. Memohon akreditasi antarabangsa daripada *Royal Society of Biology (RSB)* untuk Program BSBDK bagi meningkatkan pengiktirafan global. Bagi menyokong usaha ini, pensyarah dan staf pelaksana digalakkan mendaftar sebagai ahli bersekutu RSB, manakala pelajar disaran memohon sebagai *Student Affiliate* di RSB serta mendaftar dengan badan pengiktirafan kepakaran lain untuk menambah nilai profesional dan daya saing pelajar sebelum bergraduasi.
- II. Mewujudkan **Sijil Kompetensi Kemahiran Biologi** pada tiga peringkat (*Beginner, Intermediate, Advanced*) bagi menilai dan mengiktiraf kemahiran biologi pelajar sepanjang tempoh pengajian. Sijil ini akan menjadi nilai tambah dalam *resume* pelajar dan meningkatkan kebolehpasaran dalam industri selepas bergraduasi.

Commented [A4]: Boleh menyatakan pihak yang akan meluluskan pensijilan ini agar lebih jelas impaknya terhadap nilai tambah resume pelajar.

- III. Melibatkan industri dan agensi sebagai penceramah jemputan serta panel penilai untuk pembentangan projek ilmiah tahun akhir dan projek mini kursus. Langkah ini dapat mendedahkan pelajar dengan perkembangan industri terkini, manakala industri dapat memberikan maklum balas yang relevan berdasarkan keperluan pasaran kerja.
- IV. Menyediakan kursus pendek *micro-credential* yang diiktiraf industri untuk meningkatkan kemahiran teknikal pelajar dalam bidang Biologi. Antara modul yang boleh ditawarkan termasuk kursus berkaitan penggunaan perisian makmal (perisian bioinformatik seperti BLAST, MEGA), teknologi makmal terkini (teknologi penjujukan genom NGS), teknik lapangan ekologi (tinjauan dron), bengkel amalan kultur tisu, kejuruteraan genetik asas, serta penerapan teknologi CRISPR.

Commented [A5]: Cadangan ini dilihat lebih sesuai di Bidang 2.

Commented [A6]: Sila nyatakan sama ada modul ini diwajibkan kepada pelajar.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program BSBDK menekankan penguasaan biologi fundamental melalui penawaran kursus dalam bidang biodiversiti, ekologi, fisiologi dan genetik. Kejayaan program ini terbukti melalui pencapaian PEO yang melebihi sasaran serta kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Kurikulum BSBDK dikemas kini berdasarkan maklum balas penilai luar, industri, pelajar dan alumni agar relevan dengan perkembangan semasa. Selain itu, kandungan kursus dikemas kini untuk memberi penekanan terhadap isu global seperti keselamatan makanan, kesihatan planet (*planetary health*) dan perubahan iklim, selaras dengan keperluan industri dan matlamat pembangunan lestari (SDGs). Program ini juga mengutamakan pembelajaran pengalaman dan pemeraksanaan kemahiran insaniah melalui kerja lapangan, penyelidikan, aktiviti STEM, dan khidmat komuniti. Jaringan industri diperkukuhkan melalui program pemeraksanaan kerjaya, mentor industri, dan peluang latihan industri merentas bidang bioteknologi, pertanian, perubatan, konservasi dan ekopelancongan. Cadangan penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti program termasuk memohon akreditasi antarabangsa, memperkenalkan Sijil Kompetensi Kemahiran Biologi, serta menyediakan kursus *micro-credential* yang diiktiraf industri untuk meningkatkan kemahiran pelajar. Dalam menangani isu kekurangan penunjuk ajar, pelajar pascasiswazah (skim GRF) dan prasiswazah tahun akhir telah dilantik melalui tapisan ketat.

Commented [A7]: Pernyataan ini perlu dikemukakan dalam bahagian kekuatan beserta bukti sokongan.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 2: PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkuatkan kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Tadbir Urus Pengurusan Akademik, HEP dan Alumni Jabatan Biologi memastikan proses penilaian prestasi pelajar berlaku secara sistematik, telus dan menyeluruh, yang merangkumi peringkat perancangan awal hingga pelaksanaan dan penilaian akhir.	1. Penyediaan Borang Perancangan Penilaian Kursus (CAP) bersama Rancangan Pengajaran yang diluluskan Ketua Jabatan memastikan perancangan aktiviti, penilaian, tempoh pelaksanaan, dan sasaran <i>Program Learning Outcomes</i> (PLO) di rangka dengan jelas sebelum semester bermula. 2. Kualiti soalan peperiksaan diselaraskan dengan tahap kognitif dalam <i>Course Assessment Plan</i> (CAP) dan <i>Course Learning Outcomes</i> (CLO). Skema jawapan disediakan lengkap dengan pecahan markah, rubrik dan tahap kognitif yang bersesuaian. 3. Pensyarah pakar bidang menilai kesesuaian soalan dan skema jawapan untuk memastikan pematuhan piawaian akademik dan kandungan kursus. 4. Bengkel PEOPOLOKI yang diadakan sebelum permulaan semester baharu bertujuan menganalisis pencapaian gred pelajar setiap kohort, bagi mengenal pasti pelajar yang cemerlang dan pelajar yang berprestasi rendah untuk tindakan susulan. Hasil analisis ini membolehkan pensyarah menyesuaikan strategi pelaksanaan dan penilaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar selaras dengan CLO kursus	Borang Perancangan Penilaian Kursus (CAP) (Lampiran 6, ms 45-50, Volume 2). Moderator Kertas Soalan Peperiksaan Berdasarkan Domain; (Lampiran 30, ms 198-199; Volume 2). Agihan Kursus Teras Dar Elektif Kepada Pensyarah Jabatan Biologi Berdasarkan Domain (Lampiran 51, ms 319-323; Volume 2). Contoh Catatan Bengkel PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2). Rumusan Laporan CAM (Lampiran 22, ms 173-174, Volume 2).

Commented [A8]: Pernyataan ini juga amalan biasa di fakulti lain. Oleh itu, dicadangkan agar ia dihuraikan dengan lebih terperinci supaya amalan ini dapat dijadikan kekuatan program.

Commented [A9]: Boleh ditambah maklumat mengenai proses moderasi yang sistematik dan terperinci bagi menjamin kualiti soalan peperiksaan.

Moderasi adalah amalan wajib bagi semua namun Fakulti mengambil inisiatif mengadakan platform GoogleDrive dalam proses ini agar lebih sistematik, teratur dan sbg. Penerangan sebegini sesuai dijadikan kekuatan bagi inisiatif yang diambil.

Commented [A10]: Boleh digabungkan dengan penjelasan nombor 2 kerana kedua-duanya membincangkan perkara yang sama.

Commented [A11]: Amalan ini baik dan boleh diperkuat dengan memasukkan impaknya dalam pernyataan kekuatan.

	dan kemampuan pelajar dalam setiap kohort.	Prosedur Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (UPM/PU/PS/P008) di bawah Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2015.
--	--	---

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Memastikan kaedah penilaian dan pembahagian markah yang telus dan seimbang, jam pembelajaran pelajar yang sejajar dengan markah penilaian serta rubrik yang bersesuaian digunakan dalam penilaian. Selain itu, terdapat kebarangkalian berlaku kesilapan dalam memasukkan markah ke dalam sistem e-SMP.	Tindakan: Pemantauan Kaedah Penilaian oleh Ketua Jabatan melalui semakan dan pengesahan Borang CAP dan Rancangan Pengajaran sebelum permulaan semester baharu. Pelaksanaan: Bengkel PEOPOLOKI dijadikan medium perbincangan antara pensyarah Jabatan bagi menyesuaikan strategi pelaksanaan dan penilaian PdP agar selaras dengan CLO kursus. Kesan Tindakan: Kaedah penilaian lebih sistematik, selaras dengan objektif pembelajaran dan mematuhi standard akademik selain meningkatkan kualiti pengajaran melalui pemantauan yang berkesan.	Borang Perancangan Penilaian Kursus (CAP) (Lampiran 6, ms 45-50, Volume 2). Contoh Rancangan Pengajaran yang telah disahkan (e-SMP) (Lampiran 5, ms 33-44, Volume 2). Contoh Catatan Bengkel PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2).

Commented [A12]: Dicadangkan pernyataan ini diperjelas dengan lebih terperinci, termasuk sebab kebarangkalian tersebut dan sama ada terdapat kesilapan memasukkan markah sebelum ini. Seterusnya, langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya juga perlu dibincangkan.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
Mengesan penggunaan kecerdasan buatan (AI) seperti <i>ChatGPT</i> dan <i>Gemini</i> dalam tugas pelajar.	Tindakan: Pelajar yang disyaki menggunakan AI secara tidak sah dalam tugas akan diminta untuk menjelaskan proses penyediaan kerja mereka dan menyerahkan bukti seperti draf awal atau nota kerja. Tindakan ini memastikan kejujuran akademik serta membina pemikiran kritis dan pemahaman sebenar pelajar. Pelaksanaan: Perisian pengesan AI digunakan, sesi soal jawab diadakan, dan format penilaian disesuaikan dengan lebih banyak pembentangan lisan atau tugas analitis. Selain itu, bengkel kesedaran mengenai etika penggunaan AI diperkenalkan bagi mengelakkan penyalahgunaan. Langkah ini mengukuhkan kredibiliti institusi akademik dan memastikan penilaian mencerminkan keupayaan sebenar pelajar. Kesan Tindakan: Pelajar lebih berhati-hati dan jujur dalam menyatakan penggunaan AI serta mula menyediakan draf awal dan rekod proses kerja sebagai bukti ketulenan tugas. Selain itu, penekanan terhadap kerja lapangan, eksperimen makmal dan projek berkumpulan meningkat bagi mengurangkan kebergantungan pada AI dalam tugas bertulis.	Keputusan Turnitin Projek Ilmiah Tahun Akhir (Lampiran 52, ms 324-325, Volume 2). Bengkel Penggunaan AI Dalam Pengajaran dan Penaksiran: Menjaga Etika dan Integriti Akademik (Lampiran 53, ms 326-327, Volume 2).

Commented [A13]: Boleh perincian bagaimana tindakan ini menimbulkan isu atau cabaran yang perlu diatasi.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

CADANGAN/IDEA PENAMBAHBAIKAN PADA MASA HADAPAN

1. Memperluaskan penggunaan pelbagai kaedah penilaian

- Memperkenalkan tugas berbentuk projek, portfolio dan peperiksaan lisan untuk menilai pelajar secara holistik, selain daripada kaedah tradisional seperti peperiksaan bertulis.
- Melibatkan penilaian psikomotor berasaskan kajian lapangan untuk kursus yang sesuai bagi meningkatkan aplikasi praktikal pembelajaran.

2. Penambahbaikan rubrik penilaian terperinci

- Memasukkan elemen pengesanan penggunaan AI di dalam rubrik bagi setiap tugas dengan kriteria penilaian yang jelas dan spesifik.

3. Bengkel latihan untuk pensyarah

- Menganjurkan bengkel berkaitan reka bentuk penilaian dan amalan terbaik untuk meningkatkan kemahiran pensyarah dalam menilai secara efektif dan relevan.

4. Peningkatan sumber pembelajaran Abad ke-21

- Menambah koleksi sumber pembelajaran seperti jurnal digital, video pengajaran dan latihan interaktif untuk menyokong pembelajaran sendiri.

Commented [A14]: Dicadangkan format pernyataan diselaraskan seperti di bahagian Cadangan dalam bidang-bidang lain untuk keseragaman dan kejelasan.

Commented [A15]: Bagaimanakah ia berbeza dengan amalan sedia ada?

Commented [A16]: Perincian bagaimana ia berbeza dengan amalan sedia ada.

Commented [A17]: Idea yang baik namun boleh diperincikan lagi dengan memberi contoh yang berkaitan.

LANGKAH UNTUK MEMASTIKAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN

1. Pemantauan berkala dan penilaian

- Menjalankan tinjauan secara berkala terhadap pensyarah untuk menilai keberkesanan kaedah penilaian yang diperkenalkan.

2. Indikator Prestasi Utama (KPI)

- Menetapkan KPI seperti kadar pencapaian CLO, tahap kepuasan pelajar dan keberkesanan tugas sebagai ukuran kejayaan pelaksanaan.

3. Maklum balas berterusan

- Membuka saluran maklum balas secara langsung dan berterusan antara pelajar dan pensyarah untuk mengenal pasti kelemahan dan peluang penambahbaikan.

4. Penyediaan sokongan sumber dan dana

- Menyediakan sumber kewangan, alat teknologi dan latihan untuk memastikan pelaksanaan dapat dilakukan tanpa halangan.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengendalian kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Secara keseluruhan, Jabatan Biologi telah melaksanakan tadbir urus akademik yang tersusun dan menyeluruh dalam memastikan ketelusan serta kualiti penilaian pelajar. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran seperti keseimbangan beban penilaian, kebarangkalian kesilapan memindah masuk markah ke dalam sistem, serta isu integriti akademik berkaitan penggunaan AI dalam tugas pelajar. Bagi mengatasi cabaran ini, pelbagai kaedah penilaian seperti projek, portfolio, dan penilaian psikomotor boleh diperkenalkan untuk menilai pelajar secara lebih holistik. Penggunaan teknologi digital dan pembangunan rubrik penilaian yang lebih terperinci juga dapat meningkatkan ketelusan dan keadilan dalam penilaian. Dengan latihan berterusan kepada pensyarah serta penambahan sumber pembelajaran abad ke-21, sistem penilaian akademik dapat terus diperkukuhkan untuk memastikan kualiti pendidikan yang lebih baik pada masa hadapan.

Commented [A18]: Dicadangkan untuk membincangkan lebih jelas perkara ini seperti permohonan geran, permohonan dana dari badan tertentu dan sebagainya.

Commented [A19]: Jelaskan bagaimana

Commented [A20]: Perlu dibuktikan atau dibincangkan lebih jelas.

Commented [A21]: Adakah baharu diperkenalkan atau telah menjadi amalan sebelum ini?

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 3: PEMILIHAN PELAJAR DAN KHIDMAT SOKONGAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Program BSBDK menunjukkan populariti dan daya saing yang tinggi dengan menduduki tangga ke-2 daripada 5 program prasiswazah berasaskan <i>Biologi Fundamental</i> di Malaysia berdasarkan tinjauan populariti permohonan kemasukan 2024/2025. Purata kadar pendaftaran pelajar selepas menerima tawaran ialah 97% bagi tempoh 2018 hingga 2024, membuktikan minat dan keyakinan pelajar terhadap reka bentuk dan kualiti program.	1. Memperkukuh penguasaan <i>biologi fundamental</i> dan menyeluruh melalui kombinasi kursus Teras Disiplin (66 kredit) dan kursus Elektif Bidang (25 kredit) yang merangkumi domain Biodiversiti, Ekologi, Fisiologi dan Genetik. 2. Meningkatkan penerapan isu global terkini seperti keterjaminan makanan, kesihatan planet dan perubahan iklim dalam kandungan kursus melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, kerja lapangan, aktiviti STEM dan khidmat komuniti. 3. Memperluaskan visibiliti program melalui medium promosi fizikal dan atas talian, termasuk sesi jerayawara di kolej matrikulasi dan sekolah menengah, serta pelbagai platform digital bagi menarik minat calon pelajar. 4. Menggalakkan keterlibatan pemegang taruh dari industri dan agensi luar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai penceramah jemputan atau penilai projek mini dan ilmiah tahun akhir.	Data Populariti Program BSBDK (Lampiran 54, ms 328, Volume 2). Jumlah Tawaran/ Kemasukan Pelajar dan Bilangan Bergraduasi (Lampiran 55, ms 329, Volume 2). Senarai Rangka Kursus (Lampiran 107, ms 484-667, Volume 2). Inisiatif Promosi Program BSBDK (Lampiran 56, ms 330-333, Volume 2). Contoh Keterlibatan Pemegang Taruh dalam PdP (Lampiran 57, ms 334-339, Volume 2).

Commented [A22]: Perkara ini lebih sesuai dibincangkan di Bidang 1.

Commented [A23]: Perkara ini lebih sesuai dibincangkan di Bidang 1 dan 2.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
2. Seramai 64 pelajar BSBDK telah menjalani program mobiliti <i>outbound</i> secara fizikal (12 orang) dan virtual (52 orang) sepanjang 2022 hingga 2024 bagi mendapatkan pendedahan terhadap pengetahuan dan kemajuan terkini di universiti luar negara. Jabatan turut menerima 133 pelajar antarabangsa melalui program mobiliti <i>inbound</i> jangka panjang (28 orang) dan jangka pendek (105 orang) pada 2024. Penyertaan pelajar antarabangsa ini mencerminkan pengiktirafan antrabangsa terhadap program sekaligus memperkukuhkan jaringan di peringkat antarabangsa.	1. Melantik Penyelaras Mobiliti dalam kalangan Pegawai Akademik yang dibantu oleh Pegawai Tadbir/Pelaksana, untuk menyelaras aktiviti dan promosi mobiliti melalui sesi penerangan dan perjumpaan dengan pelawat antarabangsa. 2. Mewujudkan lebih banyak peluang pembiayaan seperti biasiswa, geran, atau dana bantuan perjalanan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai program mobiliti. 3. Menggalakkan ahli akademik jabatan menjalinkan kerjasama akademik dan penyelidikan dengan universiti dan institusi penyelidikan terkemuka antarabangsa. 4. Meningkatkan aktiviti penyelidikan bersama yang melibatkan pelajar BSBDK dan pelajar antarabangsa, seperti penganjuran persidangan penyelidikan (cth: Undergraduate Biology Research Colloquium, UBRC).	Senarai Pelajar Mobiliti Inbound dan Outbound (Lampiran 58, ms 340-353, Volume 2). Pengiktirafan Badan Akademik/ Profesional Antarabangsa kepada Staf Akademik (Lampiran 59, ms 354-355, Volume 2). Aktiviti Penyelidikan Dalam Program Mobiliti (Lampiran 60, ms 356-358, Volume 2).
3. Seramai empat orang pelajar menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik Peringkat Universiti seperti Anugerah Pelajaran Di-Raja di Majlis Konvokesyen UPM sepanjang tahun 2021 hingga 2024. Selain itu, sejumlah 72 orang pelajar memperoleh Anugerah Dekan dan Anugerah Naib Canselor pada Semester 1 2023/2024, manakala 57 orang pada Semester 2 2023/2024.	1. Melaksanakan pemantauan dan analisis pencapaian gred secara komprehensif dan konsisten melalui Bengkel PEOPOLOKI bagi mengenal pasti pelajar yang bermasalah dari segi akademik, serta merancang pendekatan yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi pelajar.	Pemenang Anugerah Kecemerlangan Akademik Prasiswazah Jabatan Biologi (Lampiran 61, ms 359-360, Volume 2).

Commented [A24]: Dicadangkan untuk melampirkan bukti mekanisma bagi inisiatif ini.

Commented [A26]: Bukti ini tidak sesuai dengan sebarang pernyataan yang diberikan.

Commented [A25]: Pernyataan ini kurang jelas kaitannya dengan kekuatan yang telah dinyatakan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
		Contoh Catatan Bengkel PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2).

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Kemasukan pelajar luar negara yang mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang rendah.	Tindakan dan Pelaksanaan: 1. Bahagian Kemasukan dan Bahagian Tadbir Urus Akademik UPM memperketatkan syarat kemasukan Bahasa Inggeris bagi pelajar luar negara dengan menetapkan skor minimum dalam ujian standard seperti IELTS, TOEFL, atau MUET. Selain itu, keperluan ujian bahasa akan diselaraskan dengan tahap kesukaran program pengajian. 2. Menyediakan program sokongan bahasa seperti kursus intensif Bahasa Inggeris, kelas tambahan, atau mentor akademik bagi membantu pelajar luar negara meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. Kesan Tindakan: 1. Langkah ini memastikan pelajar luar negara lebih bersedia untuk mengikuti pengajaran dan	Petikan Minit Mesyuarat Semakan Syarat Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa (Lampiran 62, ms 361-364, Volume 2). Laporan Resolusi Bengkel Pengambilan Pelajar Antarabangsa (Lampiran 63, ms 365-367, Volume 2).

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
	pembelajaran dalam Bahasa Inggeris, mengurangkan jurang komunikasi, serta meningkatkan keberkesanan akademik dan interaksi dalam persekitaran universiti.	
2. Kekurangan platform untuk pelajar mengemukakan aduan akademik dan bukan akademik menyebabkan kesukaran dalam menyuarkan masalah serta mendapatkan penyelesaian yang cepat dan efektif.	Tindakan dan Pelaksanaan: Memanfaatkan saluran aduan yang sistematik dan berkesan di peringkat universiti, fakulti dan jabatan. Di peringkat universiti, sistem aduan berpusat secara dalam talian "U-Respons" digunakan bagi membolehkan pelajar mengemukakan aduan secara rasmi. Di peringkat fakulti, pelajar menyalurkan aduan melalui wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Mahasiswa Fakulti Sains (FASSA). Manakala di peringkat jabatan, aduan disampaikan melalui Kelab Mahasiswa Biologi (KMB) menerusi Exco Prestasi & Akademik. Selain itu, sesi dialog dilaksanakan antara pelajar dan pihak pengurusan bagi mengenal pasti isu dan mendapatkan maklum balas penambahbaikan secara langsung. Kesan Tindakan: Pelajar mempunyai saluran yang jelas dan mudah diakses untuk menyampaikan aduan dan mendapatkan penyelesaian. Pihak universiti juga dapat mengenal pasti dan menangani isu dengan lebih cepat.	Portal aduan U-Respons (https://u-respons.upm.edu.my/) Carta Organisasi MPP dan Kelab Mahasiswa (Lampiran 64, ms 368-372, Volume 2) .

Commented [A27]: Dicadangkan supaya menyediakan bukti aduan serta dokumen perbincangan, penyelesaian dan tindakan yang diambil.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

1. Program Mentor-Mentee

Mewujudkan sistem mentor-mentee dalam kalangan pelajar melalui Kelab Mahasiswa Biologi untuk meningkatkan kecemerlangan akademik melalui bimbingan rakan sebaya, perkongsian pengalaman dan sokongan dalam pembelajaran, sekaligus memperkukuhkan jaringan sosial dalam kalangan pelajar.

2. Strategi Promosi Program yang Proaktif

Jabatan Biologi berusaha meningkatkan aktiviti promosi program melalui pelbagai media dan platform untuk mengekalkan trend kemasukan pelajar yang positif. Promosi akan diperluaskan melalui penggunaan media sosial, platform digital dan saluran tradisional seperti pameran pendidikan dan kerjasama dengan sekolah. Kandungan multimedia seperti video promosi, testimoni alumni, serta pencapaian pelajar akan diketengahkan untuk menarik perhatian bakal pelajar. Keunikan program, termasuk peluang penyelidikan, kerja lapangan dan kerjasama antarabangsa akan diberi penekanan sebagai daya tarikan utama.

3. Pemantapan Pelaksanaan dan Pengurusan Kemasukan Pelajar

Pemantauan berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan setiap aspek promosi, mobiliti dan kemasukan pelajar dijalankan dengan cekap dan memberikan impak positif. Data prestasi pelajar, maklum balas peserta mobiliti dan keberkesanan promosi akan dianalisis sebagai asas untuk penambahbaikan berterusan.

4. Pengukuhan Aktiviti Mobiliti Pelajar

Aktiviti mobiliti pelajar akan diperkasakan melalui perancangan yang lebih sistematik. Panduan mobiliti akan disediakan untuk memudahkan proses permohonan, penempatan dan penilaian pelajar. Jabatan juga akan membina rangkaian kerjasama antarabangsa dengan institusi pendidikan dan penyelidikan untuk memperluaskan peluang mobiliti.

5. Pemantauan Kemasukan Pelajar Antarabangsa yang Berkualiti

Jabatan akan memperketat pelaksanaan syarat minima kemahiran Bahasa Inggeris. Kerjasama dengan Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan Alumni) Fakulti Sains akan dipertingkatkan untuk memastikan pelajar antarabangsa memenuhi piawaian bahasa seperti skor IELTS atau TOEFL yang relevan. Selain itu, program sokongan bahasa dan orientasi khas akan disediakan bagi membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dengan pengajaran dan kehidupan di UPM.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program BSBDK menunjukkan populariti dan daya saing yang tinggi. Penyertaan pelajar antarabangsa melalui program mobiliti mencerminkan pengiktirafan global terhadap program ini, sekaligus memperkukuhkan jaringan di peringkat antarabangsa. Bagi mengekalkan trend positif kemasukan pelajar, jabatan terus berusaha meningkatkan aktiviti promosi melalui pelbagai media dan platform. Program ini turut berjaya melahirkan pelajar cemerlang di peringkat universiti dan fakulti. Namun, sistem sokongan pelajar perlu diperkukuhkan dengan mewujudkan saluran aduan yang sistematik dan berkesan serta melaksanakan program mentor-mentee dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan kecemerlangan akademik. Secara keseluruhan, aspek pemilihan dan pengurusan pelajar serta perkhidmatan sokongan bagi peningkatan pembelajaran di Jabatan Biologi berada pada tahap yang memuaskan dengan potensi penambahbaikan yang berterusan.

Commented [A28]: Boleh juga dimasukkan maklumat mengenai pemilihan pelajar antarabangsa seperti yang dibincangkan di atas.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 4: STAF AKADEMIK

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Jabatan Biologi terdiri daripada 22 orang staf akademik yang mana hanya tiga orang (14%) akan bersara dalam tempoh lima tahun (2025-2030).	1. Mengenal pasti calon yang sesuai dan berkelayakan sekurang-kurangnya lima tahun sebelum staf akademik bersara bagi memastikan kesinambungan dalam bidang kepakaran.	Status Perjawatan Pegawai Akademik Jabatan Biologi (Lampiran 65, ms 373; Volume 2). Senarai Penggantian Pensyarah Jabatan Biologi Mengikut Bidang Kepakaran (Lampiran 66, ms 374; Volume 2).
2. Staf akademik terdiri daripada pensyarah yang diiktiraf oleh badan akademik dan profesional antarabangsa. Mereka juga telah meraih pelbagai anugerah atas kecemerlangan dalam inovasi pengajaran dan penyelidikan, dengan sejumlah 32 anugerah dimenangi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada 2017 hingga 2024.	1. Mengenal pasti staf dan mengiktiraf staf akademik yang berpotensi untuk menyertai pertandingan amalanan terbaik inovasi pengajaran dan penyelidikan. 2. Mentor staf akademik membantu meningkatkan kecemerlangan Menti dengan melibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran, penyelidikan, penerbitan, permohonan geran, penyeliaan pelajar, persidangan dan kolaborasi dengan pihak luar.	Pengiktirafan Badan Akademik/ Profesional Antarabangsa kepada Staf Akademik (Lampiran 59, ms 354-355, Volume 2). Senarai Anugerah Inovasi Pengajaran Pensyarah Jabatan (Lampiran 67, ms 375-378; Volume 2).

Commented [A29]: Perlu dijelaskan dengan lebih jelas bagaimanakah perkara ini menjadi kekuatan, kerana ia mengelirukan apabila ia disebut sebagai kekuatan tetapi pada masa yang sama juga dianggap cabaran.

Commented [A30]: Bukti tidak dapat dikesan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
		Contoh Aktiviti Mentor Menti (Lampiran 89, ms 417-427, Volume 2).

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
Kekurangan staf akademik untuk mengajar bidang khusus akibat persaraan menyebabkan staf pengganti perlu mengajar kursus yang kurang berkaitan dengan kepakaran.	Tindakan dan Pelaksanaan: 1. Penyusunan semula beban pengajaran dilakukan dengan mengoptimalkan agihan kursus agar selaras dengan kepakaran staf akademik. Pengambilan pegawai baharu dengan kepakaran turut dilaksanakan. 2. Menggunakan khidmat staf akademik yang merupakan pakar bidang dari fakulti luar untuk mengajar kursus secara sementara bersama-sama dengan staf akademik jabatan. Tindakan ini membolehkan staf akademik jabatan dilatih untuk menjadi pakar dalam bidang berkenaan. Kesan Tindakan: 1. Peningkatkan kualiti pengajaran kerana staf	Agihan Kursus Teras Dan Elektif Kepada Pensyarah Jabatan Biologi Berdasarkan Domain (Lampiran 51, ms 319-323; Volume 2). Senarai Penggantian Pensyarah Jabatan Biologi Mengikut Bidang Kepakaran (Lampiran 66, ms 374; Volume 2). Surat Lantikan Staf

Commented [A31]: Tiada lampiran seperti dinyatakan.

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
	akademik mengajar dalam bidang kepakaran. Pensyarah pengganti telah memperoleh skor 4.80 dalam penilaian pengajaran untuk sesi 2023/2024, yang menggambarkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.	Akademik Fakulti Luar Sebagai Pensyarah Sementara (Lampiran 68, ms 379; Volume 2).
Staf akademik bertumpukan kepada satu tugas pentadbiran untuk tempoh masa yang lama. Situasi ini menghadkan peluang staf untuk mengembangkan kemahiran dalam pelbagai aspek tadbir urus.	Tindakan dan Pelaksanaan: Jabatan melaksanakan agihan tugas pentadbiran secara bergilir (setiap tiga tahun) untuk memberi peluang kepada Pegawai Akademik mengembangkan kemahiran dalam pelbagai aspek tadbir urus. Kesan Tindakan: Tindakan ini memperluaskan kemahiran staf akademik dalam pelbagai aspek tadbir urus dan meningkatkan keberkesanan pengurusan jabatan secara keseluruhan.	Bidang Tadbir Urus Jabatan Biologi pada 2024 (Lampiran 9, ms 51-55, Volume 2). Bidang Tadbir Urus Jabatan Biologi pada 2020 (Lampiran 69, ms 380; Volume 2).

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

- Menyediakan peluang pembangunan profesional seperti latihan, kursus pendek, atau pengajian lanjutan bagi memperkukuhkan kepakaran Pegawai Akademik sedia ada, terutama dalam bidang tumpuan Biologi yang sedang berkembang pesat.
- Melaksanakan siri bengkel dan penyediaan manual dan panduan bertulis sebagai rujukan kepada staf akademik untuk memahami keperluan dan proses pemantauan, penilaian, serta penambahbaikan program.

- iii. Jabatan perlu terus memantau keberkesanan amalan pengurusan dengan mendapatkan maklum balas berkala daripada pegawai akademik untuk memastikan amalan pengurusan terus relevan dan mampu menyokong perkembangan profesional staf.

4. **Rumusan dan refleksi sendiri**

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengekalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Program BSBDK diperkukuhkan oleh staf akademik yang inovatif, berkemahiran tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang kepakaran masing-masing. Kualiti tenaga pengajar ini menjadikan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran lebih pelbagai, menyeluruh dan efektif. Dari segi sumber tenaga akademik, taburan pegawai di Jabatan adalah seimbang, dengan hanya tiga orang yang dijangka bersara dalam tempoh lima tahun akan datang. Namun, beberapa aspek penambahbaikan perlu diberi perhatian, khususnya dalam menangani kekurangan pegawai akademik dalam bidang khusus yang menyebabkan pensyarah terpaksa mengajar kursus di luar kepakaran mereka. Selain itu, penumpuan pegawai pada satu tugas pentadbiran untuk tempoh yang lama turut menghadkan peluang mereka untuk membangunkan kemahiran dalam pelbagai aspek tadbir urus.

Commented [A32]: Perlu menambah maklumat tentang bagaimanakah isu ini ditangani.

5. **Penilaian Kendiri**

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 5: SUMBER PENDIDIKAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen Sokongan/ pembuktian
1. Jabatan Biologi dilengkapi dengan tiga fasiliti khusus yang berfungsi sebagai pusat koleksi dan rujukan spesimen biologi bagi aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan iaitu Taman Botani, Herbarium dan Muzium Zoologi (Zoollery).	1. Memberikan latihan kepada staf sokongan bagi meningkatkan kemahiran dalam pengurusan fasiliti dan spesimen biologi. 2. Menambah koleksi spesimen secara berterusan melalui kerja lapangan dan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan kepelbagaian koleksi. 3. Menjalankan proses penyelenggaraan berkala seperti fumigasi dan aktiviti gotong-royong untuk memastikan persekitaran yang baik serta menjaga kualiti koleksi spesimen.	Koleksi Spesimen Zoollery, Herbarium Dan Taman Botani (Lampiran 82, ms 398, Volume 2). Kursus BSBDK Menggunakan Spesimen Zoollery, Herbarium Dan Taman Botani Bagi Aktiviti Amali (Lampiran 83, ms 399, Volume 2). Aktiviti Akademik dan Program Ilmiah Komuniti Di Zoollery (Lampiran 84, ms 400, Volume 2). Strategi Pengurusan Dan Pembangunan Zoollery (Lampiran 85, ms 401-404, Volume 2). Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Fumigasi Di Zoollery

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen Sokongan/ pembuktian
		(Lampiran 86, ms 405-409, Volume 2). Takwim Latihan, Aktiviti Gotong-Royong Dan Penyelenggaraan Rutin Fasilitas (Lampiran 70, ms 381-383, Volume 2).
2. Jabatan menyediakan dua ruang pembelajaran khusus berkonsepkan <i>Smart Classroom</i> yang dilengkapi peralatan digital terkini bagi menyokong aktiviti pembelajaran secara sendiri dan berkumpulan secara fleksibel dan interaktif.	1. Menggalakkan pensyarah untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) yang bersifat inovatif dan interaktif dalam kursus untuk meningkatkan penggunaan <i>Smart Classroom</i> . 2. Menambah instrumen dan peralatan berteknologi tinggi seperti <i>Interactive Smartboard</i> , <i>Video Conference Kit</i> , <i>Tracking Camera</i> , <i>PA system</i> , dan mikrofon tanpa wayar di <i>Smart Classroom</i> .	Senarai fasiliti di <i>Smart Classroom</i> (Lampiran 71, ms 384, Volume 2). Senarai kursus yang menggunakan <i>Smart Classroom</i> (Lampiran 72, ms 385, Volume 2). Sebut Harga Peralatan Dan Kelengkapan Teknologi <i>Smart Classroom</i> (Lampiran 73, ms 386-388, Volume 2).
3. Kemudahan seperti Bilik Rehat Pelajar, Astaka, Ruang Legar Pelajar dan Laman Alumni disediakan untuk menyokong aktiviti pelajar dengan menyediakan ruang interaksi sosial yang kondusif untuk pembelajaran sendiri dan kolaborasi	1. Melakukan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan fasiliti dan infrastruktur ruang dapat dikekalkan dalam keadaan baik dan mencapai piawaian.	Perincian kemudahan ruang interaksi sosial di Jabatan Biologi: ● 1 Bilik Aktiviti Pelajar.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen Sokongan/ pembuktian
antara pelajar.	2. Melaksanakan pemeriksaan dan penyelenggaraan rutin terhadap perabot, kemudahan teknologi dan kebersihan ruang, serta menetapkan garis panduan penggunaan secara beretika.	• 1 Laman Alumni (Bekalan air tapis sejuk/panas juga disediakan secara percuma bagi kemudahan urusan pelajar). • 1 Astaka. • 1 Ruang Legar C2. (dilengkapi kipas, meja dan kerusi). Perincian Kemudahan Ruang Interaksi Sosial Dan Penggunaan Pelajar (Lampiran 74, ms 389, Volume 2). Takwim Latihan, Aktiviti Gotong-Royong Dan Penyelenggaraan Rutin Fasilitas (Lampiran 70, ms 381-383, Volume 2).

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen Sokongan/ pembuktian
4. Jabatan Biologi dilengkapi dengan 81 unit mikroskop cahaya dan tujuh unit mikroskop berkamera baharu yang terdiri daripada mikroskop cahaya (empat unit), mikroskop <i>flourescence</i> (satu unit), mikroskop <i>inverted</i> (satu unit), dan mikroskop <i>dissecting</i> (satu unit) bagi menyokong pengajaran amali serta aktiviti penyelidikan pelajar.	1. Melaksanakan penyelenggaraan berkala dan menetapkan garis panduan penggunaan mikroskop, termasuk cara penjagaan dan prosedur penggunaan yang betul. 2. Meningkatkan bilangan mikroskop berkamera dengan spesifikasi terkini bagi menyokong keperluan penyelidikan lanjutan.	Jenis Mikroskop Dan Maklumat Penggunaan (Lampiran 75, ms 390, Volume 2). Senarai Pembelian Mikroskop Jabatan Biologi Melalui Peruntukan RMK-12 (Penggantian Peralatan Dan Jentera Usang) (Lampiran 76, ms 391, Volume 2). Penyelenggaraan Mikroskop Secara Berkala Dan Panduan Penggunaan (Lampiran 77, ms 392, Volume 2).

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
1. Kelemahan pada kemudahan ICT seperti capaian internet yang lemah dan tidak stabil.	Tindakan dan Pelaksanaan: 1. Mengoptimumkan kemudahan ICT sedia ada dengan memasang <i>wifi signal booster</i> untuk meningkatkan kawasan liputan wifi. 2. Menyediakan alternatif dengan membenarkan pelajar menggunakan capaian internet berwayar di makmal komputer. Kesan Tindakan: Capaian internet di Jabatan telah dipertingkatkan yang telah dapat menyokong kelancaran proses PdP secara maya dan fizikal.	Inisiatif Penaiktarafan Wifi - Tender Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Kampus UPMNET (Lampiran 78, ms 393-395, Volume 2).
2. Kekurangan tapak ruang tumbuhan dan rumah hijau (<i>greenhouse</i>) yang memenuhi spesifikasi piawai untuk aktiviti pembelajaran amali dan penyelidikan Disertasi Bachelior.	Tindakan dan Pelaksanaan: Mengoptimumkan penggunaan ruang sedia ada melalui pembahagian ruang dan penyusunan jadual kursus bagi mengelakkan pertindihan penggunaan oleh kursus berbeza pada semester yang sama. Kesan Tindakan: Kelas amali bagi kursus terlibat dan projek Disertasi Bachelior dijalankan tanpa sebarang penangguhan.	Pelaksanaan Kursus Dan Aktiviti Akademik Yang Menggunakan Ruang Tumbuhan Jabatan Biologi (Lampiran 78, ms 393-395, Volume 2).
3. Peralatan mikroskop di makmal pengajaran yang telah usang (melebihi 20 tahun) dan tidak mencapai bilangan yang optimum (satu mikroskop: satu pelajar). Selain itu,	Tindakan dan Pelaksanaan: Penyelenggaraan mikroskop dilaksanakan secara berkala oleh pegawai sokongan, tetapi terhad kepada	Status Mikroskop Di Jabatan Biologi Pada Tahun 2025 (Lampiran 79,

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
kekurangan peruntukan menyebabkan penyelenggaraan dilakukan oleh staf yang kurang berpengalaman.	mengenal pasti status kerosakan (baik/masih boleh digunapakai/rosak) dan juga penyelenggaraan minor. Kesan Tindakan: Penyelenggaraan berkala telah berjaya meminimumkan kadar kerosakan mikroskop di makmal. Selain itu, bilangan mikroskop yang ada mencukupi untuk kegunaan amali pelajar pada satu-satu masa, dengan bilangan maksimum pelajar yang dibenarkan setiap makmal pengajaran dihadkan kepada 30 orang sahaja.	ms 396, Volume 2). Anggaran perbelanjaan untuk penyelenggaraan mikroskop (Jadual 5.6, ms 155, Volume 1). Penyelenggaraan Mikroskop Secara Berkala Dan Panduan Penggunaan (Lampiran 77, ms 392, Volume 2).

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
4. Kekurangan peruntukan kewangan untuk aktiviti kerja lapangan dan pembelian sampel biologi bagi kelas amali disebabkan oleh proses perolehan bajet yang kurang efisien dan mengambil masa yang lama.	Tindakan: 1. Menyusun atur aktiviti pengajaran yang melibatkan amali dan kerja lapangan agar selaras dengan keperluan dan kos perbelanjaan. 2. Mengadakan aktiviti amali dan kerja lapangan secara bersama bagi kursus-kursus yang mempunyai komponen amali yang setara. Kesan Tindakan: Pelaksanaan kelas amali dan kerja lapangan kursus yang terlibat berjaya dijalankan tanpa ada sebarang penangguhan.	Anggaran perbelanjaan kerja lapangan bagi kursus teras (Jadual 5.8, ms 158, Volume 1). Anggaran perbelanjaan amali (Lampiran 80, ms 396, Volume 2). Contoh kursus melaksanakan aktiviti kerja lapangan secara bersama (BGY3401 & BGY3402; BGY3302 & BGY4401) (Lampiran 81, ms397, Volume 2).

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

1. Bagi meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti mikroskop, Jabatan merancang untuk:
 - a. Memohon penambahan bilangan mikroskop di dalam peruntukan kewangan RMK-13.
 - b. Meningkatkan bilangan serta kualiti kerja penyelenggaraan secara berkala pada setiap awal semester.
 - c. Memastikan staf sokongan mendapatkan latihan dan pentauliahan penyelenggaraan mikroskop.
2. Bagi memastikan keperluan kemudahan ICT dan akses internet di Jabatan Biologi, Jabatan akan terus memohon penaiktarafan *wifi*

kepada Fakulti dan IDEC dengan mencadangkan:

- a. Meningkatkan bilangan *antenna wifi* setiap aras di Jabatan.
- b. Meletakkan *Wifi extender* bagi meningkatkan isyarat *wifi*.
- c. Meningkatkan kelajuan wifi ke 100 *megabyte/sec*.

3. Untuk mengatasi masalah ketidakcukupan ruang dan kawasan rumah kaca atau rumah tumbuhan di masa akan datang, antara langkah penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah:
 - a. Penyediaan jadual penggunaan ruang tumbuhan di Jabatan juga akan dibuat lebih awal untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan penggunaan ruang.
 - b. Pengurusan kemudahan rumah tumbuhan yang efektif di peringkat Jabatan bagi mengelakkan monopoli penggunaan dan pembahagian ruang yang lebih sekata.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Jabatan Biologi komited dalam menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kondusif dengan kemudahan lengkap, termasuk fasiliti yang menempatkan koleksi dan rujukan spesimen biologi, ruang pembelajaran *Smart Classroom*, ruang interaksi sosial, serta kelengkapan saintifik seperti mikroskop berkamera yang menyokong amali dan penyelidikan. Namun, keterbatasan peruntukan kewangan memberi impak kepada pelaksanaan kursus, terutamanya yang melibatkan penggunaan sampel biologi dan aktiviti luar. Walaupun Jabatan berusaha mengatasi kekangan ini melalui penyelesaian kreatif dan pengurusan sumber yang optimum, strategi jangka panjang yang mampan perlu dirangka. Fokus utama termasuk meningkatkan kualiti kerja penyelenggaraan, memperkukuhkan pengurusan fasiliti dan infrastruktur secara efektif, serta memohon dana tambahan untuk memperbaiki peralatan usang. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan kelangsungan PdP yang berkualiti dan melahirkan graduan yang kompeten.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

BIDANG 6: PENGURUSAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Proses pemantauan kecemerlangan dan prestasi staf akademik dilaksanakan dengan berkesan dan secara berkala melalui program Mentor-Menti.	1. Aktiviti Mentor-Menti perlu dilaporkan dalam tempoh 2 kali setahun (Laporan sukuan Mentor-Menti Fakulti Sains) bagi pemantauan dan penilaian prestasi yang berterusan. 2. Mentor staf akademik melibatkan mentee dalam aktiviti penyelidikan seperti penerbitan, permohonan geran, penyeliaan pelajar, persidangan dan kolaborasi dengan pihak luar. Bagi aktiviti pengajaran, mentor akan membimbing mentee dalam kaedah PdP yang efektif.	Laporan Aktiviti Mentor-Menti Mengikut Sukuan Tahunan (Lampiran 88, ms 411-416, Volume 2). Contoh Aktiviti Mentor-Menti (Lampiran 89, ms 417-427, Volume 2).
2. Jawatankuasa ISO di Jabatan Biologi yang terdiri daripada seorang pensyarah dan dua pegawai sokongan bertanggungjawab memastikan pemantauan rekod akademik yang telus, sistematik dan berterusan. Maklumat penghantaran dokumen juga direkodkan di dalam <i>MasterList</i> dalam bentuk digital dan manual yang boleh dirujuk oleh semua ahli jabatan.	1. Proses penyempurnaan fail kursus dilaksanakan secara berkala pada awal, pertengahan, dan akhir semester oleh Jawatankuasa ISO jabatan dengan berpanduan senarai semak <i>MasterList</i> . 2. Penyimpanan rekod fail kursus ISO di dalam Bilik Fail diuruskan secara eksklusif oleh Jawatankuasa ISO. Rekod keperluan Ujian dan Peperiksaan disimpan selama dua tahun, manakala fail kursus semester selama tiga tahun.	Keanggotaan Jawatankuasa ISO Jabatan (Lampiran 90, ms 428, Volume 2). Pemantauan Penghantaran Dokumen ISO (Lampiran 91, ms 429-432, Volume 2). <i>MasterList</i> Senarai Semak Penghantaran Dokumen ISO (Lampiran

Commented [A33]: Lebih sesuai dibincangkan dalam Bidang 4.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK ; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
		92, ms 433-434, Volume 2).

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan <i>isu/cabaran</i> yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU ; <i>isu/cabaran</i> yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN ; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Arahan saat akhir dari peringkat atasan yang mengakibatkan kekeliruan dan ketidaksempurnaan dalam pelaksanaan program. Sebagai contoh, tarikh tutup pendaftaran pelajar antarabangsa yang lewat telah menjejaskan kualiti aktiviti pembelajaran dan pengajaran.	Tindakan dan Pelaksanaan: Mengukuhkan koordinasi antara Pejabat Timbalan Dekan Akademik fakulti, Penyelaras Jadual, dan Penasihat Akademik di jabatan bagi memastikan proses pendaftaran kursus dilaksanakan dengan cepat dan lancar. Kesan Tindakan: Pelajar dapat mengejar silibus dan tidak banyak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun lewat mendaftar kursus.	Contoh Koordinasi Penyelaras Jadual Dan Pendaftaran Pelajar (Lampiran 93, ms 435-439, Volume 2).
2. Nisbah pensyarah dan pegawai sokongan yang rendah dari ketetapan UPM iaitu 1:1.1 berbanding 1:2. Sehingga bulan Januari 2025, Jabatan mempunyai dua orang Pegawai Sains, 14 orang Penolong Pegawai Sains, seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) dan tiga orang Pembantu Operasi.	Tindakan dan Pelaksanaan: 1. Mengemukakan permohonan untuk mendapatkan staf pelaksana baharu setiap tahun. 2. Merancang dan menyusun agihan tugas setiap tahun berdasarkan kemahiran staf sedia ada dan	Bidang Tadbir Urus Jabatan Biologi (Lampiran 7, ms 51-55, Volume 2). Organisasi Pengurusan

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
	bilangan staf yang bersara. 3. Pelaksanaan kursus yang sama bagi dua program berbeza secara serentak untuk mengurangkan beban tugas berulang staf pelaksana. Kesan Tindakan: 1. Jabatan kini mempunyai dua orang Pegawai Sains, 14 orang Penolong Pegawai Sains sehingga Januari 2025. 2. Agihan tanggungjawab yang lebih saksama telah mengurangkan tugas staf sokongan terutamanya berkaitan tugas JK di peringkat Fakulti. 3. Pelaksanaan kelas amali dan kerja lapangan kursus berjaya dijalankan tanpa ada sebarang penangguhan.	Program (Lampiran 94, ms 440-443, Volume 2). Tarikh Lantikan Pegawai Sokongan Mengikut Tahun (Lampiran 95, ms 444, Volume 2). Senarai Agihan Tugas Pegawai Sokongan (Lampiran 96, ms 445-450, Volume 2). Penyusunan Pelaksanaan Kursus yang Sama Bagi Program Pengajian yang Berbeza (Lampiran 42, ms 280-282, Volume 2).
3. Rekod ujian, peperiksaan dan fail kursus yang disimpan secara fizikal terdedah kepada risiko kehilangan atau kerosakan dokumen. Selain itu, pensyarah mengalami masalah ruang penyimpanan di bilik masing-masing untuk menyimpan rekod ujian dan peperiksaan.	Tindakan dan Pelaksanaan: Menempatkan semua rekod ujian, peperiksaan dan fail kursus di sebuah bilik khas yang selamat di Jabatan. Akses ke bilik ini dihadkan kepada Ketua Jabatan dan ahli Jawatankuasa ISO sahaja bagi memastikan keselamatan dan integriti dokumen. Kesan Tindakan:	Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran Program Prasiswazah (Lampiran 97, ms 451-453, Volume 2).

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
	Keselamatan rekod ujian, peperiksaan, dan fail kursus lebih terjamin dengan pengawalan akses yang lebih ketat. Ini mengurangkan risiko kehilangan maklumat dan meningkatkan kecekapan pentadbiran secara keseluruhan.	

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

- a. Mewujudkan pangkalan data digital khas untuk menyimpan rekod dan maklumat akademik seperti senarai nama pelajar mengikut kohort, jadual dan dokumen semakan kurikulum. Pangkalan data ini akan memudahkan pemantauan dan akses maklumat bagi Ketua Jabatan dan Jawatankuasa ISO.
- b. Jabatan perlu melaksanakan agihan tugas pentadbiran secara bergilir setiap tiga tahun, mengikut keperluan semasa program dan bilangan staf. Pendekatan ini bertujuan memberi peluang kepada staf akademik dan staf pelaksana untuk mengembangkan kemahiran dalam pelbagai aspek tadbir urus, sekaligus meningkatkan keberkesanan pengurusan jabatan.
- c. Bagi memastikan bilangan dan kualiti staf pelaksana kekal pada tahap yang optima, Jabatan bercadang untuk:
 - i. Terus memohon penambahan atau penggantian staf baharu mengikut bilangan staf yang bakal bersara.
 - ii. Menjalankan program peningkatan kemahiran berkaitan biologi kepada staf pelaksana dari semasa ke semasa.
 - iii. Mengadakan program pemindahan kemahiran dari staf yang bakal bersara kepada staf pelaksana yang baharu, yang dijalankan setahun sebelum tarikh persaraan bagi memastikan kesinambungan operasi.
 - iv. Menyediakan pembangunan profesional secara berterusan serta pelbagai peluang latihan bagi meningkatkan prestasi staf pelaksana.
 - v. Mengamalkan program pengiktirafan staf akademik dan pelaksana sebagai tanda penghargaan dan motivasi.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Jabatan terus komited dalam menambah baik pengurusan program melalui struktur pengurusan yang lebih tersusun dan berfokus pada keperluan program, pelajar, dan pentadbiran. Usaha ini memastikan kelancaran pengurusan serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program secara menyeluruh. Keutamaan terhadap peningkatan kualiti dan penambahbaikan berterusan telah memperkukuh pengurusan program dan rekod akademik, dengan langkah seperti penyelarasan maklumat, digitalisasi rekod dan pemantauan prestasi staf secara sistematik. Walaupun menghadapi cabaran dalam koordinasi serta nisbah pensyarah kepada staf sokongan, tindakan proaktif seperti permohonan untuk staf tambahan dan pengagihan tugas yang lebih adil telah membantu melancarkan operasi. Penglibatan aktif staf dalam Tadbir Urus telah meningkatkan kecekapan serta ketelusan pentadbiran. Secara keseluruhan, komitmen Jabatan dalam mengatasi cabaran telah membentuk asas pengurusan program yang kukuh yang menjamin keberkesanan program pada masa hadapan.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

Bidang 7: Pemantauan, Semakan Program, dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
1. Program BSBDK dipantau oleh Tadbir Urus Pengurusan Akademik, HEP dan Alumni Jabatan yang terdiri daripada 10 orang pensyarah, termasuk enam ahli jawatankuasa kurikulum di peringkat fakulti dan universiti: • dua orang merupakan ahli Jawatan Kuasa Kecil Kurikulum Universiti (JKKKU dan JKKKPSU). • tiga orang merupakan ahli Jawatankuasa Kurikulum Fakulti Sains. • satu orang merupakan ahli Jawatankuasa Penjadualan Akademik Fakulti Sains.	1. Ahli Tadbir Urus yang memegang jawatan di peringkat fakulti dan universiti memainkan peranan aktif dalam menyampaikan maklumat berkaitan peningkatan kualiti berterusan dalam pengurusan program. 2. Pensyarah baharu dilibatkan sebagai ahli jawatankuasa semakan program untuk memastikan kesinambungan pemantauan perogram. 3. Sistem penggiliran tugas dilaksanakan bagi memastikan setiap ahli Tadbir Urus memperoleh pemahaman dan pengetahuan berkaitan hal ehwal akademik yang lebih luas.	Bidang Tadbir Urus Pengurusan Akademik, HEP Dan Alumni (Lampiran 98, ms 454-455, Volume 2). Penglibatan Pensyarah Jabatan Di JK Kurikulum Universiti Dan Fakulti (Lampiran 99, ms 456-460, Volume 2). Contoh Penyampaian Maklumat Akademik Universiti di Jabatan - Bengkel/Laporan Pelaksanaan EXCEL-REAL Jabatan Biologi (Lampiran 4, ms 20-32, Volume 2).
2. Pemantauan secara berkala (setiap semester atau tahunan) dan sistematik berkenaan data pencapaian program, penilaian akademik pelajar, keberkesanan pengajaran, serta maklum balas pemegang taruh.	1. Analisa dan penambahbaikan berterusan dilakukan melalui pemantauan berkala dalam memastikan kualiti dan keberkesanan program adalah di tahap tertinggi.	Pemantauan pencapaian akademik pelajar setiap semester - Contoh Catatan Bengkel

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
	2. Jabatan Biologi telah mengambil inisiatif melalui penubuhan JK Pengurusan Data Akademik bagi tujuan pengumpulan dan pengurusan data berkaitan hal ehwal akademik secara konsisten. 3. Objektif Pendidikan Program (PEO) dan sasaran pencapaian sentiasa dikemaskini dan diselaraskan agar kekal relevan dengan perkembangan semasa dan keperluan industri.	PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2). Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Pengajaran (Lampiran 100, ms 461-464, Volume 2). Laporan Pencapaian PEO (Lampiran 45, ms 294-297, Volume 2). Laporan Kajian Kebolehpasaran Graduan (Lampiran 1, ms 1-9, Volume 2). Laporan Kajian Exit Survey (Lampiran 2, ms 10-14, Volume 2). Tinjauan Pelajar Semasa dan Alumni (Jadual 1.7, ms 43, Volume 1). Maklum Balas Latihan

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
		Industri (Jadual 1.8, ms 44, Volume 1). JK Pengurusan Data Akademik (Lampiran 101, ms 465, Volume 2). Kertas Makluman Pindaan Pengukuran PEO (Lampiran 102, ms 466-472, Volume 2).
3. Pemantauan perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara sistematik melalui bengkel PEOPOLOKI sebelum permulaan setiap semester baharu. Rancangan pengajaran dan Jumlah Jam Pembelajaran diselaraskan dengan tahap pengajian serta PLO.	1. Memastikan pelaksanaan aktiviti PdP lebih terancang, telus, dan selaras dengan matlamat akademik program, dengan mewujudkan <i>masterlist</i> aktiviti PdP yang menghimpunkan semua aktiviti pengajaran bagi setiap kursus dalam satu semester untuk tujuan pemantauan. 2. Memastikan sebarang perubahan dalam pelaksanaan aktiviti PdP perlu dimaklumkan dan mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan selewat-lewatnya dua minggu sebelum aktiviti dijalankan.	Contoh Catatan Bengkel PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2). <i>Masterlist</i> Taburan Penilaian Berterusan Kursus Teras & Elektif (Lampiran 103, ms 473-478, Volume 2). Makluman Pelaksanaan Kerja Lapangan (Lampiran 104, ms 479-480, Volume 2).

Commented [A34]: Inisiatif ini merupakan langkah yang sangat baik. Namun, untuk mengukuhkan hujah kekuatan, dicadangkan agar dinyatakan sama ada melalui *masterlist* ini turut dilaksanakan analisis beban kerja pelajar dan penjadualan minggu penilaian mengikut kohort. Sekiranya ya, maklumat tersebut wajar dibincangkan bagi menunjukkan impak positif dan keberkesanan inisiatif ini dalam menyokong keseimbangan beban akademik serta pengurusan penilaian yang lebih terancang.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
Kaedah pengumpulan dan pemantauan pencapaian hasil pembelajaran kursus (CLO), hasil pembelajaran program (PLO) dan objektif pendidikan program (PEO) tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh berikutan ketidakstabilan sistem PutraOBE.	Tindakan dan Pelaksanaan: 1. Jabatan memantau pencapaian program secara manual melalui laporan CAM (<i>Course Assessment Marks</i>) untuk menilai PLO setiap kursus, yang kemudiannya dipetakan secara kolektif bagi keseluruhan kohort. Penilaian CLO oleh pensyarah dilakukan setiap semester melalui <i>Course Assessment Summary</i> (CAS), manakala pencapaian PLO dinilai oleh Ketua Jabatan, Timbalan Dekan (Akademik & HEP), dan Dekan melalui laporan <i>Programme Outcome Summative Evaluation</i> (POSE). Pencapaian PLO menjadi agenda utama dalam bengkel PEOPOLOKI, dengan data CAM dan tinjauan graduan digunakan untuk menilai pencapaian PEO. Pensyarah juga digalakkan melakukan refleksi sendiri dan membincangkannya dalam mesyuarat jabatan. 2. Latihan kepada pensyarah dirancang untuk membantu Jabatan memantau pencapaian PLO pada setiap kohort melalui tafsiran <i>Course Assessment Summary</i> (CAS). 3. Fakulti telah membentuk Jawatankuasa <i>Outcome Based Education</i> (OBE) yang melibatkan ahli dari setiap Jabatan. Penilaian pencapaian program dan	Contoh Catatan Bengkel PEOPOLOKI (Lampiran 19, ms 146-159, Volume 2). Contoh Analisis CGPA Setiap Kohort (Lampiran 20, ms 160-170, Volume 2). Rumusan Laporan CAM (Lampiran 22, ms 173-174, Volume 2). Contoh Borang Ringkasan Penilaian Kursus (Course Assessment Summary - CAS) (Lampiran 23, ms 175-178, Volume 2). Contoh Ringkasan Laporan Programme Outcomes Summative Evaluation (POSE)

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan / pembuktian
	kursus seperti CAM, CAS, ACAS, dan POSE juga dilakukan secara manual melalui bengkel PEOPOLOKI di Jabatan sebelum semester baharu bermula. Kesan Tindakan: Pelaksanaan penilaian CAS, ACAS, dan POSE masih belum dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem PutraOBE. Sebagai alternatif, dapatan manual CAM telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa OBE Fakulti Sains Bil. 1 pada 11 Oktober 2024.	(Lampiran 24, ms 179-180, Volume 2). Contoh Panduan Pengisian Borang CAS (Lampiran 105, ms 481, Volume 2). Minit Mesyuarat JK OBE Fakulti Sains (Lampiran XX, ms 51-55, Volume 2).

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

- a) Melaksanakan sistem penggiliran bidang tadbir urus untuk memastikan semua pensyarah di Jabatan memperoleh pemahaman dan pengetahuan yang lebih luas mengenai hal ehwal kurikulum, sekaligus meningkatkan kecekapan pengurusan.
- b) Pihak jabatan/fakulti perlu mewujudkan pangkalan data (cth: Google Drive) yang merangkumi analisis data prestasi akademik pelajar dan maklum balas pemegang taruh. Data ini harus disampaikan dengan jelas dalam bentuk laporan yang mudah difahami oleh pengurusan universiti.
- c) Melaksanakan mesyuarat berkala antara pihak pengurusan universiti, jabatan dan fakulti untuk berbincang mengenai hasil pemantauan dan langkah-langkah penambahbaikan.

Commented [A35]: Ini adalah amalan umum.

- d) Memberi tumpuan dalam pembangunan kapasiti jabatan/fakulti melalui latihan staf akademik dan pentadbiran dalam pengurusan kualiti, teknologi pendidikan dan trend akademik terkini. Universiti perlu menyediakan sokongan dan sumber untuk memastikan staf mahir dalam pemantauan kualiti dan cabaran akademik.
- e) Pelaksanaan penandaarasan program dengan universiti luar yang melibatkan perbandingan struktur kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran.

4. **Rumusan dan refleksi sendiri**

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Proses penambahbaikan dan pemantauan hal ehwal berkaitan secara langsung dan tidak langsung terhadap program telah dilaksanakan dengan baik oleh Jabatan dengan bantuan semua pensyarah di dalam bidang tadbir urus yang khusus. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan program ini boleh ditambah baik melalui penyelarasan di peringkat Jabatan, Fakulti dan Universiti agar hasil pemantauan dapat difahami dan diterjemahkan dengan jelas mengikut keupayaan Jabatan.

Commented [A36]: Boleh dinyatakan contoh-contoh pemantauan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

5. **Penilaian Kendiri**

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	✓
5	Contoh amalan terbaik	

LAMPIRAN 3.3

**CONTOH PENULISAN PSRR TIGA PROGRAM RINTIS:
MASTER KEUSAHAWANAN
(SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI)**

.....



IMBAS UNTUK RUJUK
DOKUMEN
SOKONGAN/PEMBUKTIAN

BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
i) Semakan semula program Master Keusahawanan perlu dijalankan setiap lima tahun, namun ahli program telah memulakan proses semakan semula kurikulum lebih awal iaitu setiap tiga tahun. Ini bagi memastikan kelulusan semakan program diperolehi sebelum tamat tempoh lima tahun tersebut. ii) Semakan kurikulum program ini adalah berdasarkan kepada Standard Program: Pengajian Perniagaan (<i>Program Standard: Business Studies</i>) mengikut MQF Edisi Kedua (2021). Mengikut MQA Bil. 11/2020 pada 21 Disember 2020, MQA telah menambah baik Hasil Pembelajaran dalam Standard Program: Pengajian Perniagaan dan telah menjajarkan semula Hasil Pembelajaran Program (<i>Programme Learning Outcome, PLO</i>) dalam standard program berdasarkan domain tertentu. Selain itu, semakan kurikulum program juga perlu mengambil kira laporan audit AACSB dan EQUIS.	i) Menyediakan garis masa bertulis yang dikongsi secara berkala bersama ahli program. ii) Penawaran kursus baharu selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), kurikulum yang disemak semula akan menekankan perniagaan digital, inovasi, dan keusahawanan berasaskan teknologi. Kursus akan mengintegrasikan modul berkaitan e-dagang, analitik data, dan pemasaran digital, bagi memastikan pelajar mahir dalam alat serta strategi yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi digital.	Lampiran A (1) (i): Surat Lantikan JK Semakan. Dapatan pencapaian PEO, PLO, Pengukuran dan pencapaian CLO. Keputusan pelajar kadar keciciran dan jumlah bergraduate, <i>exit survey</i>, Penandaarasan, keperluan semasa bidang. Lampiran A (1) (ii) : Kajian pasaran, <i>employer survey</i>. Lampiran A (1) (ii) : Laporan kajian alumni.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
iii) Mesyuarat strategik berkala yang dipengerusikan oleh Dekan berfungsi sebagai platform untuk menilai inisiatif akademik dan memastikan keselarasan dengan matlamat institusi UPM serta piawaian akreditasi SPE (EQUIS dan AACSB). iv) Ahli Jawatankuasa Pengajian Program (JKPP) yang dilantik adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan semakan semula kurikulum program yang ditawarkan. Ahli-ahli terdiri daripada ahli ternama/tersohor, ahli industri, wakil kerajaan, ahli bidang, ahli <i>ad hoc</i> dan ahli bersekutu telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program yang telah dijalankan pada 9hb. Mei 2023, pukul 9.00 pagi, secara hibrid di Dewan Senat, Bangunan Canselor Putra, UPM.	iii) Maklumat hala tuju strategik berkenaan program dan penilaian program boleh dikongsi secara berkala dengan ahli program. iv) Melibatkan lebih ramai ahli JKPP yang terdiri dari pakar bidang dan dilaksanakan secara tahunan berbanding mengikut keperluan sekali setiap kali semakan.	Lampiran A (1) (ii) : Data kebolehpasaran graduan laporan audit AACSB dan EQUIS - minta dari unit akreditasi. Dokumen Coppa Audit sementara program Polisi penilaian program (Senat, JPT, MQA) - carta alir semakan dan dokumen <i>standard Business Studies</i>. Lampiran A (1) (iii): Minit mesyuarat strategik atau JK Mesyuarat Strategik. Lampiran A (1) (vi): Minit Mesyuarat JKPP.

Commented [A1]: Dua item ini boleh digabungkan bagi menunjukkan bahawa program bukan sahaja memenuhi keperluan asas akreditasi tempatan, malah melepasi tahap tersebut dengan menepati piawaian antarabangsa seperti AACSB dan EQUIS. Ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen program terhadap standard global, amalan terbaik dalam pendidikan perniagaan, dan penambahbaikan berterusan, sekaligus menjadi kekuatan utama yang boleh diketengahkan dalam laporan.

Commented [A2]: Pernyataan ini merujuk kepada aktiviti rutin yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan minimum penawaran program. Justeru, ia tidak perlu diketengahkan dalam laporan PSRR kerana tidak memberi nilai tambah yang signifikan terhadap penilaian kualiti program. Sebaiknya, fokus diberikan kepada amalan baik, inisiatif luar kebiasaan, atau penambahbaikan berimpak tinggi yang mencerminkan komitmen program terhadap penjaminan kualiti berterusan.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
v) 97% majikan yang disoal selidik mengakui bahawa program ini relevan dengan perkembangan sektor digital serta keperluan tenaga kerja masa kini.	v) Mendapatkan maklum balas secara tahunan dengan melibatkan lebih ramai responden untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas secara berkala berkenaan keperluan industri terhadap graduan program. Melalui kekerapan penilaian majikan, ia juga boleh membantu memperkukuhkan kurikulum sedia ada.	Lampiran A (1) (v): Laporan Kajian Majikan.
vi) Program ini ditawarkan dalam secara trimester dan boleh ditamatkan dalam tempoh satu tahun sahaja berbanding program master yang sama ditawarkan di universiti lain. Ini bagi memenuhi kehendak industri.	vi) Mendapatkan maklum balas secara tahunan berkenaan keperluan pemendekan tempoh pengajian dari JKPP, Penilai Luar, maklum balas syarikat perniagaan sangkutan industri dan survei majikan.	Lampiran A (1) (vi): COPPA Akreditasi Sementara Master Keusahawanan.
vii) Program ini menawarkan sangkutan industri dengan syarikat perniagaan bertujuan memberi pendedahan kepada aspek keusahawanan sebenar sebelum pelajar membangunkan pelan perniagaan mereka. Ia tidak ditawarkan dalam program yang sama di universiti tempatan yang lain.	vii) Menambahkan jumlah dan menggalakkan lebih banyak syarikat perniagaan yang boleh menawarkan tempat sangkutan industri. Dengan jumlah penglibatan yang lebih banyak, SPE boleh mengeluarkan garis panduan penapisan syarikat mengikut kualiti yang ditetapkan.	Lampiran A (1) (vii): PS Business Standard.

Commented [A3]: Pernyataan V) dan tindakan V) tidak sesuai diketengahkan sebagai kekuatan kerana ia tidak menunjukkan kelebihan luar biasa program berbanding amalan lazim. Selain itu, berdasarkan semakan ke atas Lampiran A(1)v, dokumen yang dilampirkan adalah laporan exit survey pelajar dan bukannya kajian majikan. Tambahan pula, bilangan responden yang sangat terhad (hanya 5 orang) tidak cukup mewakili populasi untuk membuat kesimpulan yang kukuh.

Cadangan: Jika ingin mengekalkan elemen ini sebagai kekuatan, program perlu melampirkan bukti kajian majikan yang sahih dan representatif serta menunjukkan bagaimana maklum balas tersebut telah dimanfaatkan untuk penambahbaikan kurikulum/program.

Commented [A5]: Kekuatan program iaitu tempoh pengajian yang singkat dan boleh diselesaikan dalam masa setahun adalah nilai tambah yang jelas dan menarik, khususnya bagi pelajar yang ingin segera memasuki pasaran kerja atau melanjutkan pelajaran.

Namun, tindakan susulan yang dinyatakan tidak selari atau kurang menyokong pengukuhan kekuatan tersebut. Ini akan menunjukkan kesinambungan antara kekuatan dan tindakan pengukuhan amalan terbaik.

Commented [A4]: Sangat baik dan merupakan nilai tambah utama yang menjadi faktor penarik (wow factor) kepada program.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)</i>	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran <i>(Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
i) Keperluan standard yang berubah memerlukan tambahan masa dan tenaga ahli program untuk memahami keperluan perubahan standard program, saranan dari audit AACSB dan EQUIS. Cabaran memahami pemetaan standard UPM dan standard program. ii) Ahli program yang terlibat dengan penyediaan dokumen semakan program merupakan pensyarah yang mengajar kursus yang ditawarkan dalam program. Dengan tempoh dan mod pengajian bertukar kepada Trimester, ia memerlukan komitmen yang sangat besar dari setiap pensyarah yang terlibat dalam menyediakan dokumen semakan yang menjamin kualiti pembangunan dan penyampaian program. iii) Jumlah Maklum Balas Kepuasan Alumni dan Majikan terhadap program adalah sedikit.	i) Bengkel pemahaman berkenaan keperluan standard program dilakukan secara berkala. ii) Dua Pegawai dilantik - satu pegawai khusus untuk membantu dalam penyediaan dokumen semakan dan satu pegawai dalam pengurusan program bagi membantu Penyelaras Bidang dan pensyarah. iii) Melakukan penilaian dengan lebih kerap dan notis peringatan untuk mendapatkan maklum balas dilakukan melalui pelajar, pensyarah dan Penyelaras Bidang	Lampiran A (2) (i): Bengkel Pelan Strategik SPE 2024. Lampiran A (2) (i): Notis perubahan standard MQA dan UPM. Lampiran A (2) (ii) Surat panggilan mesyuarat semakan. Lampiran A (2) (ii) JD Syairah (PE4).

Commented [A7]: Dicadangkan untuk melampirkan takwim bengkel berkaitan.

Commented [A6]: Cabaran dan tindakan yang dinyatakan adalah jelas dan tepat.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Program ini akan melaksanakan semakan kurikulum secara berkala dengan garis masa yang jelas serta mesyuarat strategik dipengerusikan oleh Dekan bagi memastikan kelulusan tepat waktu dan keselarasan dengan piawaian EQUIS dan AACSB.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Rumusannya, penyampaian dan pembangunan program adalah komponen yang amat penting bagi memastikan kemampanan program yang bertaraf antarabangsa.

Commented [A8]: Rumusan ini perlu dibaiki. Rujuk definisi rumusan dalam buku panduan.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	✓

BIDANG 2: PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan <i>(Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)</i>	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan <i>(Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)</i>	Dokumen sokongan/ pembuktian
i) Kaedah yang digunakan di SPE untuk menghubungkan penilaian dengan hasil pembelajaran adalah melalui <i>Assurance of Learning (AoL)</i>. AoL adalah kaedah penilaian AACSB yang dijalankan setiap trimester untuk memastikan kaedah penilaian kursus selari dengan hasil pembelajaran. Ia melibatkan piawaian AACSB yang memberi fokus pada kualiti kurikulum, termasuk proses dan prosedur sebelum dan selepas penilaian. AoL menekankan pentingnya penilaian pembelajaran pelajar, memberikan bukti bahawa pelajar mencapai matlamat pembelajaran yang membentuk asas kurikulum. Penilaian pelajar dilakukan secara formatif dengan ratio 70:30. Penilaian dijalankan sepanjang 14 minggu pengajian dalam bentuk pembentangan dalam kelas, kerja berkumpulan, tugas dan kuiz sementara pada minggu 6-7 ujian pertengahan dijalankan dan seterusnya penilaian akhir pengajian. Secara rumusan, kekuatan SPE adalah dari segi pelaksanaan penilaian pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah seperti moderasi, pengukuran <i>Assurance of Learning AOL</i>, penggunaan rubrik dan bengkel <i>Closing the Loop</i>. Keberkesanan kaedah penilaian ini dapat dilihat dari jumlah pelajar gagal bergraduasi yang sangat rendah bagi tempoh	i) Bagi meningkatkan kualiti penilaian, SPE telah menjalankan beberapa kaedah pemantapan penilaian pelajar seperti bengkel Moderasi Peperiksaan Akhir, mesyuarat pelarasan markah peperiksaan akhir dan pelaksanaan OBE.	Lampiran B (1) (i) Contoh AoL dan borang berkaitan. Lampiran B (1) (i) : BUKTI Bukti jumlah kemasukan pelajar 2018, 2019, 2020, 2021, 2022, 2023, 2024.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian																		
2018-2023 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1 dan data keseluruhan dalam Lampiran 2.1. Jadual 2.1: Jumlah pelajar gagal dalam tempoh 6 tahun bagi program master keusahawanan <table><tr><td></td><td>2020</td><td>2021</td><td>2022</td><td>2023</td><td>2024</td></tr><tr><td>Jumlah pelajar gagal bergraduasi (<i>Withdraw</i>)</td><td>0</td><td>0</td><td>2</td><td>2</td><td>1</td></tr><tr><td>Jumlah pelajar bergraduasi</td><td>4</td><td>20</td><td>17</td><td>12</td><td>34</td></tr></table>		2020	2021	2022	2023	2024	Jumlah pelajar gagal bergraduasi (<i>Withdraw</i>)	0	0	2	2	1	Jumlah pelajar bergraduasi	4	20	17	12	34		
	2020	2021	2022	2023	2024															
Jumlah pelajar gagal bergraduasi (<i>Withdraw</i>)	0	0	2	2	1															
Jumlah pelajar bergraduasi	4	20	17	12	34															

Commented [A9]: Tempoh 2018–2023 yang dinyatakan perlu disemak semula agar selaras dengan maklumat dalam Jadual 2.1 untuk memastikan keseragaman dan ketepatan data yang dilaporkan.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
i) Laporan secara bertulis oleh Penyelia industri melalui sangkutan industri sukar dinilai kerana tiada 'garis panduan' yang dibangunkan mahu pun sesi 'briefing' dijalankan bersama mereka.	ii) Mewujudkan platform interaksi antara Penyelia SPE dan Penyelia industri bagi menambahbaik proses maklumbalas sangkutan industri.	Lampiran B (2) (i) Borang laporan penyelia industri.

Commented [A10]: Kaedah penulisan adalah baik dan tersusun. Dicadangkan untuk menambah pernyataan tentang kesan atau impak daripada tindakan yang diambil bagi mengukuhkan penilaian.

3. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti setiap bidang penilaian

(Nyatakan cadangan penambahbaikan alternatif selain yang dinyatakan di item 1 dan 2 sebagai langkah untuk mengekalkan/meningkatkan kualiti program; nyatakan langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan cadangan)

Mesyuarat Pelarasan Markah Peperiksaan Akhir yang dipengerusikan oleh Penyelaras Bidang akan diwujudkan untuk menyemak dan menentusah keputusan gred akhir dan melibatkan semua pensyarah yang terlibat bagi semester tersebut.

4. Rumusan dan refleksi sendiri

(Nyatakan refleksi sendiri berdasarkan kekuatan, strategi pengkalan kekuatan, cabaran dan isu, strategi mengatasinya dan cadangan penambahbaikan untuk kelestarian program)

Kesimpulannya pelbagai kaedah telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penilaian pembelajaran dan pengajaran. Sekolah sentiasa memastikan penambahbaikan dijalankan secara berkala demi kelestarian dan kemapanan program.

Commented [A11]: Rumusan ini perlu dibaiki. Rujuk definisi rumusan dalam buku panduan.

5. Penilaian Kendiri

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian sendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh amalan terbaik	✓

BIDANG 3: PEMILIHAN PELAJAR DAN KHIDMAT SOKONGAN

1. Kekuatan program serta strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
i) Sebagai sekolah perniagaan pertama di Malaysia yang mendapat akreditasi antarabangsa AACSB dan EQUIS, program Master Keusahawanan mempunyai syarat kemasukan yang lebih tinggi (PNGK minimum 3.0) berbanding syarat kemasukan umum di UPM dan yang ditetapkan di dalam Standard Program: Pengajian Perniagaan MQF Edisi Kedua (2021) (PNGK minimum 2.5). ii) Pelajar yang memohon ke program Master Keusahawanan perlu memenuhi syarat Bahasa Inggeris iaitu minimum band 4 MUET atau Band 6.0 bagi IELTS atau skor diantara 79-80 bagi TOEFL. Selain itu, SPE menjalankan sesi temuduga bagi pelajar antarabangsa untuk memastikan tahap Bahasa Inggeris pemohon adalah baik. Ini adalah salah satu strategi SPE untuk memastikan pengambilan pelajar berkualiti ke program Master Keusahawanan. iii) SPE menyediakan pelbagai kemudahan seperti bilik perbincangan, bilik peperiksaan komprehensif, dan ruang rehat khusus untuk pelajar siswazah. Sokongan inklusif untuk pelajar keperluan khas termasuk kemudahan fizikal dan kelas di tingkat bawah juga disediakan. Keputusan Analisis Kajian Pasaran dalam Kalangan Alumni menunjukkan 97% pelajar bersetuju bahawa SPE menawarkan fasiliti yang kondusif, selesa dan	i) Untuk mengekalkan dan meningkatkan pencapaian akreditasi dan pengiktirafan yang telah dicapai, SPE melaksanakan audit dalaman berkala dan penilaian prestasi untuk memastikan program memenuhi standard yang telah ditetapkan. Selain itu, SPE juga menerapkan budaya penambahbaikan berterusan melalui amalan pengurusan kualiti seperti ISO 9001:2015. ii) Rubrik penilaian temuduga dapat memastikan pelajar mempunyai tahap dan kualiti bahasa Inggeris yang baik. Garis panduan yang jelas juga boleh diwujudkan untuk memastikan kualiti dan set kemahiran pelajar yang sama diperoleh bagi setiap kohort. iii) Untuk kekal berdaya saing terutamanya dalam era digital, SPE perlu meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran dengan penggunaan teknologi terkini dari masa ke semasa.	Lampiran C (1) (i): Syarat kelayakan masuk program; Standard Program: Pengajian Perniagaan MQF Edisi Kedua (2021) – muka surat 38. Lampiran C (1) (ii): Contoh soalan temuduga/ Rubrik penilaian temuduga; Contoh surat temu duga. Lampiran C (1) (iii): Analisis Kajian Pasaran dalam kalangan Alumni.

Commented [A12]: Pernyataan dan lampiran tidak selaras. Tiada bukti dalam lampiran yang menyatakan bahawa 97% alumni bersetuju bahawa SPE menawarkan fasiliti yang kondusif, selesa dan berkualiti tinggi. Dicapang untuk semak semula data dan kemukakan bukti sokongan yang tepat.

Kekuatan program dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan aktiviti/tindakan yang dilaksanakan MELEBIHI tahap kepatuhan/minimum yang ditetapkan oleh standard; aktiviti/tindakan yang merupakan AMALAN TERBAIK; aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)	Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan (Nyatakan PELAN TINDAKAN bagi memperkukuh kekuatan program)	Dokumen sokongan/ pembuktian
berkualiti tinggi. iv) SPE menganjurkan <i>Graduate Transformation Lab (GT Lab)</i> dan menjalankan program " <i>Soft Skills, Training, and Employment Preparation (S.T.E.P.S @ SPE-UPM PROGRAMME)</i> " untuk membangunkan kemahiran pelajar termasuk kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah. Selain itu, SPE melalui <i>Graduate Student Club (GSC)</i> aktif dalam menjalankan pelbagai program untuk mewujudkan rangkaian antara pelajar dengan badan profesional, dunia korporat dan ahli akademik.	iv) Jawatankuasa <i>Graduate Transformation Lab (GT Lab)</i> dibentuk diperingkat SPE bagi mengurus dan menjalankan semua program pembangunan pelajar siswazah. Bagi <i>Graduate Student Club (GSC)</i> pula, seorang penasihat yang merupakan pengawai akademik SPE dilantik untuk menasihati dan memantau program dan aktiviti yang dijalankan.	Lampiran C (1) (iv): Jawatankuasa GT LAB; Carta Jawatankuasa GSC.

2. Isu/cabaran program serta langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran program

Isu/cabaran dalam bidang penilaian berkenaan (Nyatakan isu/cabaran yang diletakkan sebagai SYARAT/PENAMBAHBAIKAN DALAM AUDIT TERDAHULU; isu/cabaran yang DIKENAL PASTI SEMASA PELAKSANAAN KURIKULUM)	Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran (Nyatakan TINDAKAN yang diambil; nyatakan JUSTIFIKASI TINDAKAN yang diambil; nyatakan LANGKAH PELAKSANAAN TINDAKAN; nyatakan KESAN TINDAKAN)	Dokumen sokongan/ pembuktian
